

“Amboi, bergayanya pemain organku,” fikir Grace sewaktu mengimbas suaminya yang muda dan kacak sewaktu mereka bertemu.

Mereka bagai pinang dibelah dua ketika mendirikan rumahtangga mereka di Draycott pada tahun 1900. Gugusan lepas gugusan strawberi yang segar, manis dan berjus mewarnai kampung Draycott, Somerset. Draycott sungguh terkenal dengan strawberinya sehingga landasan keretapi di sini dikenali sebagai barisan strawberi. Gunung ganang Mendip yang berdekatan menjulang indah; Draycott yang penuh kehijauan sungguh segar dengan keindahan semula jadi dan mandian sinaran mentari pada musim panas. Bersama dengan suami tercintanya, mereka selalu menyedut udara pergunungan yang segar.

Begitu indahnya, mendirikan rumahtangga dengan jejak yang dicintainya. Cinta mereka semanis gugusan strawberi di kampungnya. Tanpa diduga Grace, Tuhan memanggil suaminya kembali ke sisinya begitu awal. Pada suatu hari yang biasa, suaminya keluar merawat seekor domba. Dia tidak menyedari seekor kambing jantan yang bertanduk berlarian amuk ke arahnya. Kambing jantan yang ganas itu menusuk dada George dengan tanduknya. Dengan sedihnya, George meninggal dunia kerana cedera parah.

Sejak George meninggal dunia, Grace bertungkus lumus mencari nafkah untuk menyara dua anaknya yang masih hingusan. Grace bukan jenis yang mengalah kerana suaminya meninggal dunia, dia tetap beriman kepada Tuhan malah dia rindu ke ladang misi. Apa daya dua anaknya masih kecil. Grace kadangkala mengeluh, “O kekasihku, seandai aku tahu aku akan ditinggalkan begini ketika aku akan dijabkabulkan pasti aku akan melarikan diri ke kampung jauh-jauh dari gereja pada hari itu.”

Pernakah sesiapa melamar Grace setelah kepergian suaminya? Encik Rabbit pernah melamarnya tetapi lamarannya tidak diterima bukan kerana giginya seperti arnab tetapi Grace tetap memikirkan dua anaknya. “Kalau aku berkahwin dengan dia,

kedua-dua anak aku akan dipanggil Arnab-Arnab Putih! Bukankah nama mereka lucu sekali? Baiklah aku membujang sajalah. Lagipula, dapatkah mereka menerima Mr. Rabbit?" fikir Grace panjang.

Wanita yang berjiwa teguh ini berkeputusan menyara dua anak ini dengan usaha sendiri. Dia rajin menganyam bakul untuk peladang-peladang strawberi di Draycott. Sejak zaman dahulu hingga kini, Draycott paling banyak menghasilkan strawberi dan bakul-bakul tetap diperlukan. Dapurinya selalu penuh dengan bakul anyaman yang segera diambil peladang-peladang untuk mengisi strawberi-strawberi Draycott yang terkenal kemanisannya.

Di tengah-tengah rumahtangga yang hidup sederhana ini tiada siapa yang sangkal Trevor akan lahir seorang mubaligh yang luarbiasa, dan doa ibu bapanya akan dijawab-Nya. Walaupun Trevor bergelagat seperti budak-budak lain yang agak giat, Grace tetap mempengaruhi dia dengan ceritanya yang terpahat pada ingatan budak ini. Dengan penuh minat, Trevor sering duduk tenang ketika ibunya menceritakan kebangunan rohani di Welsh atau cerita-cerita Alkitab.

"Wah mak, orang yang sedang berjalan di jalanraya pun tiba-tiba berlutut dan memohon pengampunan daripada Tuhan Yesus dan bertaubat?" tanya Trevor dengan mata terbeliak.

"Pengkhutbah terkenal kebangunan rohani Welsh berkhutbah empat hal yang penting sehingga dalam setahun dah 100,000 orang mengenal Tuhan. Evan Roberts menyuruh semua pendengarnya mengakui semua dosa, mencampakkan segala yang meragukan dalam hidup mereka, selalu mendengar kepada Roh Kudus, dan mengakui Kristus kepada orang lain," kata ibunya.

"Dia sendiri berkhutbah kepada 100,000 orang? Itu banyak sekali mak!" tanya Trevor.

"Dia pergi ke seluruh Selatan Lembah Wales untuk berkhutbah bersama lima penyanyinya," kata maknya yang rindu suatu hari anaknya akan menjadi pengkhutbah juga.

“Mak, siapa Evan Roberts?” tanya Trevor yang suka mendengar lebih.

“Evan seorang pemuda yang baru berumur 26 tahun yang bijak. Dia sering membaca setimbun buku teologi dan terus tenggelam mengajinya. Dia juga menjadi ketua sekolah minggu, dan berdoa untuk kebangunan rohani negaranya selama sebelas tahun,” kata maknya.

“Wah mak, dia berdoa untuk kebangunan rohani selama sebelas tahun?” tanya Trevor.

“Hasil doanya dan segelintir orang yang lain, badai kebangunan rohani datang memperbaharui kehidupan banyak pemuda pemudi. Ya, badai kasih dan kuasa ajaib yang mengubah hidup banyak orang,” kata ibunya.

“Wah! Mereka dilandai badai kasih dan kuasa sehingga menyesali dosa mereka,” ujar Trevor yang semakin asyik dengan cerita maknya.

Pelayanan Grace sebagai guru sekolah minggu mempengaruhi Trevor untuk melayani sebagai guru sekolah minggu. Prestasi belajar Trevor di sekolahnya juga agak baik walaupun sejarahnya tidak begitu bagus.

Saat panggilan istimewa daripada Tuhan terjadi apabila Trevor baru berumur 17 tahun. Trevor tidak mengalami panggilan seperti Musa yang mendengar suara dari belukar berapi. Tidak, Trevor tidak mengingat bila saat penting ini terjadi tetapi dia tahu dua hal penting yang mewarnai kehidupannya saat itu. Naluri mencuri telur-telur burung dan epal sudah hilang begitu sahaja, dan kedua, dia menyedari akan kelebihan intipati ibadat gereja Baptist.

Semangat tulus untuk melayani yang ada pada sifat Trevor diperhatikan oleh seorang pendeta Baptist yang bernama F.O. Savage. Encik F.O.Savage selalu memperhatikan pemuda-pemudi yang dapat menjadi hamba Tuhan hebat dan memberi memberi galakan kepada mereka.

“Trevor, aku ingin mengundang awak menemani aku berkhotbah di beberapa kampung di sini,” kata F.O. Savage.


Hati anak remaja ini melonjak kerana diberikan penghargaan melayani bersama seorang pendeta. Dia segera pun bersetuju dengan bahagia.

Seingat Trevor, pengalaman khutbahnya hanya membawa kenangan manis. Naskah khutbah Trevor pertama diambil daripada Yesaya, “Dia disiksa demi seksaan kita.” Pada suatu kali selepas dia berkhotbah seorang anggota gereja baik memberi dia minuman koko hangat dan biskuit. Trevor cuit ketika mengingat peristiwa berkhotbah di satu gereja: dia diminta untuk menyampaikan hadiah iaitu sebuah jam yang berloceng kepada pengantin dan mempelai yang baru. Jam itu berloceng sewaktu dia berkhotbah dan anggota-anggota gereja ketawa terbahak-bahak.

Sewaktu melayani sebagai pengkhotbah mengeliling di Crickham, Rodney Stoke dan Rooksbridge, dia bersahabat akrab dengan Harry. Mereka begitu akrab sehingga Trevor tak kisah kalau Harry tertidur sewaktu mereka bersembang-sembang. Kelak, Harry Cooper menjadi pendukung misi setia sepanjang hayat pelayanan Asang di Borneo. Silaturahim yang dipupuk ini diteruskan dengan surat menyurat walaupun mereka berjarak begitu jauh. Asang akan selalu menceritakan keadaan dirinya di ladang pelayanan dan Harry Cooper akan mengirim cek untuk keperluan di ladang.

Sewaktu remaja seorang gadis yang bernama Irish menawan hati Trevor. Cinta monyet ini telah memberi semangat kepada Asang sehingga dia mengayuh basikal sejauh dua belas batu untuk menyerahkan sejambak bunga di Pedwell. Trevor yang begitu penat dan berlumuran keringat, segan silu dan berpipi merah-merah ketika menyerahkan jambak bunga itu. Lucu, Trevor merasa seperti ingin cepat-cepat mengayuh basikal dan pulang kerana malu namun dia sempat bersembang sebentar.

Sewaktu Trevor menamatkan pengajian di sekolah, keinginannya ialah bekerja sambil belajar di bidang pertukangan tetapi tidak ada tawaran kerja. Seperti pemuda-pemuda lain, dia mengetok-getok pintu untuk pekerjaan. Akhirnya, Trevor berkecimpung dalam bidang membuat tulisan bagi papan dan memiliki kemahiran dalam seni menghiasinya.



Setelah bekerja suatu edaran waktu, Trevor bercuti untuk menghadiri satu persidangan penting pada Julai 1932. Pengambilan cuti untuk persidangan ini menjadi detik permulaan segala sesuatu yang ajaib dalam rancangan indah Tuhan bagi Trevor dan suku pilihan-Nya kelak.

Tuhan memang mengenal Asang sejak dia kecil hingga besar, segala aturan-Nya indah. “Mata-Mu melihat selagi aku bakal anak, dan dalam kitab-Mu semuanya tertulis hari-hari yang akan dibentuk, sebelum ada satu pun daripadanya” (Mazmur 139:16). Ke ladang misi manakah Tuhan akan mencatat dalam peristiwa hidup Asang. Hanya Tuhan saja yang tahu kerahsiaan besar ini apabila tirai disingkapkan perlahan-lahan, langkah demi langkah.

BAB 2 PERGI KE TIMUR, TREVOR



Pagi-pagi segar Trevor melangkah ke bilik di mana Persidangan Keswick diadakan pada tahun 1932. Dalam benak pemuda ini tersemai doa yang pernah diutarakan oleh ibu bapanya dua puluh tahun yang lalu. Trevor teringat kata-kata

ibunya, “Bapamu dan aku berlutut seraya memersempahkan awak sebagai misionari sewaktu awak berumur enam minggu. Kami memohon agar awak diutus sebagai misionari ke negara China.” Sekalipun Trevor tidak pernah berjumpa bapanya, doanya cukup untuk mengubah seluruh arah hidupnya.

Melangkah ke persidangan itu permulaan jawapan doa mereka sekalipun Trevor tidak semestinya mengikut jejak Hudson Taylor ke China. Trevor yakin sama ada Tuhan akan menyuruh dia mengepang rambut, memakai pakaian Cina dan minum teh Cina tergantunglah pada kehendak-Nya yang Maha Esa. Sejak itu suatu keyakinan akan misi ke luar negara berdenyut dalam hatinya.

Persidangan Keswick membangun perasaan Trevor sehingga semangatnya meledak-ledak, “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus” (Matius 28:19). Kini, Trevor yakin menjadi penjala manusia memang panggilan Tuhan bagi dirinya bukan menjadi pereka papan. Trevor seakan-akan sudah mendengar bisikan Tuhan Yesus kepada Simon dalam dirinya, “Jangan takut, mulai dari sekarang engkau akan menjala manusia” (Lukas 5:11).

Segera Trevor meluahkan keinginan menjadi misionari kepada beberapa organisasi misi. Akhirnya berita baik tiba, Trevor meletakkan jawatannya sebagai pereka papan tanpa ragu-ragu. Dia berjalan dengan penuh keyakinan ke ibu pejabat “Worldwide Evangelisation Crusade” (Krusade Penginjilan Sedunia) sambil berfikir ladang misi ke suku Ibo di Afrika Barat. Kemudian, Trevor menjelaskan pemilihan ladang misinya mungkin dipengaruhi cerita kejayaan misi suku Ibo bukan bimbingan Roh Kudus.

“Trevor, aku memahami awak bersedia dan bersemangat melayani. Baiknya awak menerima pendidikan teologi selama beberapa tahun sebelum awak pergi ke ladang pelayanan. Kemampuan membimbing jemaah dalam firman Tuhan sungguh penting,” jelas pengarah WEC.

Trevor menurut nasihat pengarah WEC; gereja pastor

Rodney Stoke banyak mendukung keputusannya menutut di Kolej Alkitab Wales.

Walaupun perjalanan ke Sekolah Alkitab jauh tetapi kerinduan belajar meringankan langkah Trevor. Pemuda tampan ini berjalan pantas kerana semua begnya telah dihantar ke Swansea terlebih dahulu. Sekolah Alkitab Wales sejauh 100 batu dan memerlukan tempoh lima hari ke sana. Trevor memilih berjalan kaki dan bersinggah di rumah kawan dan saudara mara sepanjang jalan sebelum tiba ke tempat yang ditujuinya. Mungkinkah ini sebahagian latihan Tuhan kerana kelak Trevor akan merentasi hutan, mendaki dan berjalan jauh? ¹

Pagi-pagi lagi Trevor sudah keluar rumah dan melalui kebun strawberi lalu mendaki bukit bukau kapur di Mendip. Walaupun pendakian itu sungguh mencabar malah dia menikmati keindahan alam semulajadi yang luarbiasa khususnya kehijauan rimba di sekitarnya. Bukit bukau Mendip yang mempunyai gua dan tempat kesukaan bagi budak-budak untuk menyelam ibarat perjalanan hidup Trevor yang penuh rahsia terselindung. Cuaca semakin dingin dan salji mulai turun, Trevor memegang baju hangatnya dengan erat setiba di jalan Bristol Tauton.

“Trevor, usahlah susah-susah berjalan kaki dan berpeluh-peluh begini. Awak mesti ambil keretapi yang melalui terowong Severn. Sudahlah cukup lelah awak mendaki bukit bukau lagipun cuaca semakin dingin,” kata Harry Cooper.

Trevor menurut cadangan Harry dan tiba di Newport serta bermalam di sana di rumah sanak saudara. Dari Newport, Trevor berjalan lalu bermalam di Klub Berbasikal sebelum tiba di Cardiff; akhirnya dia tiba di Kota Swansea. Sekolah Alkitab sini menyambut kedatangan Trevor pada tahun 1934.

Sewaktu berjalan ke sana, Trevor mengenangi kebaikan Gereja Baptist di Rodney Stoke. Sekalipun gereja ini bukan gereja besar yang disegani, semangat misi dan perhatian mereka terhadapnya membawa bab baru dalam kehidupannya. Galakan dan kesempatan

melayani bersama pastornya sungguh dihargai Asang.

Puji Tuhan, belajar di Kolej Alkitab Wales tidak memerlukan yuran tetapi dia perlu membayar sewa berjumlah sepuluh paun. Trevor tidak perlu khawatir kerana semua keperluan ada dalam sakunya. Setiba Trevor di Kolej, dia gembira bertemu dengan pemuda-pemuda yang dipanggil ke ladang misi dan seperti dirinya mereka bersedia dilengkapi firman Tuhan.

“Awak pelajar baru?” tanya Trevor kepada seorang pelajar yang kelihatan muram.

Dengan suara murung pemuda itu menunduk lalu menjawab bahawa dia tidak dapat meninggalkan kolej kerana masih terhutang kolej sepuluh paun.

“Sepuluh paun? Saya boleh langsaikan hutang awak,” kata Trevor dengan begitu yakin.

“Jangan, jangan, nanti awak tidak dapat keluar dari sini kerana hutangmu,” kata pemuda itu dengan suara sayu.

“Saya tahu Tuhanku akan mencukupi segala keperluan aku,” kata Trevor dengan ceria dan beriman.

Trevor dan pemuda ini pun bergegas berjumpa guru mereka untuk menyatakan niat Trevor.

“Boleh, awak boleh membayar sewanya tetapi kalau awak tidak ada sepuluh paun untuk melunaskan hutang kelak, tinggal saja sini. Kamu boleh mencabut rumput atau menolong tukang masak sehingga langsa hutang...fikirlah baik-baik,” kata guru kolej itu.

“Pasti Tuhan akan menggantikannya” kata Trevor dengan yakin.

“Sesuka hati awaklah,” jawab cikgu itu.

Trevor melunaskan hutang pemuda ini dengan penuh keyakinan akan kesetiaan Tuhan. Bukan Alkitab bersabda, “Singa-singa muda merana kelaparan, tetapi orang-orang yang mencari TUHAN, tidak kekurangan sesuatu pun yang baik” (Mazmur 34:11). Iman Trevor memang jenis yang melayakkan dia diutus ke negara yang memerlukan hidup beriman tanpa gaji. Tidak lama kemudian,

kawannya Harry Cooper mengirim sepucuk surat yang mengandungi cek yang bernilai 10 paun!

Ke Manakah Trevor Dipanggil?

“Ke manakah Engkau mahu mengutus saya?” tanya Trevor sewaktu doa peribadi.

Sekalipun kerinduan ibu bapanya ialah negara China, Trevor ingin tahu kehendak Tuhan dalam kehidupannya. Misi ke suku Ibo sudah banyak berjaya dan bukan ladang baru. Hanya Tuhan tuaian yang dapat mengarahkan langkahnya sehingga Trevor dapat membawa terang-Nya ke suku hati-Nya. Dia perlu berlutut dan berdoa supaya rahsia-Nya dinyatakan.

Pada keheningan saat itu, Trevor membaca tentang Elia yang dipanggil pergi ke sungai Kerit untuk meneguk air. Tuhan mengutus seekor burung gagak untuk memberi makanan. Pada mula-mula cerita, Tuhan bersabda kepada Elia, “Pergilah dari sini, berjalanlah ke timur dan bersembunyilah di tepi sungai Kerit di sebelah timur sungai Yordan” (1 Raja-Raja 17:3). Tiga perkataan ini seakan-akan melonjak keluar dari permukaan surat Alkitabnya, “Pergilah ke timur. Trevor menyendeng telinga lagi dan mendengar suara, “Itulah tempat yang Kuutus awak Trevor, Timur!”

Bagai kompas bagi pengembara di tengah-tengah hutan, tiga perkataan ini menjadi petunjuk Tuhan. Kompas yang menunjukkan ke Timur tidak pernah memberitahunya Timur mana. Banyak negara terletak di sebelah Timur Britain namun Trevor tahu kalau dia melangkah, Tuhan akan menyuluh perjalanannya selangkah demi selangkah.

Dengan pasti, tirai rencana Tuhan akan tersingkap dalam kehidupan Trevor. Tanpa berlelah-lelah, dia mengutus surat kepada ketua Persatuan Alkitab di Britain dan Singapura untuk meminta nasihat. Surat-suratnya dibalas oleh Perserikatan Kristian dan Misionari

(the Christian and Missionary Alliance) yang berpusat di Melbourne dan satu lagi Misi Evangelikal Borneo (Borneo Evangelical Mission-BEM) di Melbourne, Australia. Balasan surat daripada BEM agak lama kerana badan pengurusannya terletak di Borneo bukan Melbourne. Sistem surat menyurat agak lama, maklumlah surat siput babi.

BEM tiada wakil di London. Jadi Trevor dirujuk kepada WEC untuk menjalani ujian bagi memastikan sama ada dia calon misionari yang sesuai. Surat daripada BEM menasihati WEC agar mengambil sikap teliti sewaktu menjalankan ujian ini, “Kalau anda percaya dia adalah calon yang sesuai, kami akan menganggapnya sebagai kehendak Tuhan dan menerima dia. Biarlah anda hanya membuat kesilapan dalam tidak menerimanya dan bukan dalam penerimaan.”

Bersama-sama beberapa calon lain, Trevor mengambil ujian. Trevor begitu terilham melihat calon-calon yang akan diutus ke seluruh dunia. Di tengah-tengah wajah pemuda-pemudi muncul satu wajah yang sepi dan rindu akan kampung halamannya. Pemuda ini berasal dari negara Kanada dan segera mereka menjalin silaturahmi.

“Marilah, ikut aku bercuti ke kampung halamanku...pasti awak akan menikmati strawberi manis dan keindahan pergunungan dekat kampungku. Tentu awak akan menyukai kampung saya,” tawar Trevor.

Pada suatu hari ketika Trevor berada di Kolej Alkitab Wales, dia menerima sepucuk surat daripada ibundanya yang tercinta di Draycott. “Anakandaku yang disayangi, ibunda kurang sihat...” Dengan segera, Trevor meminta izin untuk pulang merawat ibunya pada tahun 1937. Trevor merawat ibunya selama lima bulan. Walaupun dia seorang anak yang begitu mengasihi ibunya, kehidupan sunyi tidak mudah bagi dirinya. Dengan sabar dia merawat emaknya sehingga pulih baru dia kembali ke Manchester.

Trevor pergi ke Manchester untuk bertemu dengan pemuda yang dipanggil Ambrose Else yang menjadi sahabatnya di Sekolah

Alkitab. Dia mengayuh basikal ke sana. Walau selama ini, Trevor memberi keutamaan kepada pelajarannya di Kolej Alkitab, dia selalu bertanya, “Di manakah Tuhan mahu aku melayani sebagai mubaligh?” Berbanding dengan Ambrose, arah dan ladang pelayanannya masih belum jelas lagi sedangkan Ambrose sudah tahu ladangnya Borneo.

“Borneo... Borneo... itu ladang pelayanan yang pasti mencabar,” kata Ambrose sewaktu bersembang Trevor.

“Saya pula masih tidak tahu persis di mana Tuhan mahu saya pergi...ke arah timur tetapi timur mana?” kata Trevor.

Trevor mengimbas saat yang mengharukan ketika mereka di Kolej Alkitab. Saat itu kunjungan seorang yang terhormat daripada Persatuan Misionari Oriental. Mereka menyambut kedatangan Puan Cowman, wanita yang begitu rohani dan disanjung masyarakat Kristian.

“Puan, saya yakin Tuhan memanggil saya ke Borneo kepada suku-suku di sana,” kata Ambrose yang bersemangat.

Puan Cowman memeluk Ambrose sambil menangis-nangis dan memanggil Ambrose, “Kaulah Pemuda Borneoku! Akhirnya... akhirnya.... kami sudah lama mendoakan seseorang diutus ke Borneo! Kau jawabannya!”

Apa daya Ambrose begitu kecewa kerana impiannya ke Borneo tidak tergapai kerana dia gagal dalam ujian kesihatannya. Jawatan misionari ke Borneo tetap tertinggal kosong. Tidaklah terlintas pada fikiran Asang bahawa Borneo mungkin ladang pelayanannya. Ladang pelayanannya masih satu rahsia seperti gua-gua di bukit bukau Mendip di Somerset!

Trevor menulis sepucuk surat kepada kawan akrabnya, Harry Cooper serta mencurahkan kerinduan hatinya untuk melayani Tuhan, “Kumohon Tuhan akan menolong aku memenangi banyak pingat untuk-Nya kerana pengorbanan-Nya di Kalvari dan juga mendatangkan pekerjaan Roh Kudus dalam kehidupan manusia yang akan kulayani. Yang ikhlas melayani Tuhan, Trevor.”

Pergi ke Timur tidak diberitahu segera kerana jalan persiapan Trevor masih diatur oleh Tuhan sehingga tepat waktunya. Trevor seperti banyak pemuda lain yang dipanggil menelusuri pelbagai pelayanan yang memanfaatkan masa depannya. Trevor dengan setia melayani sehingga Tuhan membuka pintu dan mengarahkan dia ke “Timur.”

Pendedahan Misi

Trevor diutus oleh WEC ke Birmingham untuk melayani di Misi Perubatan. Misi ini dikendalikan oleh seorang doktor dan setiausahanya. Kebanyakan pesakitnya terlibat dalam kemalangan perindustrian. Di sini, Trevor belajar menolong pesakit-pesakit dan cara menggunakan ubat-ubatan.

“Aduh...aduh sakitnya,” seorang wanita muda melukai jarinya, menangis kesakitan.

Trevor melihat tulang jari wanita itu yang tertusuk keluar bagi batang mancis dengan penuh simpati. Dari sini, Trevor terdedah menolong orang yang dalam kecemasan dan yang perlu dirawat segera. Trevor tidak pernah menanyakan Tuhan adakah semuanya ini penting bagi misi kelak. Adakah Trevor akan bertemu dengan orang yang sakit dan memerlukan rawatan kelak?

Selain itu, Trevor belajar mengenai kerendahan hati dan kepentingan melayani tanpa diwarni kepentingan wang. Kalau berkhotbah tanpa menerima wang, itu pun tak menjadi kisah baginya. Bukankah dengan cuma-cuma Tuhan Yesus sudah memberi nyawa-Nya dan juga dengan rela kita beri?

Pada suatu minggu, Trevor diminta oleh WEC berkhotbah di sebuah gereja yang berkumpul di dewan. Tambang bas ke sana berharga satu setengah “penny.” Lazim adat gereja pada waktu itu, pengkhotbah akan berjabat tangan dengan anggota jemaah setelah mereka beribadat.

Seorang pekerja gereja mendekati Trevor seraya bertanya,

“Kami berhutang berapa banyak kepada awak, Trevor?”

“Hutang? Bila kalian meminjam wang saya?” tanya Trevor tercegang sejurus.

“Untuk khutbah awak itu! Berapakah kami perlu bayar?” tanya pekerja itu dengan terus terang.

“O untuk itu, awak tidak berhutang apa-apa,” kata Trevor dengan ikhlas.

“O tidak boleh, kami mesti membayar. Nah, ini sepuluh dan enam sen! Saki bakinya buat tambang perjalanan awak ke sini lain kali ya!”

“Apa? Itu saja kau dibayar?” kata seorang pemuda Ulster di WEC dan yang lain tercetus dalam gelak tawa.

“Suruhlah misi kita membatalkan pelayanan ke sana,” kata mereka sambil ketawa.

Trevor tidak mengganggu selama menunggu jawapan daripada BEM. Tidak lama kemudian, WEC meminta dia ke bahagian perkembangan kemudahan di Utara Norwood. Dia juga mengajar di sekolah minggu kelas rendah. Pengalaman mengajar di sekolah minggu banyak mencuit hati Trevor kerana di sini seorang budak kecil berusaha menjodohkan Trevor dengan beberapa pekerja wanita.

“Uncle, itu...itu cantik... nanti saya beritahu dia uncle berminat boleh? Kalau awak tak suka itu, yang itu cantik juga. Baguskah dia menjadi isteri uncle?” kata budak kecil itu.

“Jangan bermain-main ya, pakcik belum mahu berkahwin,” kata Trevor kepada budak ini.

Sekalipun Trevor berusaha menghentikan budak ini, tidak bosan-bosan dia memulakan gelagat lucunya lagi. Seringkali apabila orang melihat Trevor, mereka berminat menjodohkan dia dengan seseorang. Entah kenapalah. Semua ini banyak mencuit hati Trevor yang lebih memikirkan misi daripada perkahwinan. Manakah Timur yang dimaksudkan Tuhan bukan gadis manakah yang diatur Tuhan.

Pelayanan pembangunan di WEC di bawah pengurusan seorang lelaki yang bernama “Uncle Hoppy.” Rombongan “Uncle

Hoppy” terdiri daripada misionari yang sedang menantikan ladang pelayanan mereka.

“Ajaibnya, pekerja-pekerja yang saya perlukan selalu datang tepat waktunya. Cuba lihat, saya perlu seorang yang mahir dalam bidang kemahiran batu, tibalah dia di ambang pintu. Ha, kemahiran pertukangan kayu dan pembuat papan tanda datanglah kau persis saat aku perlukan,” kata Uncle Hoppy dengan riang kepada Trevor.

Pada suatu hari, seorang pastor yang bernama Pastor Vetter dari Holland datang melawat WEC. Pastor Vetter arif dalam keramahmatan dan sering menolong orang Kristian yang bersinggah di Holland sewaktu mereka dalam perjalanan ke tempat lain. Pastor Vetter segera menjalin silaturahmi dengan Trevor White dan bersembang-sembang.

“Pastor, Tuhan memanggil saya ke Timur dan saya masih menunggu arahan daripada Tuhan secara khusus,” jelas Trevor.

“Boleh jadi tak Tuhan sedang memanggil kau ke Syarikat India Timur?” tanya Pastor Vetter.

“Mungkin juga, pastor,” jawab Trevor.

“Kalau begitu, datanglah ke Belanda untuk belajar Bahasa Belanda terlebih dahulu,” kata Pastor Vetter.

“Cadangannya bagus, Pastor,” jawab Trevor.

Trevor berangkat dengan penuh semangat untuk belajar Bahasa Belanda. Pastor Vetter menolong dia menguruskan visa untuk belajar Bahasa Belanda. Selama Trevor belajar Bahasa Belanda, dia tinggal bersama Pastor Vetter dan isterinya.

Sewaktu di Belanda, Trevor mengalami suatu pengalaman yang meyakinkannya tentang ladang pelayanannya. Trevor tidak pernah memohon agar Tuhan menyatakan “Timur” yang dimaksudkannya dengan begitu mendesak. Pada suatu keheningan petang, tiba-tiba Trevor dikuasai oleh bahasa asing yang tidak menghairankan kerana dia tahu gejala ini Alkitabiah.

Dia teringat pada hari Pentakosta apabila murid-murid Tuhan

Yesus sedang berkumpul, Roh Kudus datang, “dan tampaklah kepada mereka lidah-lidah seperti nyala api yang ber-tebaran dan hinggap pada mereka masing-masing. Maka penuhlah mereka dengan Roh Kudus, lalu mereka mulai berkata-kata dalam bahasa-bahasa lain, seperti yang diberikan oleh Roh itu kepada mereka untuk mengatakannya” (Kisah Para Rasul 2:3-4).

Trevor meminta untuk interpretasi maknanya timur dan dengan ajaib Trevor menginterpretasinya dalam Bahasa Belanda. Trevor menyendeng telinganya kepada Tuhan dengan penuh ketelitian. Tuhan bersabda, “Aku telah memanggil engkau untuk berbuah agar buah engkau tetap tinggal.” Wah, saat yang cukup mengharukan Trevor... dia akan ke ladang pelayanan, berbuah, dan buahnya akan tetap tinggal di sana. Di manakah tempat yang dia akan berbuah agaknya?

Trevor kembali ke WEC sebelum natal pada tahun 1938. Hanya satu pertanyaan yang membanjiri pikirannya ialah, “Sudahkah saya diterima di ladang misi?” Sudah lama dia menunggu dengan sabar sewaktu dia ke pejabat WEC untuk mendapat jawapan. Wajarlah dia sedikit marah.

Sewaktu tiba di pejabat besar WEC, seorang pegawai WEC menyuruh Trevor menterjemahkan satu ayat Bahasa Inggeris ke Bahasa Belanda. Setelah ini, dia mengemukakan serangkaian ayat yang lebih sulit lagi sehingga Trevor kehilangan kesabarannya.

“Anda mahu memberi rekomendasi bagi saya atau tidak?” kata Trevor yang mencurahkan kegelisahannya.

“Ya, kami akan memberi rekomendasi,” kata pegawai itu dengan tenang.

Akhirnya, Trevor tahu Timur yang dimaksudkan Tuhan selama ini. Dia akan pergi ke satu tempat yang menjadi fokus BEM, dan negara itu Borneo! Borneo yang kaya dengan hutan belantara dan gunung-ganang yang ingin Ambrose pergi. Tempat tinggal pelbagai suku, yang beraneka ragam bahasa, kebudayaan dan lanun-lanun lautan Sulu yang tersembunyi di sebalik gua-gua lautan.

“Terima kasih!” kata Trevor sambil melonjak dengan gembira.

Syukurlah jawapan “Timur” yang dimaksudkan sudah dinyatakan—Borneo! Pendedahan kepada misi di WEC dan semua yang dilaluinya seperti merawat orang dan sebagainya tidak sia-sia sahaja. Persiapan Tuhan untuk Trevor memang cukup mantap baginya. Trevor sudah melalui tangan pembentukan Tuhan sebelum ke ladang misi.

Kini, Trevor tak sabar-sabar pulang memberitahu ibunya bahawa Tuhan sudah menyatakan kehendak-Nya. Di tempat istimewa ini dia akan berbuah tetap seperti yang disabdakan Tuhan. Ibunya bergembira dengan jawapan doa dan menitis airmata kegembiraan.

“Jadi ladang pelayanan awak bukan negara Cina seperti yang saya duga? Borneo?” tanya ibunya.

Kemanisan saat ini tidak dapat dibandingkan dengan semua kekhawatiran yang dinantikan Asang untuk pengutusan ke ladang misi. Segala persiapan yang dilaluinya menjadi kemahiran berguna. Kelak kemahiran ini akan digunakan dalam pelayanannya. Kini, Trevor tahu ladang pelayanan setelah begitu lama dia berlutut dalam doa dan menunggu.

“Pergilah dari sini, berjalanlah ke timur dan bersembunyilah di tepi sungai Kerit di sebelah timur sungai Yordan” (1 Raja-Raja 17:3) kini menjadi kenyataan bagi Asang. Asang tidak sabar-sabar lagi mengorak langkah ke Timur ini dan menggapai bintang-bintang dalam rancangan-Nya yang terindah.

BAB 3 BORNEO BUKAN BEIJING



Rahsia istimewa sudah tersingkap buat Trevor yang lama menunggu. Borneo, pulau yang ketiga besar di dunialah yang dimaksudkan Tuhan sebagai Timur. Timur bukanlah Beijing atau Shanghai yang menjadi ladang yang diidamkan ibu bapa Trevor buatnya. Nama negara yang unik ini berasal daripada pokok yang mengandungi terpetin dan boleh digunakan membuat minyak wangi. Pulau besar ini terdiri daripada tiga negara: negara-negara Malaysia yakni Sabah dan Sarawak, Brunei, dan Indonesia.

Dari bacaan Trevor, pulau ini mempunyai hutan rimba yang

pokoknya beratusan tahun dan juga tumbuhan liar seperti periuk kera, beraneka jenis burung yang berkicauan meria, bunga-bunga seperti rafflesia, dan kebudayaan yang kaya. Trevor dapat membayangkan pokok bakau yang menghiasi sisiran pantai, dan gunung seindah bukit bukau Mendip, Somerset. Timbullah dalam diri Asang suatu macam rasa yang menyenangkan dan penuh misteri.



Borneo pernah berdagang manik dengan negara Rom dan barang buatan penduduk Jawa Indon dijual sejak tamadun 2 dan 3 SM. Para Pedagang datang ke pulau ini untuk mencari hasil alam seperti kamfor yang dapat digunakan sebagai ubat-ubatan, bahan letupan dan kapur barus. Selain itu, pedagang sering datang mencari sarang burung, rempah ratus, dan semua perniagaan dilakukan dengan bertukaran bejana keramik dengan penduduk setempat.

Trevor dapat membayangkan lanun-lanun ganas yang sering mengganggu Lautan Selatan China dan Lautan Sulu.

Trevor terpaksa menunggu sepuluh bulan sebelum ke ladang misi. Sementara menunggu dua pucuk surat penting, Trevor kembali melayani di Misi Perubatan di Birmingham. Trevor terdedah kepada lebih banyak pengalaman lagi dan yang paling mengerikan ialah sewaktu menolong seorang pemuda yang terjatuh dan tangannya termasuk dalam mesin elektrik pasir. Kulitnya terkupas sehingga terdedah tulang-tulangnya.

Waktu menunggu ini tidak sia-siakan, Tuhan mengatur banyak kesempatan berkhotbah di beberapa gereja. Di mana Trevor berada amanat agung Tuhan tetap penting. Dia selalu teringat Tuhan Yesus berkata, "...Kepada-Ku telah diberikan segala kuasa di syurga dan di bumi. Kerana itu pergilah, jadikan semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus" (Matius 28:18-19).

Berjumpa dengan Kawan

"Ada baiknya aku mengunjungi Ambrose, entah dia bagaimana sekarang? Jangan-jangan dia kecewa kerana tak dapat pergi ke Borneo." kata Trevor kepada sendiri.

Kedua-dua sahabat bersembang riang sewaktu bertemu lagi. Ambrose yang dilamun cinta menceritakan kepada Trevor bagaimana Tuhan mempertemukan dia dengan si gadis ayunya. Dia sudah bertunang dan tidak lama lagi akan dijabkulkan. Selain itu, gereja yang didirikan Ambrose sudah berkembang hingga ke 120 orang daripada 20 orang.

"120 orang?" tanya Trevor yang tersenyum.

"Anugerah dan karya Tuhan," kata Ambrose.

Trevor juga tahu menghibur hati sendiri. Masanya di Birmingham bukan sekadar pelayanan tetapi dia juga mengunjungi

kilang Cadbury. Trevor menikmati kesedapan coklat. Dia juga melamar bekerja di Somerset dengan seorang pembangun dan penghias rumah di kampung Nyland.

Perjalanan Yang Berliku-liku

Saat menunggu sudah berakhir, Trevor merasa lega hati ketika menerima sepucuk surat daripada BEM yang memberi izin untuk “pergi.” “Pergilah ke Timur” kini bukan hanya suara syurgawi tanpa arah yang jelas, pintu sudah terbuka luas. Banyak yang belum pernah mendengar tentang Tuhan Yesus sedang menantikan kasih syurgawi-Nya.

Dengan perasaan teruja, Trevor merancang pelayaran ke tempat istimewa ini dengan tambang termurah, kapal Maritimers. Setelah menunggu sepuluh bulan, dia segera berangkat ke pulau berwarna-warni yang dihuni oleh pelbagai suku. Trevor telah menetapkan tanggal untuk melayari dari Dover ke Calais, kemudian ke Paris lalu ke Marseilles.

Apakah yang boleh menghambat perjalanan Trevor ke ladang panggilannya yang ditunggu sekian lamanya?

Di luar dugaan Trevor, perang tercetus antara negara Britain dan Jerman menghambat perjalanannya lagi. Kecamuk perang ini menghambat lagi perjalanan Trevor ke Borneo. Bayangkan betapa takut Trevor meniti saat yang seram kerana suasana cemas.

“Benarkah saya perlu menyertai tentera sedangkan saya dengan sepenuh hati sudah menjadi tentera Kristus,” fikir Trevor ketika menerima khabar bahawa semua pendeta yang ditahbiskan dikecualikan dari menyertai barisan tentera. Trevor dan misionari lain yang belum ditahbiskan tidak dikecualikan namun WEC memohon mereka dikecualikan.

Suasana cemas menyelubungi seluruh kota Paris yang digemparkan oleh khabar perang ketika Trevor menginjak ke

sana...Hanya warna biru dibenarkan dalam kota demi keselamatan. Setiap langkah menggerunkan hati Trevor akan tetapi Tuhan yang Maha Hadir melindungi dia. Panggilan-Nya ke Borneo tidak akan tergugat.

Suasana yang tidak menentu dan wajah-wajah gelisah terlukis pada riak muka penumpang keretapi yang menuju ke Marseilles.... Bersama-sama dengan kesemua penumpang ini Trevor mengambil 23 jam untuk tiba ke Marseilles yang seharusnya mengambil 3 jam. Perasaan cemas, ketidakselesaian dan kegelisahan suasana perang menyebabkan kapal itu bersinggah banyak kali.

Akhirnya Trevor belayar dalam “Le Providence.” “Le Providence” bukan sebuah kapal indah. Kapal usang Trans Atlantik ini sebenarnya bolehlah dicampakkan ke sampah besi dan dikitar semula. Ketika perut Trevor berkeroncongan, dia ke dapur kapal itu. Hanya ada air panas menitis daripada paip di atas. Asang melihat titisan air itu dengan mata yang kecewa.

Pelampung-pelampung disiapkan kerana kapal ini mungkin akan tenggelam seperti Kapal Titanik. Suasana kapal ini malap dan diterangi oleh lampu biru. Sese kali kapal-kapal Axis yang terang dan mengumandang muzik lantang melalui kapal usang ini. Trevor memandang ke sekelilingnya, dia nampak banyak tentera Singalese dan pegawai Perancis.

“Awak harus menyertai salah satu pasukan tentera setiba ke Singapura!” kata seorang penumpang,

“Sudah terlambat, saya sudah terdaftar sebagai tentera di pasukan lain,” kata Trevor tersenyum.

Sungguh, Trevor sudah mendaftar diri di angkatan Kristus dan peperangan tidak akan menghalangi hakikat ini. Sekalipun menaiki Le Providence seakan-akan menggadai nasibnya, panggilan Tuhan tidak akan gagal. Itu sifat askar Kristus yang baik, pergi tanpa takut akan bahaya atas nyawa sendiri.

Kapal “Le Providence” belayar ke Djibouti dan bersinggah di sana selama lima hari. Trevor berjalan-jalan di kapal dan melayang

pandangannya ke pelabuhan Djibouti. Dia ternampak kemah-kemah putih. Pasti itu kemah askar yang akan pergi berperang. Kemudian, Trevor ketawa terbahak-bahak apabila diberitahu bahawa itu longgokan garam putih.

“Ha! Ha! Lucunya, bagaimana saya boleh melihatnya sebagai khemah-khemah putih,” kata Trevor sambil ketawa geli.

Hati Trevor lega apabila kapal mulai belayar dari pelabuhan Djibouti pada pagi hari yang kelima. Walaupun dalam suasana perang, perjalanan ke Timur dan panggilan Trevor semakin terang dan pasti. Langkahnya tidak bergoyah walau betapa sulitnya. “Orang yang percaya kepada TUHAN adalah seperti gunung Sion yang tidak bergoyah, yang tetap untuk selama-lamanya” (Mazmur 125:1).

“Saudara-saudara, saya memohon maaf kerana saya tidak ingin menggadai nyawa-nyawa awak semua dengan kapal ini di Lautan India yang cukup ganas. Kita terpaksa patah balik ke pelabuhan Djibouti dan menunggu di sana saja, entahlah berapa lama saudara,” umum kapten kapal *Le Providence*.

Trevor menduga dia terpaksa menunggu agak lama di sana namun dia ditawarkan untuk menaiki sebuah kapal kecil. Segera, Trevor bersetuju untuk berlayar dengan “*MV Sontay*” dan destinasiya ialah Saigon, Colombo, Singapura dan Hai Fong. Muatan dalam kapal ini ialah simen.

Mata Trevor melayang ke beg-beg yang dibawa ke kapal ini namun dia tidak melihat apa-apa. “Tidak mengapalah, pasti ada di sana, sungguh banyak beg...,” kata Trevor kepada diri sendiri. Setiba di Singapura, Trevor mendapati tidak ada satu begnya pun dipindahkan ke kapal ini. Setelah usaha mencari hampakan, Trevor berjalan ke pelabuhan untuk membeli tiket ke Borneo.

“Maaf tuan, bot ke Borneo sudah berlepas...,” kata pegawai tiket.

Trevor terpaksa mengharungi rintangan sehingga misinya diperlambatkan hampir sebulan lamanya. Setelah mencari-cari tempat

bersinggah sementara menunggu kapal ke Borneo, Trevor tinggal di YMCA. Trevor tidak membawa banyak wang dan terpaksa mengikat perut. Dia hanya makan sebiji epal dan sebuku roti buah-buahan kecil. Walaupun tidak cukup makanan, Trevor tetap gembira kerana kini dia berada dalam perjalanan ke Borneo.

Panggilan “Pergilah Timur, “ tidak pernah lekang daripada keyakinannya walaupun perang atau kekurangan makanan. Hal ini juga mengingatkan kita kepada para murid Tuhan Yesus yang sering hidup dalam kesederhanaan demi injil. Mereka membulir butir-butir gandum sewaktu mereka berada dalam perjalanan penginjilan.

Hari yang gembira dan pasti tiba apabila Trevor mendapat tiket untuk menaiki “SS Darvel” yang berlayar ke Jesselton, Utara Borneo. Perjalanan itu mengambil lima hari sebelum Trevor menjejak kakinya di bumi yang kaya dengan gunung-ganang, sungai, bebunga dan hutan dara pada Oktober 1939.

Ketibaan Trevor disambut E. Stafford Young yang mempunyai keluarga yang terlibat dalam perusahaan gula. Stafford merupakan pelopor pekerjaan BEM di Utara Borneo dan pernah mengunjungi ladang ini pada tahun 1934 dan telah mendengar panggilan Tuhan untuk kembali pada tahun 1936. Trevor tinggal bersama Stafford di rumah atap yang disewa mereka di Jesselton. Tidak lama kemudian, mereka berpindah ke sebuah rumah moden. Pertemuan Trevor dengan Stafford tidak dapat disangkal lagi ialah aturan ilahi untuk pelayanan dan hidup Trevor.

Masa lima bulan ini telah digunakan oleh Trevor untuk belajar Bahasa Malaysia. Trevor begitu gembira apabila Stafford mengupah Yusuf untuk mengajarnya Bahasa Malaysia tetapi guru itu tidak pernah datang. Dengan tekun, Trevor belajar Bahasa Melayu daripada sebuah buku panduan dengan bantuan Ro Brewsher, misionari kawasan Limbang. Untuk melatih diri, Trevor berusaha menggunakannya sewaktu membeli-belah di kedai dan sewaktu berjalan-jalan di pasar.

“Ini kang kang kong,” tanya Trevor.

“Bukan, hanya satu kang, kangkong,” kata penjual sayur.

“Saya mahu beli batu?” tanya Trevor.

“Bukan batu tetapi jambu batu...” kata penjual itu.

“Oh...Oh...” kata Trevor sambil ketawa.

Trevor menduga begnya sudah mengucapkan sayonara buat selama-lamanya tetapi dengan ajaibnya, begnya tiba pada December 23. Apabila Trevor membukanya, hanya sedikit yang rosak. Dua botol air sudah berpecahan dan sarung kakinya berlubang.

Sesungguhnya Hari Natal di sini berlainan daripada Hari Natal yang disambut di Draycott. Cukuplah menghayati matahari terbit di atas gunung Kinabalu, dan merasa angin dari kawasan yang segar terus berpuput mendesirkan daun yang hijau di ambang rumahnya. Suara rimba raya mengirangkan hati Asang.

Syukurlah. Asang menerima beberapa hadiah natal daripada kawan-kawan di sini. Trevor menerima sebuah dompet, sebuah buku oleh Amy Carmicheal, lampu suluh elektrik, dan satu tin ‘butterscotch.’ Pada pagi Natal, Trevor dengan rajin meniap sepuluh halaman perbendaharaan kata dalam Bahasa Malaysia, bermain badminton dan mendengar siaran radio King’s Empire.

“Sebelum mengambil cuti, Stafford mengunjungi orang Dusun setiap bulan di kawasan Ranau, kawasan yang jarang diberitakan Injil. Ranau dalam Bahasa Dusun, ‘Ranahon’ menggambarkan kawasan sawah padi. Kebanyakan penduduk di sini mengusahakan padi huma atau padi bukit kerana muka bumi sini berbukit-bukau. Ranau sebuah kawasan indah dan mempunyai kolam air panas Poring, tumbuhan hijau yang indah, dan tamu bulanan (pasar) yang riuh rendah.

Stafford sering ditemani oleh Rentian penterjemahnya. Stafford berbahasa Bahasa Malaysia dan sedang belajar Bahasa Dusun. Seringkali apabila dia berkhotbah, segulung gambar digunanya sehingga Rentian dapat juga menggunakannya untuk berkhotbah.²

Stafford kemudian ingin berpindah ke Ranau dan melayani

di kalangan orang Dusun. Tanpa disedarinya, keputusannya sebenarnya sedang menetap arah pelayanan bagi Trevor seraya membuka bab baru bagi orang Dusun. Arah yang ditentukan oleh Tuhan semakin jelas dalam kehidupan Asang—Tuhan akan membimbing Trevor melayani di kalangan orang Dusun di Ranau. Tangan Tuhan yang ajaib membimbing sehingga sampai persis ke tempat pelayanan yang menjadi denyutan hati Tuhan.

BAB 4

FIRMAN KINO-RO-HI-NGAN



“**G**unung Kinabalu sebenarnya bererti Kina baru...ya betul...China baru ah!” kata seorang Ah Pek Cina kepada Trevor.

“Ah pek ah...Kinabalu lebih dekat dengan “mengalu yang bererti tempat rehat,” kata Trevor yang semakin fasih berbahasa Malaysia.

“Ya betul tempat rehat tetapi saya rasa Kinabalu lebih tepat bererti China baru!” ulangi Ah Pek itu.

Trevor sedang bersembang-sembang dengan penduduk di sini, dan Ah Pek ini segera memberi maklumat tentang Kota Kinabalu berdasarkan pandangan sendiri yang lucu. Penjelasannya mengundang gelak tawa daripada penduduk yang berada di situ.

“Ah pek ini memang suka bergurau!” kata seorang pemuda.

Ketika Trevor tiba di kalangan penduduk Dusun, hatinya segera tersentuh belas kasihan seperti Tuhan Yesus kerana mereka bagai domba-domba tanpa gembala. Trevor berusaha belajar sebanyak tentang kebudayaan penduduk yang lemah lembut dan yang juga peka terhadap hal-hal rohani. Trevor berusaha memahami gagasan fikiran mereka tentang Tuhan dan iblis.

“Siapa nama Pencipta yang mencipta pokok, langit, bumi...” tanya Trevor.

“Nama-Nya dipanggil Kinorohingan,” kata seorang penduduk.

“Kino-ro-hi-ngan...” Trevor berusaha menyebutnya.

“Ya, Kinorohingan... Tuhan yang jauh di sana... dia tidak suka bercampur urusan manusialah... jauhlah dia di sana...” kata penduduk ini tersenyum.

Trevor mendengar dengan penuh berminat ketika orang yang ramah ini menceritakan cerita rakyat penduduk Dusun. Cerita rakyat ini sudah diketahui oleh penduduk Dusun sejak zaman dahulu. Semakin dia menceritakan cerita rakyat mereka semakin Trevor menyedari kenapa Tuhan ingin mereka mengenal-Nya.

“Dulu, semasa penduduk Dusun tinggal dekat Gunung Kinabalu, pemimpin kami pernah menerima sebuah buku yang mempunyai kata-kata Kinorohingan. Buku ini sangat penting kerana apabila terjadi pergaduhan, pemimpin kami akan merujuk buku ini untuk jawapannya agar setiap kes dapat diadili dengan saksama,” kata orang ini.

“Lalu, apa yang terjadi kepada buku itu. Di manakah buku

itu?” tanya Trevor dengan penuh minat.

“Banjir, banjir melandai... sewaktu pemimpin kami menyeberangi sungai, buku itu dibasahi. Baru ketika mereka tiba ke seberang mereka menyadari perkataan-perkataannya sudah terhapus air,” cerita orang ini dengan suara seakan-akan mahu menangis.

“O, jadi perkataannya...terhapus semuanya?” ujar Trevor.

“Ya semuanya tetapi pemimpin kami berkata pada suatu hari seseorang akan datang memberi kami buku itu lagi,” kata orang itu dengan penuh pengharapan.

“Ya, ya, pemimpin kami berkata dengan penuh keyakinan bahawa suatu hari nanti orang lain daripada tanah lain akan datang memberi kita kata-kata Kinorohingan ini,” kata seorang lain.

“Siapakah yang dapat mengingat kata-kata buku itu?” tanya Trevor.

“Wanita selalu lebih baik ingatan mereka. Mereka pergi ke ladang dalam kumpulan dan berusaha mengingat semua yang terkandung dalam buku ini. Orang ini kamu panggil bobolian. Mereka membimbing kami,” jelas orang ini.

“Pergilah ke Timur” tentu saja bukan suatu kebetulan. Bukankah cerita rakyat ini satu berita istimewa bahawa kitab istimewa, Alkitab akan datang bagai bintang pagi di tengah-tengah masyarakat yang sedang menunggu mukjizat ini. Masyarakat Dusun yang sudah lama menunggu perkataan Kinorohingan tidak tahu bahawa Alkitab itu sudah di tengah-tengah mereka, segala nafas dan kehendak Tuhan bagi mereka!

Persiapan Hati Bagi Injil

Trevor mendengar sambil menguntum senyuman lembut sebab memang Tuhan sudah mempersiapkan hati penduduk ini untuk Injil. Suku Dusun merupakan satu pertiga daripada penduduk Sabah. Kebanyakan mereka petani tradisi yang menanam padi sawah

huma. Sesetengah mereka pula memburu dan menangkap ikan-ikan di sungai bagi sumber hidup.

Shaman atau bobolian penduduk Dusun dikatakan memiliki mata yang boleh menembusi hingga ke alam roh. Mereka menjelaskan bahawa mereka sering melihat roh-roh marah yang mempunyai mata merah sewaktu bertembung kumpulan yang beragama lain. Roh yang dilihat menyelubungi orang Kristian pula digambarkan mereka putih dan bersinar terang. Bobolian mereka terdiri daripada wanita kerana dikatakan jiwa wanita yang halus dapat berhubung dengan makhluk halus di alam ghaib.

Trevor mengambil berat akan ketakutan penduduk Dusun ini dan berdoa untuk mereka dengan segenap hati. Penduduk Dusun yang lemah lembut ini masih terbelenggu oleh ketakutan akan rogon atau iblis. Ketakutan menghantui mereka ketika mereka melewati bebatu besar. Bulu roma mereka berdiri apabila mereka terpijak mata air, air yang mengalir dari bawah tanah.

“Jangan-jangan ada penghuni dalamnya yang marah akan saya,” fikir mereka.

Penduduk Dusun akan berlari-lari meminta pertolongan bobolian apabila mencuriagai terserempak penghuni pokok besar, gua gelap atau bunga besar. Apabila terdengar lengking beburung beberapa kali, bulu roma mereka akan menaik kerana itu bagai roh jahat sedang mengirim amaran. Pandangan mereka akan terkunang-kunang sambil mengetap bibir kerana takut dan khuatir.

Penduduk Dusun mempunyai satu isteri, dan anak-anak penting bagi mereka. Mereka sungguh mengasihi anak-anak mereka sehingga nyanyian etnik dan cerita rakyat mereka berakar daripada amalan mendodoi atau membuai bayi. Kebersihan dan perubatan dasar belum lagi dicicipi masyarakat ini dan penyakit sering menjangkiti mereka. Kematian kanak-kanak merupakan kesedihan yang sering dialami mereka zaman itu.

Mereka tidak mempunyai hospital mahupun doktor, satu-satunya cara yang mereka cari ialah bobolian. Penyakit dikaitkan

dengan roh jahat dan perlu dipuaskan untuk menghilangkannya. Penduduk Dusun ini seperti orang di Siberia dan Amerika Selatan yang mempercayai dunia ini dihuni oleh roh dan mungkin tinggal dalam binatang ataupun pokok. Dengan pertolongan shaman atau bobolian, mereka dapat menghubungi dengan alam roh ini.

Shaman di Siberia memakai cendawan dan gendang untuk menarik perhatian roh. “Mereka akan memegang benda yang beracun seperti cendawan magik dengan penuh hormat, kerana orang telah menggunakan tumbuhan yang beracun ini berabad-abad untuk merangsang mereka dalam keadaan khayal.”³ Orang Dusun pula mengikat ayam, azimat, halia kering, gigi khinzir hutan, dan kuku rajawali sewaktu menghubungi dunia roh. Suara bobolian akan berubah apabila roh menghingapi atas mereka.

“Nenek, awak perlu mencari seekor babi hutan kerana rohnya meminta seekor babi, bayi babi yang berdaging lembut, jangan terlalu kurus ya. Perlu dimasak dengan rempah ratus agar roh jahat itu gembira dan tidak membalas dendam,” kata seorang bobolian dengan suara yang seram.

“Beritahu dia, saya akan mencari babi hutan yang sedap-sedap dan merempahnya,” kata seorang nenek.

“Buat awak, pergilah ke selatan hutan ini dan carilah pohon yang berbunga untuk dijadikan ubat bagi anakmu,” jelas bobolian kepada seorang lagi.

“Dan kamu, roh itu mahu kari ayam yang pedas tambah banyak kentang. Jangan buang kaki atau ususnya kerana roh itu sangat suka akannya,” kata bobolian itu.

Penduduk Dusun seperti sesetengah orang Cina mempercayai Fung Shui, tempat mana dan arah mana yang bagus akan dicari demi mendatangkan berkat. Seorang petani yang mengharapkan tuaian lumayan akan meminta bobolian untuk tapak semaian yang bagus. Kadangkala mereka seperti yang digambarkan oleh satu sajak orang Aztec, “Lihatlah untuk dewa-dewa mengikut arah tiupan angin.” Jadi, seorang bobolian dipercayai mereka mempunyai

jalinan dengan roh-roh yang mampu mencari kawasan subur bagi mereka.

“Bolehkah awak memberitahu saya mana tapak yang terbaik? Berapa ayam dan makanan apakah yang perlu saya persembahkan kepada roh? Selain itu, apa yang perlu saya lakukan dalam upacara itu?” tanya seorang petani.

Walaupun kepercayaan menghubungi dunia orang mati tidak serumit orang Dogon dari Mali, Afrika Selatan, yang sering memakai topeng sewaktu memanggil roh, suara bobolian Dusun dengan ngeri akan berubah nada suaranya sewaktu menghubungi alam baka. Orang Dusun percaya roh orang mati akan berjalan-jalan sebelum kembali ke tempat rehat di Gunung Kinabalu! Setelah edaran waktu, roh itu akan pergi ke neraka atau syurga.

Sewaktu bobolian ini sedang menjalankan tugasnya, kawasan tertentu tidak boleh dilewati kerana ada pantang larang tertentu. Sesiapa yang melanggar pantang larang ini akan disaman.

Trevor ketawa tersipu-sipu ketika mendengar buah mulut kampung ini tentang bagaimana orang di sebuah kampung memeluk Kristianiti. Pernah seorang imam Katolik yang berusaha belajar Bahasa Malaysia salah bertutur. Dia mengunjungi sebuah keluarga dan bertanya, “seluar awak tidak ada di dalam” yang seharusnya, “suami awak tidak ada di dalamkah?” Wanita ini berlari linkang pukang dan memberitahu penduduk kampung bahawa mubaligh ini mempunyai mata yang boleh menembusi alam. Anggota jemaah bertambah banyak kerana banyak orang mahu kuasa ini, ini gejala pertumbuhan gereja yang sungguh lucu.

Cara Orang Dusun Berkahwin Waktu Itu

Perkahwinan orang Dusun pada waktu ini seperti perkahwinan orang Cina pada zaman dahulu, segalanya diatur oleh ibu bapa. Mereka tidak memerlukan buku panduan tentang apa itu cinta

monyet atau cinta sejati. Seorang lelaki atau anak perempuan tidak mengetahui siapa yang akan menjadi calon isteri atau suami mereka. Pernah suatu kali, seorang gadis tidak bersetuju mengahwini calon suami yang diatur oleh bapanya. Mereka terpaksa membayar saman. Sejak itu, bapa ini bebas daripada tanggungjawab mencari suami bagi anak perempuannya.

Di kawasan Ranau, mas kahwin yang perlu dibayar oleh seorang anak lelaki ialah seekor kerbau. Biasanya, abang-abang dan adik-adiknya akan menolong mencari kewangan untuk pembiayaan mas kahwin ini. Kalau pihak lelaki tidak mampu membayarnya, dia sendiri akan menjadi mas kahwin. Dia mesti tinggal di rumah mertua, bekerja untuk mereka di ladang atau membangun rumah. Isterinya akan memasak, mengasuh anak dan apabila mereka mempunyai 9 anak, mereka tidak perlu tinggal bersama-sama mertua lagi.

Sewaktu pasangan yang baru kahwin sedang menentukan kawasan rumah mereka, semua orang bergotong royong membangun rumah bagi mereka. Buluh digunakan untuk rangka rumah dan atap rumah dibina. Setelah bermandian peluh membina rumah, tapak akan dinikmati, dan kalau pasangan ini mampu, seekor babi atau kerbau disembelih untuk jamuan bersama-sama.

Kalau saudara mara yang dekat ingin berkahwin sesama, mereka mesti membayar pitas yang terdiri daripada seekor kerbau, seekor babi, dan seekor ayam. Biasanya, ketua kampung akan berunding bagi kedua-dua pihak untuk pitas. Kalau seorang gadis hamil di luar pernikahan, pihak lelaki mesti membayar segit (saman) dan mengahwini perempuan ini.

Tentu Tuhan Mengasihi Orang Dusun

Siapakah suku Dusun ini? Tentulah mereka suku yang dikasihi oleh Tuhan yang mengetahui mereka hidup dalam kegelapan dan memerlukan perlindungan Raja atas segala raja. Suku Dusun ini dikatakan mungkin berasal daripada rumpun Indo Malayan dari Selatan China, namun teori lain berkata mereka berhijrah daripada suku Mongol, dan yang lain pula berkata mereka sebenarnya orang Cina atau orang Kanchin, dan juga ada kemungkinan mereka orang Annam dari Myanmar.

Walau bagaimanapun, Trevor yakin Tuhan sungguh mengasihi mereka dan untuk merekalah Dia diutus. “Dalam kasih Dia telah menentukan kita dari semula oleh Yesus Kristus untuk menjadi anak-anak-Nya, sesuai dengan kerelaan kehendak-Nya” (Efesus 1:5).

Trevor berjalan-jalan sambil mendoakan orang Dusun yang takut tanda sial. Mereka selalu bertanya, “Bagaimana kalau hari ini sial merintang?” Apabila Trevor memikirkan burung yang cantik yang tidak dapat dinikmati mereka sayulah hatinya. Trevor mengenangi suatu kejadian sewaktu dia sedang berjalan dengan mereka, “Alamak, lipan cepat...cepat pulang nanti kena sial!” Bagaimana pula lipan mahupun bunglon yang begitu kecil boleh menakutkan mereka.

Penduduk Dusun juga sering diganggu mimpi buruk. Apabila bermimpi buruk, segera mereka mendapat nasihat daripada bobolian dan babi akan dipersembahkan kepada roh. Alangkah indahnya kalau penduduk Dusun ini dapat dilepaskan daripada kuasa kegelapan dan dipindahkan ke dalam kerajaan Anak-Nya.

Kerinduan dan Doa Trevor

Kerinduan dan nafas doa Trevor bagi penduduk Dusun ialah mereka akan tercelik mata rohani, “dan betapa hebat kuasa-Nya bagi kita yang percaya, sesuai dengan kekuatan kuasa-Nya”

(Efesus 1:19). Sebelum mereka mengetahui akan kuasa-Nya mereka mesti tahu bahawa “Kristus mati kerana dosa kita...Dia dikebumikan... Dia dibangkitkan pada hari ketiga, menurut Alkitab. Dia memperlihatkan diri-Nya kepada Petrus, dan kemudiannya kepada dua belas orang rasul-Nya. Setelah itu, Dia memperlihatkan diri-Nya pula kepada lebih daripada lima ratus orang pengikut-Nya” (1 Korintus 15:3-6).

Itulah cabaran Trevor! Hanya Roh Kudus yang menyertai berita baik dapat mencelik mata rohani orang Dusun. Trevor tahu dia harus bermula dengan Injil dan ajaran-ajaran asas. Hanya keyakinan mereka akan kasih, penyelamatan dan kuasa kebangkitan Tuhan Yesus boleh membebaskan mereka daripada cengkaman ketakutan akan iblis. Bolehkah orang Dusun dilepaskan daripada ketakutan mereka akan roh-roh jahat?

BAB 5

BENIH INJIL DITABURI



Penduduk Dusun sungguh mesra terhadap mubaligh yang tinggal di kalangan mereka, dan menganggap mereka seperti suku mereka. Mereka suka memberi nama Dusun kepada mubaligh ini agar jalinan menjadi lebih akrab. Lagipula dengan memberi nama kesayangan kepada misionari, mereka merasa seperti satu keluarga besar.

“Saya rasa bagus kalau kita memberi Trevor White nama Dusun, bagaimana kalau kita menyuruh dia Achang Ating,” cadang Racha Umong.

“A...chang Ating,” beberapa orang Dusun cuba menyebutnya tetapi agak memutarbelit lidah mereka.

“Asang Ating...bagaimana kalau kita memberi dia nama Asang Ating...yang bererti terang...lebih mudah disebut,” cadang seorang Dusun.

“Bagus...bagus, ya, ya, itu nama yang indah dan sesuai

untuknya,” mereka bersetuju dengan pemberian nama itu.

“Pastor Trevor, kami mahu memberi awak nama Dusun. Awak suka tak dengan nama Asang Ating. Asang bererti terang, bagus tak?” tanya salah seorang Dusun.

“Bagus, bagus, saya sangat menyukainya,” kata Trevor setelah berfikir sejenak.

Sejak hari itu, mereka memanggil Trevor sebagai Asang Ating dan merasa dia sebahagian daripada penduduk Dusun. Memang rasa sayang dan pertalian kerabat segera terjalin dengan orang Dusun apabila nama “Asang” dipanggil. Asang menyisir-nyisir rambut, memandang diri dalam cermin seraya menyebut “Asang” setibanya di rumah.

Benih Injil Ditaburi

“Bersyukurlah kepada TUHAN, serukanlah nama-Nya, perkenalkanlah perbuatan-Nya di antara bangsa-bangsa!” (Mazmur 105:1) Walaupun rumah mereka belum siap dibina; Stafford dan Trevor menerima setiap kesempatan untuk berkhotbah kepada penduduk Dusun. Mereka sudah berkobar-kobar ingin memperkenalkan Tuhan Yesus kepada bangsa Dusun, lebih baik menabur benih-benih seawal mungkin!

Suasana khutbah pertama bukanlah seperti di gereja yang tenang di mana semua orang berpakaian kemas, pastornya memakai kot, pemuzik memainkan muzik yang merdu. Sebaliknya, bayi menangis, anjing menyalak, ayam berkokok dan babi menjadi tetamu tambahan untuk menceriaikan keadaan kebaktian.

“Bising, mereka sungguh bising, agak apa yang terjadi?” tanya Asang kepada Rentian.

“Pastor Asang, semalam mereka merayakan kedatangan kita dengan tuak sepanjang malam dan sudah mabuk,” jelas Rentian.

“Apa? Mereka ni mabukkah?” kata Asang dengan rasa terkejut. Stafford, Trevor dan Rentian dengan penuh iman tetap

menjalankan misi penginjilan mereka tanpa menghiraukan keadaan pendengar-pendengar mereka pada masa itu. Lima belas lelaki mabuk dan wanita yang sedang menyusui bayi-bayi mereka akan mendengar khutbah mereka.

Ajaibnya, bukan saja orang Dusun ini mendengar dan benih Injil ditaburi mereka malah percaya, benih menetas dan bercembang! Semua ini anugerah Tuhan yang berkarya dalam keadaan mustahil. Di tengah-tengah kebisingan ini, Asang tetap berkhotbah, “Tetapi Tuhan telah menunjukkan betapa kasih-Nya kepada kita dengan kematian Kristus bagi pihak kita walaupun pada ketika itu kita masih berdosa” (Roma 6:23).

Dengan ajaibnya, firman Tuhan bagai hujan yang turun ke tanah gersang dan menghasilkan bunga dan buah. “Sebab seperti hujan dan salji dari langit dan tidak kembali ke situ, melainkan mengairi bumi, membuatnya subur dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, memberikan benih kepada penabur dan roti kepada orang yang mahu makan, demikianlah firman-Ku yang keluar dari mulut-Ku ia tidak akan kembali kepada-Ku dengan sia-sia, tetapi ia akan melaksanakan apa yang Kuhendaki, dan akan berhasil dalam apa yang Kusuruhkan kepadanya” (Yesaya 55:10-11).

Tuhan Berkarya Melalui Mimpi

Mimpi sungguh penting bagi orang Dusun dan hidup mereka boleh dipengaruhi. Mereka mempercayai mimpi adalah tanda yang buruk ataupun baik. Mimpi buruk seperti pemecahan periuk, belanga, kual, pinggan mangkuk itu tanda sial. Pertunangan atau rencana untuk berkahwin boleh dibatalkan kalau mimpi buruk seperti pemecahan mangkuk terjadi.

Kuasa Tuhan dinyatakan di kalangan orang Dusun dengan luarbiasa. Penyertaan Tuhan jelas terjadi di Kampung Naurus yang berdekatan Ranau sewaktu Trevor ke sana dengan ketua suku, Bali

Angga. Tuhan yang tahu betapa mereka mementingkan mimpi telah menggunakannya untuk menyelamatkan satu keluarga.

“Apakah yang terjadi? Kenapa awak berbaring di sini,” Trevor tanya Yata Addan.

“Saya hamil dan perutku kembong,” kata Yata Addan.

Dia menatap wajah Trevor dan teringat inilah orang putih yang telah bercakap dengannya dalam mimpi. Dalam mimpinya, Trevor menanyakan dia pertanyaan yang sama, membuka kelopak matanya, menghembus angin ke dalamnya, dan berkata sembuh!

“Siapa orang putih itu? Dialah orang putih yang saya bertemu dalam mimpi saya. Dalam mimpi saya, dia menanyakan persis seperti tadi dan membuka kelopak mata saya, menghembus ke dalamnya serta berkata jangan khawatir saya akan sembuh!” kata Yata Addan kepada Atong Gadimbar.

“Wah! Pasti ini...” kata Atong Gadimbar.

Gadimbar menerima secercah pengharapan kerana dia sudah lama mencari bobolian untuk mengubati isterinya. Dompot mereka banyak diperas kerana demi mengubati penyakit ini, pelbagai sembelihan telah disajikan. Setiap kali bobolian akan mengatakan roh-roh yang sedang mengganggu kehidupan mereka tidak kenyang dengan kerbau, babi, ayam-ayam, yang disembelih oleh sebab itu isterinya tidak sembuh-sembuh. Banyak halia kering dan kuku rajawali sudah dicari tetapi isterinya masih tidak pulih.

Gadimbar merasa suatu kuasa yang jauh lebih besar berada di ambang kehidupan mereka sekeluarga sehingga mereka bermimpi tentang Asang bahkan kata-kata dan gerak geri sudah diberitahu dalam mimpi. Pasti kuasa ajaib!

Asang tinggal bersama Bali dan meminta semua orang yang tinggal di kampung mereka dikumpulkan. Gadimbar yang menjaga isterinya tidak tahu sama ada dia harus di sisinya atau pergi menghadiri ibadat itu. Keadaan isterinya yang uzur tidak mengizinkan dia pergi tetapi hatinya rindu ke sana. Walau bagaimana pun, dia merasa ada kuasa yang membimbing dia ke sana.

Dia pergi ke ibadat itu dan buat pertama kali menyedari bahawa dia boleh beribadat tanpa menyembelih kerbau, babi ataupun ayam. Di sini, mereka menyanyi dan mendengar cerita Yesus yang begitu seronok. Kedamaian dan cinta kepada Tuhan bukan takut akan roh-roh jahat. Semua orang boleh bercakap dengan Tuhan bukan hanya bobolizan.

Tiba-tiba nyanyian berhenti apabila mereka melihat Yata Addan masuk ke dalam bilik dan mulut semua hadirin ternganga.

“Kenapa Yadda datang? Bukankah dia sakit?” mereka bertanya-tanya.

Mukjizat yang luarbiasa ini telah menghidupkan semangat ibadat dan semua orang tertakjub dengan penyembuhan Yadda. Begitu banyak orang menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat mereka. Gadimbar dan Yadda dengan penuh keyakinan berdoa menerima Tuhan Pencipta, Juruselamat dan Penyembuh mereka.

Kasih Yadda akan Tuhan telah mengilham dirinya untuk membaca Alkitab Dusun sekalipun sebelum ini dia buta huruf. Gadimbar dan Yadda melahirkan enam anak dan mengasuh mereka untuk mengasihi Tuhan Yesus. Yadda giat melayani Tuhan dan pergi kepada Tuhan pada umur tujuh puluh tahun sedangkan Gandimbar masih sihat walafiat pada umur sembilan puluh.

Stafford Kembali ke Australia

Alan Belcher menyertai Stafford dan Asang pada tahun 1940. Mereka bertiga melayani bersama-sama sehingga Stafford terpaksa pergi ke Labuan di Sarawak untuk persidangan. Alan dan Asang terkejut apabila mereka mendapat berita bahawa Stafford tidak pergi ke persidangan itu sebaliknya dia kembali ke Australia. Dalam sepucuk surat kepada persidangan, dia menjelaskan bahawa Alan dan Asang perlu menetap di Ranau, dan menjelaskan kenapa dia perlu kembali ke Australia.

Kemahiran Trevor Dalam Pertukangan

Kemahiran Trevor dalam pertukangan terbukti sangat berguna bagi ladang misi. Dia menggunakan balak keras untuk membuat almari makanan mereka dan sesudah membuat kakinya, empat mangkuk air kecil diletakkan agar semut-semut tidak merangkak ke almari tersebut. Itu juga cara yang digunakan oleh orang Cina pada zaman dahulu guna untuk menghalangi semut dari merangkak ke almari.

Rantau kaya dengan buluh. Rumah penduduk dibina daripada buluh; rumah buluh yang kecil ini mempunyai dua bilik dan dapur yang satu kaki lebih tinggi sementara ruangan tamu mereka tiga kaki lebih tinggi. Stafford dan Asang hanya mengeluarkan barang-barang yang diperlukan sebelum rumah mereka siap. Asang menyenaraikan segala yang diperlukan oleh mereka di rumah secara teliti dan perincian.

Bagi Asang segala yang dilakukan tidak boleh asal-asal sahaja atau sambil lewa biarpun itu pemberitaan injil mahupun membina bangunan. Dia selalu mengajar pengikut-pengikutnya “tak boleh chin-chai, chin-chai” iaitu satu kalimat yang dipelajarinya daripada jiran Cina yang bererti buat sembarangan saja. Dia sungguh teliti dalam segala pencorakan bangunan dari segi corak mahupun fungsi setiap sudut. Perancangannya banyak aturan serta memakan waktu.

“Dapur kita mesti di belakang rumah, kira-kira lima belas kaki jauhnya dan dihubungkan oleh satu jalan yang beratap,” jelas Trevor.

“Pasti jalan fikiran Trevor ada hikmat di sebaliknya,” fikir Alan kepada diri sendiri sambil menggeleng-geleng kepala.

“Dua bangunan ini dipisahkan kerana kalau ada api, dengan kapak kita dapat merobohkan binaan yang menyambung ke bangunan lain,” jelas Trevor dengan penuh hikmat.

“Asang, saya ada cadangan yang lebih mudah bagi kita. Tak usah kita bersusah payah...” jelas Alan.

“Saya tidak dapat melakukan yang chin-chai bagi Tuhan kita,” kata Asang.

“Ok, ok, tak boleh chin-chai, chin-chai,” kata yang lain sambil tersenyum.

Beginikah Caranya Masak Ayam?

“Wah! Masak ayam begitu chin-chai chin-chaikah?” tanya Asang kepada tukang masakunya.

Suatu hari, perut Alan dan Asang berkeronchongan, mereka ingin sekali makan ayam bakar yang sedap.

“Tingai, boleh tolong sediakan ayam bakar, kami lapar ni,” pesan Asang sambil membayang peha dan kepak goreng yang beremasan.

Alan dan Asang berbincang misi mereka di Ranau sambil menunggu ayam goreng yang mengiur. Tingai menolong mereka untuk memasak kerana mereka begitu sibuk dengan pelayanan. Sewaktu ayam tiba, terkejutlah mereka kerana kepala ayam pun disajikan.

“Tingai, lain kali kalau masak, tolong potong kepala ayam,” kata Asang.

“Kepala ayam justru sedap. Awak tidak makan kepala ayamkah? Sedap tu! Rugilah,” kata Tingai yang hairan.

“Tingai, kenapa ususnya masih ada dalam ayam? Lain kali potong kepalanya, cuci ayam itu, dan biar ususnya bersih... maksud saya buang ususnya. Usus tak boleh dimakan, beracun...” kata Asang.

Tidak lama lagi, Alan pergi bekerja dengan Dr McArthur di Tambunan yang sedang membuat kajian tentang penyakit malaria. Askar-askar Jepun baru tiba di Ranau, sumber kewangan Alan dan Asang terputus. Atas sebab ini, Alan melamar untuk bekerja bersama Dr McArthur yang sebenar kecewa dengan perkembangan pekerjaannya. Kedatangan Alan telah memberi dia galakan untuk melanjutkan kajiannya.

Asang yang ditinggalkan bersendirian di ladang berusaha

dengan gigih tanpa bersedih atas hal ini. Kini Alan dan Stafford tidak berada di sisinya. Walaupun bangunan penginjilan sudah selesai dibina, Asang menyedari bahawa kalau Bahasa Dusunnya kurang, dia tidak akan mengorak langkah besar. Bahasa Malaysia lebih mudah bagi Asang tetapi Bahasa Dusun perlu dipelajari juga.

“Belajar Bahasa Malaysia pun harus tidak chin-chai chin chai, Bahasa Malaysia mesti bagus,” fikir Asang sambil berjalan bertemu Udin.

“Uding, awak berminat belajar Bahasa Inggeriskah?” tanya Asang.

“Kalau ada yang mengajar, tentu mahu!” jawab Udin.

“Bagus, aku akan mengajar kamu Bahasa Inggeris dan awak mengajar aku Bahasa Melayu,” kata Asang.

“Bagus, bagus sekali, bila kita bermula pelajaran kita?” kata Udin sambil bertepuk tangan.

Misi permulaan mereka terdiri daripada banyak usaha pembangunan, perjalanan untuk menginjil dan pengurusan. Segala kesempatan berkhutbah dan menginjili diselipkan di tengah-tengah kesibukan membina bangunan. Selain membina bangunan, Asang tahu betapa pentingnya memahami kebudayaan dan Bahasa orang Dusun dengan lebih mendalam lagi. Dia bertungkus lumus mengasah Bahasa Malaysia untuk bercakap dengan orang Dusun khususnya untuk mengajar firman Tuhan.

Dalam segala hal, Asang memberi teladan baik seperti bekerja tidak boleh chin-chai, chin chai (sembarangan) kerana itu demi kemuliaan Tuhan. Asang seperti rasul Paulus berani berkata, “Sebab itu aku menasihatkan kamu: turutilah teladanku!” (1 Korintus 4:16). Siapa kata melayani Tuhan boleh chin-chai, chin-chai?



Kentuni dan Asang melayani bersama-sama seumur hidup mereka.

BAB 6 KEM TAHANAN JEPUN



Suasana di Borneo Utara berubah menjadi seram apabila Jepun berjaya menakluk British Malaya dari Disember 1941 hingga ke Febuari 1942. Sejarah British Malaya banyak berubah setelah Jepun menakluk British Malaya selama tiga setengah tahun.

Bagaimana semua ini boleh terjadi dengan begitu cepat? “Jepun mengalahkan 130,000 tentera Britain. Hal ini mengejutkan

pihak Britian dan Amerika. Orang British mendirikan kubu pertahanan di Asia Tenggara yang memakan berjutaan dolar. Tiada siapa boleh memahami bagaimana orang British boleh jatuh dengan begitu cepat...Masalahnya ialah banyak di kalangan mereka terdiri daripada askar-askar India yang tidak banyak menerima galakan dan askar-askar Australia yang tidak berpengalaman...Banyak di kalangan mereka tidak dilengkapi kereta perisai yang bermeriam atau kereta kebal terhadap meriam dan juga pertahanan udara sudah ketinggalan zaman. Satu cacian yang dikatakan ramai ialah British tidak bersedia menerima ramai penduduk tempatan yang sedia berjuang, terutama orang Cina tidak diberikan peluang. Seandainya British tidak terlalu “angkuh dan mementingkan ras” tentunya keadaan akan menjadi berbeza.”⁵

Kehidupan Di Kem Tahanan

Askar-askar Jepun tiba di Labuan dan Borneo Utara pada hari Tahun Baru. Penumpahan darah dielakkan ketika Jepun mengambil alih kerana pihak British mengarahkan semua polis untuk meletakkan senjata.

Suasana masyarakat suku Dusun ini berubah menjadi tegang dengan kehadiran penjajah baru ini. Negara Jepun yang melaung-laungkan Asia bagi Asia, dan bermoto kesemakmuran dan kesatuan negara Asia sebaliknya mendatangkan kesengsaraan selama tiga setengah tahun. Mereka menyeksa rakyat tempatan dan juga askar-askar Britain dan Australia. Bahang kekejaman pun tiba kepada orang Dusun, Asang dan para misionari.

Pegawai-pegawai Britain digantikan dengan pegawai-pegawai Jepun, dan banyak bandar penting ditukarkan dengan nama Jepun. Penderitaan suku Dusun melarat pada waktu ini kerana mereka kesuntukan ubat-ubatan dan makanan. Kemampuan dan latihan Asang dalam memberi rawatan berguna dalam keadaan cemas

ini. Pada suatu hari semua bulu roma Asang naik ketika menerima panggilan telefon di hospital.

“Ini Encik Asang?” telefon seorang pegawai Jepun.

“Ya, saya Asang,” jawab Asang dengan suara yang gugup.

“Awak diarahkan ke pejabat pemerintah Jepun untuk temuduga. Awak dihendaki datang ke Jesselton melalui Tenom,” kata suaranya dengan tegas,

“Ingat melalui Tenom sahaja!” bentaknya bengis.

Beberapa staf di hospital sedang mendengar perbualan Asang dalam telefon secara senyap-senyap. Mata mereka terbeliak ngeri dan mulut ternganga dengan penuh tanda tanya.

“Kenapa pihak Jepun menyuruh Asang mengambil jalan yang berbelit-belit,” tanya salah seorang staf hospital.

“Lagipula, dia harus menaiki kereta berlainan beberapa kali untuk sampai di sana,” kata seorang lagi.

“Entah-entah mereka akan mengapa-apakan Asang,” bisik seorang perawat.

Matahari terik ketika Asang mengangkat beg kecilnya yang dibekali baju untuk sehari dua. Tanpa diketahuinya, itulah bekalan pakaiannya selama tiga setengah tahun. Hatinya berdebar-debar sambil dia mengesat peluhnya sewaktu berjalan. Dari kota Belud, dia berjalan ke Tengilan lalu mengambil bas ke Jesselton. Sabah yang diambil alih oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara British, menamai ibukota Sabah sebagai Jesselton.

Setiba di sana, Asang masuk ke dalam pejabat Jepun di lantai pertama. Di sana, dia bertemu dengan Encik Sakai, peniaga Jepun di Jesselton.

“Manakah barangmu?” tanya Sakai.

“Inilah,” kata Asang.

“Begitu kecilkah begnya? Awak akan tinggal di sini dua minggu tahu, cukupkah?” tanya Sakai yang tidak tahu sebenarnya Asang akan tinggal di kem selama tiga setengah tahun.

Pandangan Asang melirik ke suatu sudut bilik, seorang Jepun

bengis yang berbadan seperti gusti Sumo sedang menatap dia. Dia membawa Asang ke sebuah bilik lain dan memberi seorang lelaki segugus kunci. Asang menduga dia akan dilemparkan ke dalam penjara dan dikuncikan dalam kegelapan. Dia disuruh berjalan ke arah sebuah kereta, Asang merasa dingin, dan takut. Di luar dugaan, dia dibawa ke kem tahanan orang Eropa yang mengalu-alukan kedatangannya.

“Selamat datang saudaraku!” kata Alan Belcher, Dr. Mc. Arthur dan Colonel Adams sambil mendakap dia.

Tolong Gunting Rambut Saya

Bakat Asang yang semulajadi terserlah dalam kem tahanan ini. Asang bukan sahaja teliti dalam bidang pertukangan bahkan dia pereka fesyen rambut yang bergaya. Tidak lama kemudian Asang digelar “Pengunting rambut White” khususnya setelah mereka melihat transformasi penampilan Alan Belcher selepas sentuhan gunting Asang. Semua orang ingin bergaya dan berebut-rebut meminta Asang mengunting rambut mereka.

“Saya yang meminta Barber White terlebih dahulu,” kata seorang tahanan kem.

“Salah, saya yang dulu, saya sudah memintanya sejak minggu lalu!” jawab seorang lagi.

Selain kemahiran mengunting rambut, Asang pandai membuat kek; kehadiran Asang mendatangkan suasana kehidupan kem lebih berwarna-warni bagi kawan-kawannya. Asang mengatur waktu membuat kek dan mengunting rambut dengan bijak. Beberapa orang lagi yang ditugaskan membuat kek mengagumi kebolehan Asang.

“Sejak bila awak belajar buat kek?” tanya tahanan kem yang sudah berair liur sewaktu Asang menepuk-nepuk tepungnya.

Kawan-kawan Asang di kem beraneka ragam; seorang

daripada mereka membawa empat puluh helai seluar ke kem sebaliknya seorang lagi hanya satu helai baju tidur. Bolehkah anda bayangkan aroma dalam kem? Bagai ikan masin bercampuran sambal belacan yang tidak segar!

Asang Belajar Bahasa Dusun Daripada Sarjana

Tahun-tahun pertahanan di kem Jepun tidak disia-siakan kerana Asang menyiapkan diri dengan lebih mantap lagi untuk pelayanan. Dia belajar Bahasa Dusun daripada seorang paderi Rom Katolik yang merupakan sarjana Bahasa Dusun yang tersohor.

“Mana kertas-kertas itu,” tanya seorang pegawai bengis.

“Itu hanya Bahasa Dusun tuan,” kata Asang sedikit gementar.

“Keluarkan kertas itu sekarang,” kata pegawai kepada penolongnya.

Dengan rajin, Asang menulis 5,000 ayat namun semuanya disita, selepas ini Asang tidak menulis lagi.

Serangan Bom Ke?

“Booo..m! semua orang di kem berteriak kerana mereka menduga ada serangan bom ke atas kemp. Askar-askar segera menyerbu dapur tetapi sebenarnya tong kosong yang diberikan askar-askar Jepun untuk meletakkan alat masak telah meletup kerana masih ada serbuk senapang.

Puji Tuhan, tiada orang yang tercedera atau tertusuk serpihannya.

Perpindahan ke Kuching

“Siap sedia, kalian akan dipindahkan ke kem Kuching,” teriak seorang askar.

Asang dan kawan-kawan lain terpaksa duduk di perahu kotor yang biasa digunakan untuk mengangkat arang ke pelabuhan Labuan. Apabila beberapa orang keberatan masuk ke dalam perahu yang hitam dan busuk itu, askar Jepun berbentuk nyaring, “Tibalah waktunya orang putih menanggalkan kesombongan mereka!”

Kem di Kuching dipagari ketat oleh dawai yang tidak memudaratkan, akan tetapi tiada banduan yang berani melarikan diri.

“Usahlah mencari ikhtiar meloloskan diri dari sini,” kata seorang banduan.

“Kalau sempat keluar dari sini pun, ke manakah kita akan berlari? Mana-mana pun ada askar-askar Jepun. Mahu tewaskah?” sahut seorang lagi.

Kem tahanan itu dibahagikan kepada tujuh bahagian: pegawai-pegawai Australia, pegawai-pegawai Inggeris, rakyat, askar-askar Inggeris yang dikenali sebagai Tommies, wanita-wanita, rakyat India, imam-imam Gereja Katolik. Pakaian para banduan semakin lama semakin usang dan compang camping. Akhirnya mereka mesti memakai celana yang kelebarannya hanya sebesar telapak tangan.

“Itulah cara orang Jepun merendahkan martabat orang putih,” desas desus kedengaran di kem.

“Membuat kita memakai cawat seperti ini!” keluh seseorang lagi.

“Tak kisahlah, pakaian begini lebih dingin lagipun cuacanya panas, lebih selesa dan lebih bersih juga,” kata Asang.

“Wahai Asang, ini bukan cawat tetapi lebih teruk lagi G string,” sahut seorang banduan yang suka bergurau.

“G string!” banduan-banduan yang lain ketawa terkekeh. “Bercawat selamba cantikkah,” mereka tertawa lagi sehingga suasana sedih bersayap daripada kem buat sesaat.

Ibadat di Kem

Puji Tuhan, komandor kem itu seorang Kristian yang bernama Kolonel Suga. Tatsuji Suga telah dilahirkan di Hiroshima Jepun pada September 22, 1885, anak kedua ini berasal daripada keluarga yang beragama Shinto. Abangnya yang lebih tua menjadi Kristian dan kemudian menjadi misionari. Abang yang lebih tua ini mempengaruhi adiknya sehingga pada waktu remajanya, dia bermain organ di gereja abangnya.

Pada tahun 1907, Tatsuji Suga lulus daripada Akademi ketenteraan dan diangkat sebagai Lieutenan Kedua. Segera ibu bapanya mengatur jodoh baginya dan segera dia dijabkulkan dengan seorang wanita Jepun cantik yang bernama Tern. Penyatuan kehidupan mereka telah mengarunia dua cahaya mata lelaki dan empat anak perempuan comel. Ketika perang dunia kedua, Kolonel Suga secara sukarela menawar diri menjadi Komando kem kerana dia percaya menguruskan kem tahanan yang baik sungguh penting.

Walau bagaimana pun tugas dan hati nuraninya sering berlawanan khususnya apabila dia yang baik kepada tahanan, pelbagai tuduhan akan dilontarkan terhadapnya.

Kehidupan di kem bagi wanita tidak mudah tetapi mereka tidak dikenakan disiplin yang ketat. Mereka juga tidak ditampar kalau tidak membongkok dengan betul sewaktu memberi tabik kepada askar Jepun. Atas perintah komando, mereka tidak dianiaya atau diperkosa oleh askar-askar.

Ibadat diizinkan di kalangan tahanan Kristian. Tiga belas misionari bergiliran membimbing ibadat: misionari Anglikan, BEM, dan seorang lagi daripada Perserikatan Misionari Kristian. Firman Tuhan selalu membawa penghiburan di tengah-tengah keperitan hidup di kem.

Bantahan Berani

“Kalian akan ditugaskan untuk membina lapangan kapal terbang!” kata pegawai Jepun kepada para banduan kem.

“Ambil cangkul, kapak dan semua ini,” teriak askar itu.

Dengan berani, banduan-banduan ini melemparkan alat-alat ini ke tanah untuk membantah keras terhadap tugas seperti ini.

“Tuan, banduan-banduan ini tidak rela mengambil projek membina lapangan kapal terbang ini dan menurut surat persetujuan kita, rakyat biasa tidak boleh ditugaskan ke projek ketenteraan tuan,” jelas Kolonel Adam dengan munasabah kepada Kolonel Suga.

“Kalau begitu, usahlah mereka melanjutkan projek ini. Biarlah mereka dipindahkan bekerja di kebun getah lama,” kata Kolonel Suga.

“Yes Sir,” kata Kolonel Adam sambil memberi tanda hormatnya kepada Kolonel Suga.

Pangkal pokok-pokok ditebang dan banduan-banduan yang lebih kuat akan membelah kayu untuk dapur mereka. Para banduan lama ditugaskan mencabut rumput rampai dan menguruskan kerja ringan. Apabila tanah sudah dibersihkan mereka menabur benih-benih seperti benih kacang, kacang panjang, ubi kayu, ubi kentang manis, sayur manis dan buah-buah tomato. Saat ini, mereka dapat menikmati udara segar daripada meringkuk di kem.

“Pada suatu hari Trevor ditugaskan bersama Geoff Hedley untuk menguruskan kebun; mereka pun berbincang cara yang terbaik untuk menggunakan kebun itu. Semalam suntuk, Asang membayangkan cara terbaik secara perincian untuk menggunakan ladang itu. Esok harinya, dia ke kebun lalu segera menyelesaikan pekerjaan dalam sehari. Geoff yang tidak masuk ke ladang hari itu sungguh terkejut apabila dia masuk ke ladang hari berikutnya. Semua diatur dan kerja yang seharusnya diurus bersama sudah diberes rapi.

Geoff Hedley menanyakan Alan Belcher, “Belcher, Trevor dan saya ditugaskan untuk menguruskan kebun. Kami dah berbincang

tentang cara menggunakan ladang ini tetapi dia meng-uruskan semua pekerjaannya tanpa menurut pelan rancangan kami. Biasanya, bagaimana gaya kerja Trevor White? Beginikah?”

Belcher kemudian berbincang dengan Trevor tentang perasaan Geoff.

“O...semalam suntuk aku memikirkan cara penggunaan tanah itu dengan cara yang terbaik, lagipula cara aku melibatkan banyak kerja, jadi usah buat Geoff membanting tulang. Jadi, aku kerjakan semuanya!” kata Asang.

Makanan di Kem Tahanan

Asang dan teman-temannya akan berbaris dan menerima makanan mereka di sebuah pondok. Kem tahanan mendatangkan penderitaan dan kelaparan. Dengan mangkuk kelapa yang terbelah dua, Trevor menerima sarapannya, sago menahan kelaparan mereka sampai makan tengah hari. Banduan-banduan tidak diberikan garpu dan sendok, jadi mereka terpaksa membuat sendok daripada kayu, buluh mahupun besi lain.

“Wah, hari ini kita ada telur penyu,” seru seorang banduan.

Tidak hairanlah sajian telur penyu menggembirakan para banduan kerana biasanya makanan sehari-harian hanya sayur-mayur dan nasi. Hanya menjelang akhir pertahanan, setiap banduan diberi secebis ikan kering sekali dalam satu minggu. Itulah satu-satunya sumber protein yang membekali mereka selama berada di Kuching. Kalau nasi tidak disajikan, sup kentang pekat akan diberikan.

Tidak hairanlah para banduan begitu kurus dan tidak sempat hidup sehingga kem tahanan berakhir. Bulan lepas bulan beredar, maut mencengkam mereka yang ditahan dalam kem kerana kekurangan khasiat. Kubur yang berdekatan kem sering digunakan dan tangisan menaungi suasana kem. Frank Davidson meninggal dunia lima bulan

sebelum perang itu berakhir. Setelah menderita barah perut, dia hanya boleh makan makanan yang lembut. Ubat-ubatan tidak ada dalam kem dan makanannya harus direbus.

“Biarlah Frank mengambil gula saya,” kata beberapa mubaligh yang sedih melihat keadaan Frank yang semakin uzur.

Perasaan Takut

“Kenapa tergopoh gapah, nanti sakit perut,” tanya Alan kepada Asang suatu hari.

“Aku takut askar-askar Jepun akan mengunjungi kita bila-bila masa sahaja, jadi perlu cepat-cepat makan,” kata Asang.

Betul, Asang sakit perut kerana makanan yang ditelannya tidak dapat dicernakan lantas dia menukarkan gaya makannya.

“Biar aku memakai garpu yang bergigi tiga ini agar tidak tergopoh gapah sewaktu makan,” kata Asang kepada Alan.

Yang paling menderita di kem ialah askar-askar Inggeris yang sering diperlakukan kasar, tidak banyak yang dapat hidup. Keluhan dan kengerian mewarnai kehidupan harian askar-askar Inggeris berbanding dengan banduan-banduan Eropa yang lain. Mereka tinggal di kem berbeza: imam-imam dalam satu kem, golongan wanita dan anak-anak kecil dalam kem berlainan. Anggota-anggota misionari diagihkan tugas masing-masing dalam kem. Alan Belcher diminta menjadi pemasak di dapur, dan Roland Brewsher ditugaskan di hospital kem.

Suatu hari, Hudson Southwell menerima secarik kertas catatan daripada Roland yang berkata dia telah meletakkan jawatan dari misi kerana tidak dapat lagi menerima asas-asas iman Kekristianan. Hati Hudson Southwell sungguh sayu ketika menerima carikan kertas ini. Beginilah serius ujian perang ke atas banduan kem sehingga iman mereka tergoncang. Di sini, mereka banyak berfikir semula ertinya melayani dan menderita, dan erti mempercayai diri

dalam tangan Tuhan yang Maha Penyayang sekalipun kekejaman menimpa.

Seruan hati tahanan kem tentu, “Tetapi aku ini sengsara dan miskinya Tuhan, segeralah datang! Engkaulah yang menolong aku dan meluputkan aku; ya TUHAN, jangan lambat datang! (Mazmur 70:6). Bilakah perang dan penderitaan semua ini akan tamat menjadi soalan yang dinanti-nantikan mereka. Laratkah tubuh ini bertahan sehingga perang berakhir menjadi kegelisahan mereka yang sakit dan lemah.

Ceramah-Ceramah Kem

Bagi banduan-banduan tahanan lain, waktu panjang ini diisi dengan ceramah- ceramah daripada banduan yang arif dalam bidang pengetahuan tertentu. Asang didedahkan kepada pelbagai orang yang mempunyai minat yang berlainan. Seorang lelaki yang pandai dalam bidang botani memberi sedikit ceramah tentang pokok getah dan penggunaannya; seorang lagi mengajar cara membuat peralatan besi.

Asang begitu berminat dengan ceramah yang disampaikan oleh Turner yang seakan-akan sungguh berpengetahuan dalam sejarah. Turner mampu memberitahu persis bila seseorang raja naik takhta dan turun takhta di Britain sepanjang sejarah negara mereka.

“Putera George VI dilahirkan dalam keluarga Raja George I. Permaisuri Mary tidak pernah menunjukkan kasih kepada anak-anaknya. Putera George yang nama timangannya Bertie sering kegugupan. Sewaktu putera ini dewasa, pada suatu hari dia ke jamuan hari jadi dan jatuh cinta dengan Lady Elizabet yang memberi sebiji ceri dari keknya,” cerita Turner.

“Romantiknya... setelah itu apa terjadi?” tanya seorang pendengar.

“Lady Elizabet berkata dia tidak mahu terkurung dalam istana

namun Bertie terus mengejarnya dan akhir mereka berkahwin...” lanjut Turner dengan gerak geri yang menarik.

Komunikasi Di Kem

Komunikasi saat ini sulit antara banduan-banduan tahanan kerana mereka tidak dibenarkan bergaulan. Hanya lelaki yang sudah berkahwin boleh pergi ke khemah isteri mereka seminggu sekali. Para banduan menciptakan satu wahana komunikasi untuk berkongsi berita tentang perkembangan perang. Wahana komunikasi ini dinamakan Puan Harris agar rahsia mereka tidak terbongkar.

Wahana ini memperbolehkan mereka saling memberi tafsiran tentang berita daripada pihak Jepun yang sering berat sebelah. Sebuah tin aluminium yang disambungkan dengan dawai pendengaran yang diberikan oleh pengurus keretapi telah digunakan. Seorang lelaki ditugaskan untuk mendengar berita dan menyampaikan berita kepada yang lain. Dia akan berpura-pura berjalan kepada khemah yang berlainan sewaktu makan, dan setiap kali dia bersandiwara sebagai anggota khemah itu.

“Celakalah, Puan Harris kita sedang berbaring di meja dalam dapur,” bisik seorang banduan sewaktu pegawai Jepun mendadak muncul di dapur.

Dengan segera, seorang pemasak melemparkan seikat sayur-sayuran ke atas meja dan menyembunyikan Puan Harris. Mujurlah, kehadiran Puan Harris tidak diketahui oleh pihak Jepun. Kalau rahsia ini terbongkar, mereka mungkin menghadap tali gantungan atau dipenggal. Ngeri!;

Perpisahan yang Sedih

Akibat kekurangan makanan yang berkhasiat, kesihatan Frank semakin

uzur dan hanya tinggal nyawa-nyawa ikan. Kawan-kawannya berusaha menghibur dan berdoa bersamanya.

Hudson Southwell yang dikenali sebagai Tuan Supa menulis dalam diarinya, “Kesihatan Frank Davidson kurang baik, dan pada tahun 1944, makanan semakin kurang dan kami tidak menerima sebarang protein, keadaannya semakin merosot. Pemasak di kem berusaha menyiapkan makanan yang berkhasiat dan boleh dicerna, tetapi bekalan sungguh terbatas. Pada suatu hari, dengan ajaib kami dapat meminta pertolongan daripada mereka yang di luar pagar kami, dan mendapat banyak telur baginya, dan dalam usaha untuk mendapat khasiat yang tertinggi, Frank berusaha menelan sebiji telur mentah-mentah.

Saya bersahabat dengan seorang pegawai perubatan Jepun, Dr. Yamamoto, dan meminta dia untuk memeriksa Frank. Dia memeriksa Frank dan dengan suara yang nyaring memberi jawapannya. “Hati,” dia memeriksa lagi dan berseru, “Hati,” sambil menyebut abjad secara bulat-bulat. Seorang pegawai latihan mengesyor sejenis ubat bagi hatinya yang bengkak, dan saya meminta Dr. Yamamoto untuk mendapatkannya bagi kami. Dia sempat mendapatnya dan memberi suntikan kepada Frank tetapi sudah terlambat.

Perut Frank semakin kembung, tetapi dia suka tinggal di berek daripada ke hospital kem. Keadaan di sana juga tidak sebaik di sini, dan di sana dia tidak ada sahabat handai. Frank membaca Alkitab dan berusaha membacanya dua kali pada akhir 1944 hingga awal 1945.

Pada akhir April 27hb. kami menyedari bahawa ajalnya sudah menjelang, dan pada malam itu saya pergi melawat Frank bersama dengan Brian yang merawatnya dengan teliti dan setia menjelang minggu-minggu akhirnya. Malam itu kelam pekat, tiada sinaran bulan, mahupun lampu.

Sekitar pukul sembilan Frank berbisik dengan suara yang serak, “Saya haus.” Jadi, aku mencari sebotol air dan sebuah gelas, dan memberi kepadanya.

“Daripada kawan karib lama,” katanya dengan berterima kasih.

“Sejenak kemudian, dia berkata, “Saya mahu pergi.” Inilah kata-kata terakhirnya sebelum dia menghadap ke hadirat Tuhan yang dikasihinya.”⁶

Alan dan Asang merasa sayu sewaktu menggali kubur bagi Frank sehari selepas dia meninggal dunia. Menurut Asang, pada waktu kematiannya, “Tubuh yang tiada bermayanya terlentang di tikar hanya tinggal tulang dan kulit.” Hal ini sungguh menyayat hati Asang. Pasti kalau Enid Davidson, isteri Frank berada di sini untuk melihat susuk tubuhnya, dia pasti tersungkur dalam kesedihan. Enid berada di Australia untuk melahirkan anaknya.

Semua mubaligh datang untuk memberi penghormatan terakhir kepadanya. Dengan suara yang sedih mereka membaca Yohanes 14 dan 1 Korintus 15 sebelum meletakkan jenazahnya. “Janganlah gelisah hatimu; percayalah kepada Tuhan, percayalah juga kepada-Ku. Di rumah Bapa-Ku banyak tempat tinggal. Jika tidak demikian, tentu Aku mengatakannya kepadamu. Sebab Aku pergi ke situ untuk menyediakan tempat bagimu...” (Yohanes 14).

Asang merasa terhibur ketika mereka membaca, “Sebab jika benar orang mati tidak dibangkitkan, maka Kristus juga tidak dibangkitkan” (1 Korintus 15:16). Suatu hari nanti ada kebangkitan bagi semua yang mati dalam Kristus. Tangisan dan perpisahan hanya buat sementara.

Asang dan Alan juga menggali kubur bagi Gus Youngberg, ketua Gereja Seventh Day Adventist. Kepiluan mencengkam perasaan mereka ketika mereka menguburnya namun hati mereka lega kerana kini mereka bersama Tuhan Yesus, tiada seksaan dan tangisan lagi.

Di antara semua Kolonel yang terbaik ialah Kolonel Suga, yang lain menurut Asang seperti harimau garang. Asang memanggil seorang pegawai Jepun yang bengis binatang. Banduan-banduan diperlakukannya dengan kasar tanpa peri kemanusiaan.

Kolonel Suga Yang Baik

Kolonel Suga memanggil kanak-kanak ke pejabatnya seminggu sekali dan memberi mereka gula-gula. Kadangkala kanak-kanak agak nakal dan tidak sopan terhadap Kolonel Suga tetapi oleh kerana Bahasa Inggerisnya kurang fasih, dia tidak tahu apa yang dikatakan oleh mereka.

Pada suatu hari suasana kem tiba-tiba menjadi tegang dan perasaan takut menyelubungi semua.

“Dengar, dengar, kita akan dipindah ke kem lain,” bisik seorang banduan kepada kawan-kawannya.

“Ya, kalau tidak salah kita akan dipindahkan ke batu 42,” kata seorang banduan.

“Tapi saya dengar kita akan melalui Jalan Serian,” kata seorang lagi.

Sunyi senyap menyusul dan desas desus tiba-tiba lenyap apabila seorang pegawai masuk ke dalam kem.

“Kalian semua akan disoal, bersiap sedia segera,” kata pegawai itu dengan tegas.

“Segera beratur!”

Asang tertanya-tanya, “Apakah niat mereka yang selanjutnya?”

Hati Asang berdebar-debar apabila dia dipanggil menghadap pihak Jepun.

“Asang, adakah kamu sihat-sihat selama ini? Ada batukkah? Pernah deman tinggikah?” tanya pegawai itu.

“Saya sihat-sihat tuan,” jawab Asang yang tertanya-tanya kenapa mereka tiba-tiba mengambil berat tentang kesihatan mereka.

Setelah sesi tanya jawab, semua banduan mencungkil akal untuk meneka apakah niat pegawai Jepun.

“Jangan-jangan kita akan dipupuskan dari permukaan bumi!”

Sinaran mentari pengharapan memandikan kem apabila mereka dihujani beribu risalah pada Ogos 1945.

“Kalian tidak diizinkan memugut risalah!” bentak seorang

pegawai dengan suara yang bengis.

Sehubungan pegawai-pegawai Jepun lain sedang sibuk menyembunyikan diri daripada pesawat tentera bersekutu; banduan-banduan tidak menghiraukan amaran lagi. Apabila Asang dan kawan-kawannya memugut risalah itu, mereka akan bersembunyi di suatu sudut khemah lalu membacanya. Hati mereka melonjak kegembiraan kerana ini bererti pengakhiran pertahanan yang gelap dan pematahan kuk penderitaan.

“Kepada semua banduan Negara-Negara Bersekutu di Borneo British daripada Perintah Divisi Kesembilan Australia. Akhirnya, Tentera Bersekutu telah mengalahkan pihak Jepun. Negara Jepun sudah menyerah tanpa bersyarat, dan Maharaja Jepun mewakili pihak Jepun sudah menyerah. Bersoraklah. Perlu diingat kalian berada di tempat yang agak sulit dijangkau, kami tidak dapat menolong kalian dengan segera. Kami menjamin kalian kami akan menggunakan segenap kuasa untuk membebaskan kalian dan memberi perhatian kepada kalian semua dengan segera.” Yang ikhlas, G.F. Wotten, Ketua Jeneral.

Awan gelap yang meragukan masih menutupi sinaran hari-hari berikutnya kerana mereka tidak tahu apakah askar-askar Jepun akan menyerang sebelum mengalah.

“Bilakah pihak Australia akan datang menyelamatkan kita?” tanya mereka kepada sesama.

“Kita lebih baik tidak memberontak dan mengerjakan tugas seperti biasa,” kata salah seorang penghuni kem yang berwaspada.

Risalah-risalah yang membawa berita gembira itu tetap tersimpan di hati setiap banduan. Pengharapan semakin cerah dalam sanubari mereka. Nyanyian lagu berkumandang dalam hati mereka, “Hari beredar, mentari muncul dari langit, dari bukit bukau, dari Barat. Semuanya sejahtera, selamat berteduh, Tuhan sudah dekat.” Pelangi dan mentari pengharapan muncul lagi apabila Kolonel Suga mengumpulkan wanita-wanita dalam sebuah tempat tinggal askar yang juga digunakan oleh para biarawati untuk beribadat lalu mem-

beritahu mereka bahawa khabar dalam risalah yang dibaca mereka memang benar.

“Tetapi, kalian perlu bertenang kerana pegawai-pegawai Jepun lain yang marah mungkin akan bertindak keras atau mengamuk,” bisik Kolonel Suga.

“Saya akan berusaha melindungi kalian. Tenanglah dan jangan takut,” bisik Kolonel Suga.

Suasana kem menjadi seram apabila tersebar khabar bahawa pegawai-pegawai Jepun memang mahu menghapuskan mereka semua. Seorang askar Jepun telah terjumpa sepucuk surat yang memberi perintah agar mereka dipindahkan pada 17hb Ogos. Kegelisahan dan kengerian dibunuh beramai-ramai menyelubungi seluruh kem. Biasanya banduan-banduan akan disuruh membuat perbarisan dan kemudian berarak ke tempat pembunuhan bagai domba-domba yang dibawa ke tempat pembantaian! Anak-anak kecil dan wanita-wanita pula akan ditinggalkan dalam kem dan kemudian dibakar hidup-hidup!

Adakah pelayanan Asang hanya sampai takat ini sahaja? Sungguhkah panggilan pergilah ke Timur bagi Asang berakhir di sini sahaja? Di tempat pembantaian? Inikah masa depan orang Dusun dalam kerajaan Tuhan? “Kenapa Tuhan Tuaian mengutus Asang untuk menemui ajal begitu cepat?”

Asang dan kawan-kawannya berdoa bagi hari pembebasan dan penyelamatan para banduan. “Percayalah kepada-Nya setiap waktu, hai umat, curahkanlah isi hatimu di hadapan-Nya; Tuhan ialah tempat perlindungan kita. Sela” (Mazmur 62:9). “Ya Tuhan, dengarlah suaraku pada waktu aku mengaduh, jagalah nyawaku terhadap musuh yang dahsyat” (Mazmur 64:2)

Pada suatu hari wajah Kolonel Suga kelihatan muram dan kelopak matanya berlinangan airmata. Asang dan kawan-kawannya kemudian menerima berita bahawa anak-anaknya dan seluruh keluarganya terkorban sewaktu bom digugurkan ke atas kota Hiroshima. Hatinya berkecaian, isterinya yang cantik Tern sudah pergi tanpa

memberi dakapan terakhir.

Banduan-banduan di kem turut merasa simpati dengan Kolonel Suga kerana mereka tahu Kolonel Suga banyak kali telah melindungi mereka daripada bahaya. Tanpa perlindungannya, mereka mungkin diperlakukan dengan kasar oleh pegawai-pegawai muda yang bengis.

Penaklukan Jepun atas Malaysia merupakan tiga setengah tahun kengerian bagi bangsa-bangsa di Malaysia. Rakyat dipukul kerana tidak menurut atau menunduk kepada tentera-tentera Jepun, seringkali mereka yang dituduh akan dipenggal di depan orang ramai. Laungan “Asia untuk Asia” ternyata sebaliknya dan ekonomi Malaysia merosot dan kemiskinan menyeksa penduduk. Goncangan ekonomi bertambah teruk apabila pihak Jepun mencetak banyak ‘wang pisang’ yang tidak berguna.



*Gambar pengasas BEM pada tahun 1928, dari kiri ke kanan
Frank Davidson, Carey Tolley dan Hudson Southwell*

BAB 7 BINTANG PAGI MUNCUL



“**Y**a Tuhan, bersegeralah melepaskan aku, menolong aku, ya TUHAN!” (Mazmur 70:1) Pertolongan daripada tentera Negara Bersekutu datang bagai bintang pagi yang bersinaran terang setelah Asang dan kawan-kawannya melalui malam yang kelam pekat. Selama tiga setengah tahun, Asang tinggal di kem dalam serba kekurangan, makan sago dan berpakaian cawat. Asang dan kawan-kawannya dipindahkan ke Labuan dan mereka tinggal dalam tempat tinggal askar yang kosong selama dua minggu. Setelah itu mereka diberikan pakaian dan seluar yang sederhana.

Asang menduga mulai dari sekarang dia bebas untuk melayani di Borneo, namun perintah datang daripada pihak atasan agar mereka dihantar pulang.

“Kalian akan dihantar pulang ke Britain terlebih dahulu tetapi kalian semua akan kembali lagi,” kata seorang pegawai atasan.

Ketika Asang meninggalkan Borneo ke Britain, dia sangat kurus. Persediaan makanan sewaktu mereka pulang ialah sekeping coklat dan dua tin bir setiap hari. Asang tidak memerlukan bir, jadi

dia bertukarnya dengan coklat seorang kawan dan mendapat dua keping coklat satu hari. Kawannya ada dua tin bir sehari.

Ketibaan para tahanan telah diberikan sambutan tentera di Southampton pada November 1945.

Panggilan dan visi syurgawi untuk menjangkau orang-orang Dusun tidak pernah meninggalkan Asang. Seksaan pada waktu di kem Jepun tidak merobohkan iman mahupun menghakis panggilannya. Asang tidak pernah menyesali keputusan mentaati Tuhan ke Borneo. Setiba di Southampton malahan Asang tidak merasa lega sudah tiba ke tanahair sendiri dan tidak lagi di Borneo. Malahan Asang bertekad segera kembali ke Borneo untuk orang Dusun setelah dia menguruskan beberapa hal di negaranya. Asang dengan teliti menyimpan segala dokumen yang diberikan kepadanya sewaktu dia berada di Labuan agar boleh kembali ke Borneo.

Asang tetap memiliki hati seorang gembala sewaktu dia berada di England untuk berehat. Dia menghibur satu keluarga di Ashby Scunthorpe yang kehilangan anak mereka sewaktu di kem tahanan Jepun. Kemalangan terjadi menjelang akhir tahanannya. Pada suatu hari dia telah keluar dari kem dan tanpa disedarinya pesawat bersekutu sedang menjatuhkan sebakul besar bekalan keperluan. Kepalanya terhempas bakul besar ini lalu dia meninggal.

Asang meluangkan waktu beristirahat di rumahnya untuk memulihkan kekuatannya. Trauma kem tahanan semakin lenyap daripada jiwanya. Dia berjalan-jalan di kampungnya yang berjuntai gugusan strawberi. Gunung-gantang yang menjulang agung memberi dia ketenangan bahawa Tuhan kubu pertahanan dan gunung batu-Nya (Mazmur 71:3). Waktu ini juga Tuhan banyak memulihkan kekuatan dan kerohanian Asang untuk menempuh pelayaran yang selanjutnya di kalangan orang Dusun.

“Pelayaran ke Borneo jauh lebih selesa daripada meniaki kapal “Le Providence.” Kapal “Monark Bermuda” merupakan kapal mewah yang membawa penumpang kaya-kaya. Walau bagaimanapun menurut anak kapal, Monarch adalah satu-satunya kapal yang

menghidang telur untuk sarapan bagi penumpang-penumpang kelas pertama pada waktu perang,”⁸

“Tuhan, peliharalah jemaah Dusun yang sudah saya tinggalkan selama empat tahun. Ketika aku masuk ke kem tahanan mereka masih bayi iman. Apakah yang terjadi kepada mereka,” seru Asang sambil berdoa bagi orang Dusun.

Perjalanannya ke Borneo menghadapi sedikit halangan ketika pegawai-pegawai di Singapura tidak mengizinkan dia ke Jesselton dengan segera. Asang tinggal bersama dengan saudara-saudara seiman Skotland. Asang gembira bertemu lagi dengan Stafford Young pada waktu ini.

“Apa khabar Stafford? Banyak perkembangan dalam hidupmu?” tanya Asang dengan ceria.

“Saya sudah beristeri dan kami ada satu anak. Saya tetap bergiat dengan BEM di Australia,” kata Stafford.

Kemudian Asang bertolak dalam kapal pada hari berikutnya. Perasaan gelisah sering melandainya kerana sekian lama dia tidak menginjak kaki ke Borneo Utara. Kos perjalanan antara Singapura dan Jesselton dibayar oleh Kerajaan Borneo Utara. Stafford berterbang ke Sabah dan menitip beg-begnya untuk dibawa oleh Asang di kapal.

Setiba mereka di Sabah, mereka tidak sabar-sabar ke Ranau kerana mendengar khabar angin bahawa bangunan mereka di Puru-Puru sudah dibinasakan oleh tentera Jepun.

“Memang aku menduga bangunan ini hanya tertinggal puing-puing sahaja,” kata Stafford.

“Dengar-dengar pihak Jepun telah menggunakan mesin senapang untuk merobohkan bangunan kita,” kata Asang seraya menghela nafas panjang.

Semua bahan binaan yang boleh digunakan telah diambil oleh kerajaan Jepun untuk bangunan mereka sendiri. Bangunan yang telah dibangunkan oleh mereka dibinasa pada Julai 1946. Pihak Jepun telah mengambil semua makanan, ubat-ubatan dan peralatan mereka ke Keningau. Perdagangan Cina telah mengambil

buku-buku mereka dan mengoyaknya untuk membalut tembakau dan cerut.

Yang tertinggal bagi mereka hanya bebunga tulips yang bergoyang-goyang di pagar.

“Asang! Asang,” teriak kawan-kawannya yang begitu gembira berjumpa Asang.

“Sudah lama saya tertanya-tanya apa yang terjadi kepada kalian,” kata kawan-kawannya dengan perasaan bersyukur kerana mereka masih hidup.

Tuai-tuai rumah Kabindong bersalaman dengan Asang dan seperti dulu mereka berbual akrab di kedai kopi.

“Banyak Dusun akan meninggalkan dunia kalau perang itu berlanjutan setahun lagi, separuh daripada kami akan meninggalkan dunia kerana kebuluran,” kata mereka dengan wajah pilu ketika mengimbas penderitaan di bawah tangan Jepun.

Cerita mereka bertambah seram ketika mereka menceritakan tentang perarakan ke tempat maut dan pembunuhan yang beramai-ramai. Bulu roma mereka berdiri lagi sewaktu mereka mengenangi peristiwa-peristiwa kejam itu. Banyak askar Australia terkorban pada perarakan ramai-ramai.

Dua orang Australia tiba di ambang pintu kedai kopi lalu bersalaman dengan semua orang. Mereka mewakili Komisi Perkuburan Perang yang sedang mengadakan upacara penghormatan terakhir bagi mereka yang terkorban sewaktu perang khususnya mereka yang kehilangan nyawa semasa perarakan dari Sandakan ke Ranau. Seribu dua ratus orang terlibat dalam perarakan ini dan hanya enam orang hidup. Asang menolong Komisi ini untuk mencari orang Dusun yang akan dihargai atas pertolongan mereka kepada orang Australia pada waktu perarakan ini.

Asang menulis surat kepada ibundanya yang tersayang dan menceritakan keadaan orang Dusun selepas perang. Ibundanya di Draycott dengan penuh semangat berdoa bagi orang Dusun dan Asang.

Asang merasa penginjilan harus segera dimulakan di kalangan orang Dusun. Segera mereka mencari tempat tinggal sementara, dan menemukan sebuah rumah buluh yang digunakan oleh orang Jepun. Rumah buluh ini ditawarkan sebagai tempat tinggal sementara bagi mereka. Dua misionari ini melihat bahawa landasan kapalterbang di Ranau masih boleh digunakan. Mereka meluangkan masa untuk memperbaiki landasan yang dibina oleh orang Jepun dan dibom kemudian.

Kesihatan Stafford semakin merosot dan untuk menetap di Borneo Utara terlalu mencabar bagi dirinya. Stafford berfikir bagaimana dia boleh melayani BEM untuk lebih banyak tahun. Akhirnya, dia berkeputusan kembali ke Australia dan dari sana dia akan memperkenalkan misi BEM kepada gereja-gereja New Zealand, Australia dan Negara Britain supaya mendapat lebih banyak sokongan.

Kini Asang bersendirian di Borneo Utara. Tidak lama kemudian, Asang menerima sepucuk surat daripada Hudson Southwell untuk melayani di Sarawak. Hudson Southwell kedengaran tegas, “Ini satu arahan.” Asang enggan mengikut arahan manusia kalau ia bukan daripada Tuhan. Asang berlutut dan berdoa akan hal ini; Tuhan terus meyakinkan hatinya akan keperluan orang Dusun di Ranau dan kampung sekitarnya.

Jelas, panggilannya tetap di Borneo Utara. Dengan segera dia membalas surat Hudson dengan menjelaskan bahawa dia tidak pernah berniat melayani di tempat lain sekalipun pekerjaan di sini sangat lemah. Justru keadaan ladang penginjilan seperti ini memerlukan perhatian dan tenaganya.

Kini, Bahasa Dusun Asang sudah mantap setelah belajar daripada seorang sarjana di kem tahanan, dan pengalaman yang dilaluinya memberi dia lebih banyak kegigihan iman. Asang hanya melayang pengharapannya kepada Tuhan bagi masa depan orang Dusun kerana hanya Tuhan dapat melangkah membangun gereja-Nya. “Dengarkanlah kiranya seruanku, ya Tuhan, perhatikanlah doaku!” (Mazmur 61:2).

BAB 8 BERMULALAH SEGALA YANG INDAH



Kini Stafford telah pergi dan Asang memerlukan pertolongan kerana dia tak dapat mengendalikan semua pelayanan sendiri. Dia teringat Kentuni, pemasaknya yang setia dan sangat tulus yang dikenalnya sebelum perang Jepun.

“Saya mesti mencari dia untuk bekerja bersama-sama saya lagi,” fikir Asang.

Asang tertawa apabila mengenangi Kentuni yang sungguh jujur itu. Pada suatu ketika, pusat penginjalan Asang di Ranau selalu melimpah dengan daging babi dan buah-buahan. Ibu Alan Belcher

telah menyumbang sebuah kotak yang boleh mengawetkan makanan mereka. Kentuni menolong mereka mengawetkan makanan tetapi tidak sentuh sedikit pun kerana sifatnya sangat jujur.

“Pasti semua daging babi itu menjadi makanan orang Jepun...” fikir Asang sambil bersenyum.

“Esok pagi saya mesti pergi ke kampung Nampasan untuk mencari Kentuni, lagipula saya mesti memberi pakaian-pakaian lama yang diderma oleh orang kepada penduduk kampung,” bisik Asang sambil merancang.

Keputusan ke kampung Nampasan merupakan mukjizat kerana langkah ini mengukuhkan kenyataan bahawa Tuhan Maha Tahu. Kentuni sudah membuat satu meterai bersama Tuhan. Meterai apakah yang dibuat dirinya?

Mimpi penting bagi orang Dusun dan boleh menjadi petanda musibah atau berkat. Kadangkala mimpi boleh menyebabkan satu aktiviti dibatal atau diubah ke tempat lain kerana mereka mempercayai makhluk-makhluk atau penghuni-penghuni tertentu tidak gembira. Kalau mereka mendengar burung mengontik sewaktu menabur segera mereka akan membatalkannya dan mencari tapak lain untuk semaian mereka.

Sewaktu Alan dan Asang berada dalam kem tahanan Jepun, Kentuni bermimpi buruk tentang mereka.

“Roh itu sangat marah akan awak, lebih baik awak bayar sengit (denda) agar kemarahan mereka reda supaya mereka berdua hidup,” rayu isteri Kentuni yang takut petanda buruk mimpi itu.

“Kita menanti saja dan melihat sama ada mereka kembali hidup-hidup,” kata Kentuni.

Hati Kentuni berbisik, seandainya mereka kembali hidup-hidup, dia akan percaya kepada Tuhan Yesus. Tanpa disangkanya, perkara yang diharapkan dimakbulkan Tuhan.

Perasaan terkejut bercampur baur kegembiraan luarbiasa melingkupi Kentuni apabila dia melihat Asang yang tinggi lampai masuk ke dalam kampungnya!

“Asang! Asang! Asang!” panggil Kentuni.

“Asang kelihatan kurus; jangan-jangan Alan sudah mati sewaktu di kem tahanan seperti yang dimimpikannya,” keluh Kentuni.

“Bagaimana pula dengan keadaan Alan?” tanya Kentuni dengan rasa takut.

“Alan selamat dan sihat walafiat,” kata Asang dengan ceria.

“Dia masih hidup? Kalau begitu, saya akan mempercayai Tuhan Yesus. Saya sudah berjanji kalau kalian kembali hidup, saya akan mempercayai-Nya,” kata Kentuni.

Asang mengajak Kentuni untuk berdoa menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamatnya. Kentuni menutup matanya dan berdoa seperti seorang anak kecil dengan penuh iman. “Tuhan Yesus, terima kasih kerana Engkau mengasihi saya dan telah mati bagi dosa saya di kayu salib. Ampuni saya atas segala dosaku dan sucikanlah aku. Saya meminta Engkau tinggal dalam hatiku sebagai Rajaku yang hidup. Terima kasih kerana sudi menerima aku sebagai anakmu.”

Kentuni menepati perjanjiannya dengan Tuhan. Segera, dia memberi hatinya kepada Tuhan. Tangan Tuhan yang ajaib telah menjamah kehidupan Kentuni sehingga dia menjadi rakan sekerja Asang. Selama tiga tahun, kedua-dua murid Tuhan Yesus ini mengelilingi kawasan Ranau, mengunjungi banyak kampung dan memberitakan berita baik. Seorang pemuda lain yang meninggalkan usaha ladangnya demi Injil ialah Kerangkas.

Penginjilan mereka yang terjauh ialah 23 batu dari Ranau, dan kampung yang paling jauh ialah Kampung Tarawas. Seringkali mereka ke Tarawas dalam tempoh satu hari namun kalau mereka bersinggah di kampung yang lain, perjalanannya mengambil dua hari. Biasanya mereka meluangkan tiga minggu dalam penginjilan dan satu minggu di rumah.

Asang takut orang Dusun akan berpaling ke agama lain apalagi kalau mereka hanya memeluk agama secara dangkal sahaja. Dia menginjili mereka lagi, dan ibadat penginjilan diadakan pada

awal Disember 1946. Benih yang ditanamkannya tidak sia-sia dan mereka sempat membaptis 23 orang. Anak-anak Tuhan yang baru percaya begitu berkorbar-korbar dan ingin membangun sebuah gereja lagi.

Pengalaman Kentuni

Kecamuk fikiran dan ketakutan membawa Kentuni berjumpa dengan Alan. Pada suatu hari Kentuni sungguh takut kerana di lantai padi bertaburan dan jejak-jejak anaknya ternampak. Fikirannya menjadi kusut kerana dia khuatir roh anaknya berjalan dan tanda sial akan menimpa keluarganya. Segalanya diceritakan kepada Alan kerana pada waktu itu Asang keluar melayani.

Riak wajahnya penuh kerisauan ketika dia menceritakan gejala yang menakutkan ini.

“Menurut adat kami, ketika kami tidur jiwa kami akan melayang-layang. Ini perkara biasa sewaktu kami tidur namun perkara ini akan merunsing jiwa jika ia meninggalkan jejak kaki. Saya baru saja kembali dari dangau padi kami dan di lantainya ada padi yang tertabur serta tapak-tapak kaki salah seorang anak saya. Mereka tidak pergi ke sana mungkin jiwa mereka melayang ke sana,” kata Kentuni dengan suara sedih.

“Jadi, apakah yang akan kamu lakukan,” tanya Alan yang berusaha menolong dia beristighfar kepada Tuhan.

Kentuni berkata menurut kepercayaan mereka, bobolian yang pandai menenangkan roh penganggu diupah. Kalau roh itu suka kari, maka kari ayam yang pedas perlu dihidangkan. Kadangkala biaya untuk menenangkan roh ini tidak murah. Sembelihan perlu diberikan beberapa kali kalau roh masih degil. Sehubungan itu, kalau bobolian berjaya memuaskan roh-roh ini, anak mereka tidak akan mati. Sekiranya syarat roh tidak dituruti maka di sinilah bermula segala jenis musibah menurut kepercayaan orang Dusun.

Peristiwa ini menjadi kesempatan bagi Alan Belcher untuk mencelikkan mata rohani Kentuni akan kuasa Tuhan. Dijelaskannya bahawa Tuhan Yesus yang bangkit dan hidup berkuasa atas segala roh yang jahat dan tidak akan menyentuh anak-anaknya. Kentuni bersetuju tidak bersandar kepada kuasa bobolian tetapi kepada kuasa kebangkitan Tuhan Yesus.

Walau bagaimana pun beberapa hari kemudian, Kentuni datang kepada Alan.

“Pastor Alan, seorang musuh telah menakut-nakutkan kami dengan menabur padi di lantai dan membuat jejak,” kata Kentuni.

“Dengan kuasa Tuhan Yesus yang bangkit, kita tidak takut akan roh-roh jahat,” kata Alan.

Peristiwa ini menguatkan iman Kentuni sehingga dia hanya percaya kepada kuasa Tuhan Yesus. Iman Kentuni yang semakin kuat mempengaruhi jemaah yang di bawah bimbingannya. Suatu petang seperti biasa Kentuni sedang bersiap sedia untuk kebaktian. Sekonyong-konyong, angin badai ganas meniup ke tempat mereka. Semua orang yang berada di sana untuk kebaktian berteriak dalam ketakutan.

“Mana-mana kita dapat menyembunyikan diri?” teriak dua orang yang belum percaya kepada Tuhan Yesus.

“Jangan takut semua, bertenanglah,” kata Kentuni yang penuh iman.

“Mari kita berdoa...Tuhan yang Maha Kuasa, kami mengucapkan syukur atas kuasa-Mu yang begitu besar. Engkau memerintah di atas semua dan kami hanya perlu menyerahkan semua kepada-Mu.”, Kentuni berdoa dengan berapi-api dan penuh keyakinan akan kuasa Raja atas segala raja yang mengenderai di atas badai.

Tiba-tiba angin badai itu reda, semua yang hadir sungguh tertakjub dengan mukjizat itu. Kentuni semakin beriman dan menjadi pemimpin yang melayani bersama-sama Asang. Bersama-sama dengan Asang dan pemimpin yang lain, mereka menjangkau kampung bagi Tuhan Yesus. Persahabatan dan persekutuan dalam iman terjalin

rapat antara Asang dan pemimpin-pemimpinnya.

Kentuni semakin tahu akan kuasa Tuhan yang luarbiasa, “...dalam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi dan yang ada di bawah bumi”(Filipi 2:10). Pelayanannya semakin dilakukannya dalam kuasa Tuhan yang sangat diperlukan untuk mengherdik roh jahat daripada penduduk yang terbelenggunya.

Pernah suatu kali, Kentuni berada dalam perjalanan pulang tetapi dibimbing Roh Kudus untuk menanggung kepulangannya. Seorang lelaki dari sebuah kampung lain datang mengundang Kentuni untuk menyampaikan firman hidup kepada kampungnya.

“Pastor, mereka sedang membangun gubuk padi bersama ketua kampung kami,” kata pemuda sambil menunding jari kepada segelintir pekerja.

“Saya Kentuni,” kata Kentuni sambil menghulur tangannya kepada ketua kampung.

Kentuni mulai ceritanya dengan suara menarik sehingga semua pekerja berhenti mendengarnya. Seorang lelaki yang berwajah masam dan bengis mulai menghina yang didengarnya. Ajaibnya, Roh Kudus sedang bekerja dalam hati pekerja-pekerja ini sehingga mereka tidak lelah mendengar walaupun sudah tiga jam Kentuni berkhotbah.

Setelah khutbahnya yang berapi-api, Kentuni dengan rendah hati berkata kepada semua pendengarnya, “Maafkan saya kerana mengganggu pekerjaan kalian.”

“O tidak, ini hal yang jauh lebih penting bagi kami,” ujar ketua kampung.

“Ya, kami mahu mendengar lagi,” kata seorang pekerja.

“Kalau begitu, pastor tinggal satu malam di sini,” kata ketua kampung.

Puji Tuhan, keinginannya untuk melihat penduduk di sini masuk ke dalam kerajaan Tuhan telah menyebabkan pastor ini menerima undangan itu. Sewaktu Kentuni berkhotbah pada sebelah

petang, tiba-tiba pinggangnya diserangi kesakitan tajam. Tiba-tiba, Kentuni teringat orang yang mencacinya sewaktu dia berkhotbah.

“Mungkinkah ini kutukan orang itu?” fikir Kentuni.

Segera Kentuni berdoa untuk perlindungan dan kuasa Tuhan atas dirinya. Keesokan pagi, Kentuni terdengar tangisan yang kuat.

“Semalam orang yang mencaci kamu itu, dia sakit tenat dan mungkin akan mati. Ketua kampung berada di sana sekarang,” kata pembawa khabar.

“Mari kita pergi berdoa untuk dia,” kata Kentuni.

Kentuni berdoa bersungguh-sungguh agar orang ini diberi waktu yang cukup untuk mendengar Injil. Tuhan mendengar doa Kentuni dan orang itu diberikan peluang mendengar tentang Kristus malahan dia sembuh. Ketua kampung dan yang lain juga ikut bertaubat dan menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat mereka.⁴

Kentuni semakin tahu akan kuasa Tuhan yang ajaib, “... dalam nama Yesus bertekuk lutut segala yang ada di langit dan yang ada di atas bumi dan yang ada di bawah bumi”(Filipi 2:10). Pelayanannya semakin dilakukan dalam kuasa Tuhan.

Seluruh Kampung Percaya

Mukjizat terjadi, Asang dan Kentuni begitu hairan dengan karya Roh Kudus yang bekerja terlebih dahulu di kampung-kampung ini. Sewaktu mereka berkhotbah di satu kampung selama beberapa hari, orang dari kampung berdekatan akan mengundang mereka ke kampung mereka. Mereka tidak perlu meminta izin ketua kampung untuk berkhotbah atau mencari tempat yang sesuai untuk berkhotbah kerana semua tersedia bagi mereka. Dengan secara alamiah, orang akan mengundang mereka ke suatu tempat untuk berkhotbah.

Hasil penginjilan begitu luarbiasa, selalu seluruh kampung

mempercayai Tuhan Yesus.

Suatu kelebihan Asang ialah mempercayakan murid-muridnya untuk melaksanakan penginjilan. Juga, mereka diberikan peluang menguruskan gereja. Injil merebak dengan cepat kerana mereka yang mengenal Tuhan terbeban membawa yang lain ke dalam Kerajaan Tuhan. Asang tidak ragu-ragu akan kesederhanaan para penginjil malahan kesederhanaan khutbah mereka dapat mengoncang kuasa gelap.

Lima penginjil Murut tinggal di kalangan orang Dusun di Ranau untuk menyertai Kentuni dalam pelayanan. Kesepian, halangan bahasa dan adat menyebabkan mereka mengundur dari ladang penginjilan ini. Dua pastor Murut terpaksa dihantar balik kerana mereka telah menembak badak sumbu sejenis binatang yang terlindung undang-undang.

Kerangkas kemudian masuk ke Sekolah Alkitab selama empat tahun untuk dilatih menjadi pastor. Sewaktu hampir tamat pengajian, dia memohon izin daripada Sekolah Alkitab untuk bercuti sebulan agar dia boleh bekerja sebagai koolie demi mencari duit agar keluarganya cukup pakaian. Ternyata, jalan kehidupan Kerangkas tidak mudah tetapi kasih Tuhan tetap menyertai dan membentuknya sehingga dia dipakai dengan luarbiasa. Setelah tamat pengajian, Kerangkas melayani dan bersama-sama yang lain mereka membentuk satu rombongan pengajar. Rombongan pengajar ini akan mendaki gunung dan mengharungi sungai untuk mencari jiwa dan membimbing mereka dalam firman Tuhan.

Pembinaan Pembangunan

Kini Asang dan Alan mesti menyelesaikan pembangunan bangunan yang begitu besar. Bangunan ini dicorakkan cukup besar sehingga dapat menampung mubaligh yang datang melayani di Borneo. Kalau mereka mempunyai cukup kewangan, mereka mengupah

orang tempatan untuk menolong mereka. Kayu balak dibekali oleh kampung di sekelilingnya di bawah pengawalan ketua suku, Kabingdon. Bahan-bahan lain yang digunakan ialah kayu bulat, buluh, rumbia dan rotan. Dinding bangunan boleh ditanggalkan untuk memudahkan penambahan ruangan kalau diperlukan.

Tuhan membimbing Kentuni pada awal 1950 untuk menetap sebagai pastor di Bongkud. Dari sini, Asang dan Kentuni menggunakannya sebagai pangkalan penginjilan kepada kampung-kampung yang berdekatan. Betapa indahnyanya, berita injil sampai kampung Narawang, Perancangan, Tekutan dan Nalumad. Selepas pekerjaan di Bongkud, Kentuni memusatkan pelayanan di Kingaran sedangkan Asang pergi ke Batu Sepuluh atau dikenal Taginambur di kawasan Kota Belud.

“Perbuatan-perbuatan-Nya yang ajaib dijadikan-Nya peringatan; TUHAN itu pengasih dan penyayang” (Mazmur 111:4) Kuasa penyembuhan Tuhan menyertai pelayanan Asang dan Kentuni dengan ajaib untuk meyakinkan para penduduk. Sewaktu Asang sedang mengembara dari Parad melalui Kundasang, dia bertemu dengan seorang wanita yang berada dalam perjalanan bersendirian.

“Tolong doakan tangan saya, Asang,” minta seorang wanita.

“Mengapakah awak tidak ke Ranau untuk mendapat perubatan?” tanya Asang.

“Tidak bergunalah, doakan saya,” kata perempuan itu.

“Ingat tak Asang, awak pernah berdoa untuk saya sewaktu saya sakit tiga tahun dahulu? Bisul saya hilang dengan segera pada hari keesokannya, Tuhan Yesus sungguh hidup!” jelas perempuan itu dengan bersemangat.

Segera, Asang teringat tiga tahun yang dahulu dia dan Kentuni pernah terserempak wanita itu. Pada waktu itu buah dadanya terjangkit bisul dan dia meminta Asang berdoa bagi penyembuhan. Asang berdoa dengan gentar agar bisul itu hilang dan tidak tahu apa hasilnya. Tanpa disedarinya, bisul itu hilang pada keesokannya tanpa diketahui Asang dan Kentuni.

Asang mengunjungi kampung-kampung dan menyampaikan kebenaran Injil dan asas-asas ajaran Tuhan Yesus. Dia hanya boleh berdoa agar Roh Kudus akan menolong mereka mengingat dan memelihara iman mereka kembali sehingga rombongan penginjil mereka kembali mengajar penduduk sini. Tanpa dugaan Asang, keajaiban sedang menunggu di depan.

Pelayanan Asang dalam kalangan penduduk yang menganut animisme mendatangkan peristiwa yang luar akal pemahaman.

“Selantai, Tuhan Yesus adalah jalan, kebenaran dan hidup. Dia satu-satunya Penyelamat dan hanya Dia boleh menghapuskan dosa kita,” jelas Asang.

“Tunggu, biar aku bertanya kepada roh-roh, adakah ajaran awak boleh diikuti dan benar,” kata bobolian Selantai di Kampung Gaut, Ranau sambil memejamkan matanya.

Di luar dugaan Asang, roh itu berkata ajaran Asang memang benar dan Selantai boleh mengikutnya! Semua pengikut bobolian ini mendengar kata-kata ini dengan rasa hairan dan mempercayai kata-kata itu.

Penderitaan Asang

Asang mengalami sedikit daripada pengalaman Ayub pada Disember 1946. Penderitaan datang bertubi-tubi dalam kehidupan dan dia bagai jatuh dari tangga ditimpa tangga. Kesihatannya mulai merosot. Pada permulaan Disember 1946, dia dijangkiti cacing kerawit dan deman kepialu. Asang telah menderita deman kepialu beberapa kali dan telah dimasukkan ke hospital di Jesselton. Penyakit ini pertama kali menjangkiti dia di kem tahanan pada tahun 1942. Setiap kali Asang diserangi penyakit kepialu, dia menderita selama sebelas hari. Bala dan mara bahaya datang namun iman Asang tak pernah bergoyah ataupun surut.

Asang seperti Ayub menerima satu tamparan lagi pada

Januari 1947 setelah dia berkhotbah di Kinirasan. Setelah itu, seperti biasa, Asang bersantai dan membeli sayur-sayuran di tamu (pasar) Ranau.

“Sudahkah awak mendapat berita itu?” tanya seorang pegawai kerajaan.

“Berita apa ya?” tanya Asang sambil mengarut kepala.

“Rumah awak sudah terjilat api semalam!” kata pegawai kerajaan itu.

Asang berlari pantas ke rumahnya. Setiba di tapak, perasaan Asang berkecaian kerana segala miliknya menjadi abu kecuali beberapa tiang kayu keras yang masih sedang membakar. Dia membisu seribu bahasa kerana ini sudah kali kedua bencana seperti ini terjadi kepada dirinya.

Dia mengenangi pertama kali dia sedang memindah barangannya dari Jesselton ke Ranau, dia menyimpan barangannya di sulap atau pondok bendang padi basah yang dimiliki kawannya, Oding. Sulap itu terbakar sewaktu Oding sedang tidur di dalam, kawannya sempat melepaskan diri. Semua milik Asang yang berharga menjadi abu. Kini, wang yang disimpan dalam peti juga hilang.

Puji Tuhan, sepertiga daripada barangnya terselamat pada kali kedua. Asang bertanya tentang bagaimana dan apa yang terjadi sewaktu api itu menjilat rumahnya.

“Budak (buta) yang tinggal bersama saya, tiba-tiba menjerit api! Api! pada tengah malam. Kami semua berlari-lari dengan cemas ke rumah awak,” jelas tua rumah Kabindong.

“Lepas tu?” tanya Asang.

“Kami nampak Gulahong sedang menangis tersedu-sedu dan berteriak-teriak... Madiki yang seharusnya tidur serumah dengannya telah balik ke rumahnya,” jelas Kabindong.

“Mungkinkah api itu bermula dari dapur?” kata Asang sambil matanya meleret di sekeliling untuk Gulahong, pemasaknya.

“Tidak, apinya bermula dari sayap bumbung buluh,” jelas Kabindong.

“Siapa yang menolong saya mengeluarkan semua barang ini?” tanya Asang sambil melihat Kabindong.

“Kamilah! Saya dan Kabindong segera masuk ke dalam lalu melemparkan semua barang ini dari jendela...” kata Kabindong dengan nyaring.

“Bahayanya,” kata Asang.

“Apabila api menjilat dan berkepul-kepul, kami berlari untuk nyawa kami,” jelas Kabindong.

Walaupun sepertiga barang Asang diselamatkan, yang terpenting iaitu paspot dan buku kesihatannya hilang. Perasaan Asang bergelodak, dia mendongak ke langit dalam doa kepada Tuhan. Semua kegelisahannya diserahkan kepada Tuhan yang dikasihinya. Sebelum Asang memejam mata yang lelah untuk tidur, dia berdoa lagi kepada Tuhan Yesus.

“Wang saya dalam tandas,”mulut Asang berkumat-kamit sewaktu tidur kerana Tuhan memberi dia satu mimpi.

“Pasti ini petunjuk Tuhan Yesus...biar saya ke tandas, pasti kotak wang saya di sana,” kata Asang sewaktu bangun pagi.

Asang bergegas ke tandas dan menyuluh ke dalam.

“O Tuhan, itu pun kotak wang dan paspot saya!” kata Asang.

Asang meminta pertolongan polis yang menghantar beberapa banduan untuk menolong Asang mengeluarkan kotak itu. Puji Tuhan, sewaktu Asang membuka kotak itu, paspotnya ada di dalam dan juga buku kesihatan antarabangsanya. RM167 ringgitnya sudah lenyap. Siapakah pencurinya?

“Asang, satu dompet dijumpa di sampah...adakah ini dompet kamu,” tanya seorang banduan yang terjumpa dompet dalam timbunan sampah sarap.

Ya, ya itu memang dompet saya!” kata Asang dengan riang.

Sewaktu Asang membuka dompet itu, dalamnya kosong. “Agak siapa pencuri wang saya,” Asang tertanya-tanya.

Akhirnya, Gulahong yang tercengkam rasa bersalah mengakui dia yang mencuri wangnya. Kawan-kawannya berkata Gulahong sungguh murah hati pada Tahun Baru Cina kepada kawan-kawannya.

“Saya yang mencuri wangnya tetapi bukan saya yang membakar rumah awak. Tolong maafkan saya Asang,” kata Gulahong dengan takut.

Segala sesuatu terjadi demi kebaikan menurut rancangan-Nya yang terindah. Kontrak untuk membina sebuah rumah baru segera diperoleh. Wah, atas berkat Tuhan, Asang mendapat izin untuk membangun di atas tanah yang berukuran dua belas setengah ekar. Sewaktu rumah barunya dibina, Asang menghadiri persidangan misionari di Lawas pada tahun 1947.

“Serahkanlah khatirmu kepada TUHAN, maka Dia akan memelihara engkau! Tidak untuk selama-lamanya dibiarkan-Nya orang benar itu goyah” (Mazmur 55:23).

Terserempak Ular Hitam

Adapun ular khususnya ular sawah ialah makanan istimewa penduduk tempatan di sini. Ketika Asang dan kuli-kulinya berada dalam perjalanan pulang ke kampung, mereka terserempak dengan ular tedung hitam yang berdesis dan sungguh berbahaya.

“Tepi...sungguh beracun,” jerit Asang yang ternampak seekor ular tedung yang mengembangkan tudungnya dan bersiap sedia untuk menyerang mangsanya.

Asang melangkah dengan hati-hati lalu menghendap tepat dengan tongkatnya; ular berdesis itu tidak bermaya.

“Berkat...kita ada makanan enak hari ini,” teriak seorang kuli sambil menggulung ular itu dan mengikatnya pada dahan.

“Hati-hati, di sini mungkin ada lebih banyak ular tedung,” Asang memberi amaran kepada para kulinya.

Beberapa minit kemudian beberapa ular menjalar dan

berdesis untuk menakutkan mereka lagi.

“Tepi, tepi, sangat dekat,” Asang sambil bersiap-siap untuk satu hendapan lagi.

Segera semua kulinya berdiri diam seakan-akan tulang temulang mereka membeku dan debaran jantung semakin kencang.

Dengan tongkatnya lagi, Asang mematkan ular itu lalu mereka mengikatnya pada dahan pokok agar anjing tidak memakannya. Mereka akan kembali mengambilnya untuk dimasak sewaktu kembali ...ular yang dirempahi gaya Dusun sungguh sedap. Asang sudah biasa terserempak dengan hidupan liar di hutan dan gerakan haiwan seperti ular tedung.

Gerakan Tangan Tuhan

Surat untuk pendukung Asang tiba di England. Pendukung Asang terharu dengan tangan Tuhan di Borneo. Karya Tuhan sungguh ajaib di Borneo, Asang telah membaptis sembilan puluh dua orang dalam tempoh kurang daripada enam bulan. Berbanding dengan gereja-gereja di England, ini adalah pertumbuhan gereja yang meledak, suatu fenomena yang patut kita catatkan. Dalam suratnya, Asang menulis, “Dari 198 hari, 27 harinya di Jesselton, 64 hari di Ranau, 16 hari di Lawas dan 91 hari dalam perjalanan. Acapkali dalam tempoh satu bulan, saya meluangkan dua hari berturut-turut di satu tempat.”

Tangan Tuhan sungguh ajaib, pada waktu ini hampir 92 orang dibaptiskan dan banyak lagi sedang menunggu kepulangan Asang untuk dibaptiskan. Asang dan para pengikutnya akan berjalan antara 2 hingga 15 batu dalam sehari untuk penginjilannya, dan beberapa kali, mereka berjalan 48 jam.

Ketika Grace membaca surat Asang, hatinya penuh dengan ucapan syukur bagi anaknya. Kaki Trevor yang suka berjalan-jalan dan memanjat pokok untuk mengambil telur burung sewaktu

kecil kini berjalan di pedalaman Borneo untuk mencari jiwa. Ajaib sungguh, anaknya yang suka berterjunan di sungai di Draycott kini mengharungi sungai di Borneo.

“Borneo...Asang,” bisik ibu Asang setelah membaca surat Asang, hatinya terharu.

“Bilakah aku ke sana ya Tuhan?” fikir ibunda Asang sambil menunduk dalam doa.

Rumah Baru

Rumah Asang yang baru sudah siap dibina dalam tempoh enam bulan. Segala sesuatu diatur bagi Asang dengan indah kerana pada waktu itu kerajaan menyuruh dia berpindah dari rumah kerajaan kerana mereka takut dicam sebagai mendukung pelayanan Asang.

Bulan Mei, Asang mengatur semua barangnya, membina reban ayam, membuat tandas dan menyiapkan peralatan untuk menanam sayur-mayur.

Asang kemudian membina sebuah rumah lebih besar untuk menyambut lebih banyak orang yang perlu tumpangan di Ranau khususnya mereka yang memerlukan perubatan atau mereka mengunjung tamu, hari pasar. Pegawai Daerah akan membagi gaji pada hari tamu, 26 haribulan kepada semua pekerja seperti guru-guru, polis-polis, ketua-ketua daerah, tuai-tuai rumah. Jadi mereka datang ke Ranau untuk gaji mereka.

“Asang, kenapa rumah ini dalam bentuk L?” tanya seorang tetamu.

“Pada bulan Julai dan Ogos, angin kencang meniup dan bentuk ini paling baik dan selamat,” jelas Asang yang arif dalam pertukangan.

“Wah, pastor Asang, dari mana awak belajar semua ini?” tanya mereka sewaktu bersembang-sembang.

Tetamu-tetamu yang tinggal di rumah L ini juga didedahkan

kepada sistem tandas baru yang lebih bersih.

“Kami tidak mahu ikut imam-imam Indonesia itu; mereka meminta kami memberi kerbau dan gong-gong demi menghapuskan dosa kami,” kata tetamu-tetamu kepada Asang.

“Perbezaannya sangat besar...Tuhan Yesus tidak meminta apa-apa daripada kalian bahkan Dia memberi nyawa-Nya demi dosa kita. Usahlah, berikan banyak babi atau kerbau,” jelas Asang kepada mereka yang lebih terbuka selepas mengalami kekecewaan dengan agama lain.

“Bayangkan...Tuhan Yesus memberi nyawanya! Sebaliknya bobolian mereka terus menyuruh kami memberi babi untuk menyenangkan hati roh jahat,” kata seorang pemuda.

“Ya, dompet kita semua sudah berlubang,” kata wanita yang lain dan semua orang ketawa.

“Kerana begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup kekal. Tuhan Yesus ialah Domba Tuhan yang disembelih untuk dosa kita,” jelas Asang dengan lemah lembut dari Injil Yohanes.

Untuk mereka yang ingin mengetahui kebenaran firman Tuhan, Asang meluangkan banyak waktu mengajar mereka. Asang akan menabur dan berdoa agar benih-benih yang ditaburinya akan berbuah lebat. Asang setia menabur Injil dan berpegang teguh pada firman Tuhan, “Dan kalau Dia datang, Dia akan menginsafkan dunia akan dosa, kebenaran dan penghakiman” (Yohanes `6:8).



Ketuni, Asang dan Kerangkas melayani bersama-sama sebagai pelopor-pelopor dari muda hingga lanjut usia.

BAB 9

AIR DARI SYURGA



“**R**oh dan pengantin perempuan itu berkata: “Marilah!” Dan barangsiapa yang mendengarnya, hendaklah dia berkata: “Marilah!” Dan barangsiapa yang haus, hendaklah dia datang, dan barangsiapa yang mahu, hendaklah dia mengambil air kehidupan dengan cuma-cuma!” (Wahyu 22:17). Kenyataan kebenaran ini terjadi kepada seorang bobolian yang tua dan kawan-kawannya yang bermimpi tentang sungai. Mereka datang kepada Asang untuk mentakwil makna mimpi mereka.

“Pastor Asang, bolehkah awak mentakwil mimpi saya,”

tanya seorang bobolian wanita yang tua.

“Saya tidak ada karunia menjelaskan mimpi tetapi awak boleh menceritakannya. Sudah tentu kita perlu hikmat Tuhan,” kata Asang sambil berdoa dalam hati.

“Tetapi saya tidak ada duit untuk membayar awak,” kata wanita itu.

“Oh, tak perlu bayarlah, Tuhan yang memberitahu bukan aku,” senyum Asang.

“Dalam mimpi pertama, saya dan kawan-kawan saya sedang menceduk air dengan bekas buluh. Dua pancutan air memancar dari tanah tinggi ke atas udara tetapi kembali ke tanah. Beberapa wanita sedang mengambil air daripada dua pancutan ini. Pancutan ketiga datang terus dari langit yang tinggi, dan saya serta kawan-kawan sedang mencedok airnya. Agaknya apa erti mengambil air daripada pancutan berbeza ini?” jelas Mantirai meluap-luap sambil mengerakkan tangannya.

Segera Roh Kudus memberi Asang hikmat untuk mentakwil mimpi ini. Dia menjelaskan pancutan itu melambangkan agama kafir, agama kafir perdana yang satu lagi, dan satu lagi Kristianiti. Agama kafir perdana itu dan satu agama lain berasal daripada tanah berusaha pergi ke syurga tetapi kembali lagi ke tanah. Kristianiti tidak berasal daripada tanah tetapi ia berasal daripada syurga. Inilah sungai ilahi yang diveduk Mantirai dan kawan-kawannya; mereka tidak akan dahaga setelah minumnya.

Bobolian itu mendengar dengan mata berbinar-binar kerana jiwanya semakin diterangkan Roh Kudus. Penjelasan Asang dipercayai sebulat-bulatnya. Dengan mempercayai Tuhan Yesus, wanita-wanita ini tidak haus lagi. Air ilahi akan mengalir terus dalam kehidupan mereka.

“Kalau begitu, saya mesti percaya kepada Yesus Kristus!” katanya dengan suara yang terharu.

“Pastor Asang, saya bermimpi lagi. Dalam mimpi ini saya dan kawan-kawan saya sedang bermandi dalam sungai, beberapa

wanita ikut, airnya surut walaupun bahagian sungai lain terus mengalir,” jelas Mantirai.

Roh Kudus memberi Asang hikmat untuk menjelaskan lagi kepada wanita ini.

“Sungai itu tanda kasih Tuhan. Dia sanggup datang ke dunia untuk menyelamatkan dunia ini dan mengorbankan nyawa-Nya untuk manusia. Apabila wanita ini masuk ke dalam sungai, sungai itu kering kerana golongan wanita ini tidak mempercayai Tuhan Yesus. Jelas mereka tidak menerima pengampunan dan penyucian daripada Tuhan Yesus, dan air ilahi tidak mengalir dalam kehidupan mereka,” jelas Asang yang menerima ilham ilahi lagi.

“Ya, ya pastor, mimpi saya pun hampir sama,” kata seorang wanita lagi.

“Cuba ceritakan,” kata Asang yang semakin peka kepada bisikan Roh Kudus.

“Enam wanita sedang mandi tetapi apabila wanita ketujuh masuk ke dalam sungai itu, sungai itu kering mendadak,” jelas perempuan itu.

Roh Kudus memberi Asang hikmat lagi untuk memberi takwilan mimpi ini.

“Enam keluarga ini keluarga Kristian yang menyembah Kristus dan yang satu lagi daripada agama kafir. Waktu dia masuk, sungai itu menjadi kering kerana dia tidak percaya,” kata Asang.

“Yakah Pastor Asang,” seru bobolian itu.

Setelah Mantirai menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat-Nya, kesihatannya bertambah lebih baik maka dia tidak perlu tinggal di rumah selama 25 hari. Sukacita Tuhan Yesus jelas ternampak pada wajahnya. Dia lebih bersemangat malahan dia lebih bertenaga bekerja tetapi bukan sebagai bobolian lagi.

“Tetapi barangsiapa minum air yang akan Kuberikan kepadanya, dia tidak akan haus untuk selama-lamanya. Sebaliknya air yang akan Kuberikan kepadanya, akan menjadi mata air di dalam dirinya, yang terus menerus memancar sampai kepada hidup yang kekal” (Yohanes 4:14).

Grace Menekad Ke Borneo

Grace begitu gembira sewaktu dia menerima sepucuk surat daripada anakandanya Asang pada tahun 1943. Guraun Asang dengan ibundanya yang selalu mengingat dia dalam doa menjadi satu kenyataan. Trevor menulis: ibundaku yang kukasihi, seandai ibunda berada di sisi anakanda, tentu semua barang punya anakanda tidak habis terjilat api dan anakanda tidak perlu susah payah ibundaku yang kukasihi.

“Ya Tuhanku, kalau memang kehendak-Mu bagi aku untuk menolong anakandaku, biarlah kehendak-Mu jadilah,” Grace segera menaikkan doa.

“Puan, pastikah awak ingin ke Borneo. Kesihatan awak tidak baik, awak lebih baik lupakan niat awak,” kata doktor Grace.

“Ya, saya yakin benar ke Borneo. Doktor, berikan saya suntikan yang saya perlukan untuk ke sana,” desak Grace.

“Mak, saya tidak akan izin mak ke Borneo. Kesihatan mak mesti dikawal baik-baik. Borneo belum ada kemudahan kesihatan seperti sini,”kata Eddie, anak lelaki Grace dengan tegas.

Walau bagaimanapun Grace begitu yakin akan kehendak Tuhan untuk pergi ke Borneo dan melayani bersama Asang. Sekalipun Eddie tidak gembira, Grace tetap berpendirian kuat. Sewaktu Grace melipat baju-bajunya, Asang sedang bermundar mandir di kampung dengan tugas penginjilannya.

Penduduk kampung Nampasan membawa Asang berkhotbah di sana. Asang tidak dapat pulang selama tiga hari kerana sungai membuak-buak arus deras. Selama di sana beberapa penduduk dari kawasan Gaur meminta dibaptiskan pada hari Ahad. Asang menekad menginjili tanpa menghiraukan cuaca yang buruk atau hujan lebat. Sekembali ke Ranau, jendela langit seakan-akan mencurahkan semua airnya sehingga Asang bermandian besar.

Tuhan menyertai Asang sewaktu dia menjelajahi beberapa kampung dengan Injil. Kadangkala permintaan doa penduduk di

sini memerlukan iman besar. Tanpa ragu-ragu, Asang menunaikan segala permintaan doa mereka. Tuhan berkenan menjawabnya dengan ajaib sehingga penduduk dapat melihat keajaiban tangan Tuhan.

Tanpa mengenang lelah, Asang pergi ke kampung Gana-Gana yang tujuh batu sebelah Selatan Ranau, Sungai Liwagu. Sewaktu Asang berada di sini beberapa mukjizat terjadi. Tuhan menyatakan kehadiran-Nya sehingga dua doa dijawab segera. Sedang Asang berkhotbah dan menyampaikan Injil kepada penduduk kampung ini, datanglah seorang bapa.

“Pastor, tolonglah pastor, anak saya sakit. Tolong doakannya,” rayu seorang bapa yang khuatir.

Asang menatap wajah budak kecil yang memang kelihatan sakit dan tidak bertenaga lalu menopang tangannya dan berdoa untuk penyembuhan.

“Nak, beritahu pastor sama ada awak masih sakit,” minta bapa itu setelah anaknya didoakan.

“Bapa! Saya tidak sakit lagi,” ujar anak itu seraya bersenyum.

“Puji Tuhan, Puji Tuhan, bersyukur kepada-Nya atas kuasa penyembuhan-Nya,” kata penduduk kampung itu.

Asang diajukan pelbagai permintaan doa yang memerlukan imannya seperti Elia! Ajaib, Tuhan selalu berkenan menjawab doanya tanpa mempertimbangkan betapa lucu doa itu.

“Pastor, boleh awak berdoa agar hujan berhenti sewaktu saya pulang sebab saya lupa bawa payunglah,” minta seorang penduduk kampung.

“Boleh, boleh, mari kita berdoa,” kata Asang yang tidak pernah menolak permintaan doa walau sekecil apa pun.

Dengan ajaib, hujan berhenti sehingga orang itu tiba ke rumahnya. Hari esoknya, Asang bertemu dengan orang itu lagi. Wajahnya kelihatan ceria ketika dia berlari-lari pantas bertemu dengan Asang.

“Pastor, Tuhan memang hidup, semalam hujan tidak turun

sehingga saya pulang rumah beberapa minit kemudian!” katanya.

Bagaimana kalau doa tidak dikabulkan seperti yang dikehendaki pula?

“Pastor, anak saya sakit, tolong berdoa agar dia cepat-cepat sembuh,” minta Puan Pagoh yang rindu sekali agar anaknya disembuh.

Apabila anaknya tidak sembuh malah meninggal dunia, Pagoh dengan sedih tidak mahu percaya dan mencari boboliannya. Anugerah Tuhan bergerak di kalangan anggota keluarga dan kerabatnya sehingga mereka percaya kepada Tuhan. Sewaktu lanjut usia, Pagoh berkeputusan mempercayai Tuhan Yesus dan meninggalkan kekecewaannya.

Lelaki Yang Mahu Dibaptiskan

Penginjilan dan titik peluh Asang di Gana-Gana tidak sia-sia dan dia tidak kembali bertangan kosong kerana tuaian dapat dilihat dengan jelas. Tiga puluh lima orang meminta agar mereka dibaptis malah ada seseorang yang tidak pernah dilihatnya menampil ke depan dan meminta Asang untuk membaptisnya.

“Pastor, saya ingin dibaptis juga,” kata seorang lelaki.

“Tapi, tapi, saya belum pernah melihat awak sewaktu saya berkhotbah,” kata Asang.

“Pastor, saya tahu apa yang awak khutbah. Sewaktu awak berkhotbah, saya sedang mendengar dan mempercayai semua yang awak katakan! Jadi, baptiskan saya pada hari ini,” kata orang itu dengan penuh keyakinan.

Setelah mendengar penjelasan pemuda, Asang mengajukan beberapa pertanyaan untuk memastikan keikhlasannya. Selepas penjelasannya yang terperinci, dia pun dibaptiskan. Ajaib, Tuhan memang mempunyai rancangan indah bagi pemuda ini. Dia bekerja sebagai ketua di jabatan telefon Ranau dan Tambunan.

Sewaktu Asang menginjili di kampungnya, pemuda ini sedang bertugas di tempat lain. Nama pemuda yang akan dipanggil oleh Tuhan ialah Kerengkas Bokiraon. Dia telah mendengar khutbah yang disampaikan oleh Asang melalui jiran-jirannya. Hatinya tersentuh oleh kebenaran. Dalam keheningan malam dia yakin Tuhan Yesus memang Juruselamat dunia ini. Siapa yang dapat menduga pemuda ini kelak akan menjadi pemimpin yang berpengaruh di Ranau.

Yang Mandul Diberkati

Penduduk Dusun sungguh mengasihi anak-anak kecil tetapi sekitar 1947 banyak wanita mandul, entahlah kenapa. Walau didoakan oleh pemimpin-pemimpin yang beragama perdana lain, mereka tetap mandul. Ini mengakibatkan kadar perceraian yang tinggi. Asang tidak menjanjikan mereka akan dikurniakan dengan cahaya mata tetapi dengan ajaibnya mereka diberkati anak. Berkat Tuhan dinyatakan di tengah-tengah mereka, Pencipta langit dan bumi memberi mereka anak-anak yang sungguh dicintai mereka.

Asang semakin diundang ke kampung Rugading, Perepet, Singaron, Balabakan dan Giuk untuk berkhotbah. Khabar tentang kuasa Tuhan yang ajaib tersebar ke kampung-kampung ini. Dengan tidak sabar-sabar, mereka mahu Asang datang dan berdoa bagi mereka.

Sementara ini semua terjadi, Grace sedang berlayar dari Liverpool dengan kapal “Empress Singapura.” Wanita yang mesra ini banyak bersekutu dengan saudara-saudara seiman yang ditemui sewaktu di kapal. Dengan perasaan gembira, Grace tiba di Jesselton dan menempuh perjalanan yang sungguh mencabar yang tidak dilupakan sehayat.

Pemandangan alam yang sungguh indah menceritakan kemuliaan Tuhan dan tandatangan Pencipta yang ajaib. Grace

gembira melihat bunga-bunga hutan di tepi paya dan monyet yang mengayut dari satu dahan ke dahan yang lain. Monyet-monyet ini menatap Grace seakan-akan tahu dia suka Borneo. Wah, Grace juga mengharungi lumpur yang hampir dua belas inci. Sekira Grace tidak berhati-hati, dia boleh tercampak ke dalam jurang yang dalam.

Setiba Grace di suatu tempat, Asang sedang menunggu dengan beberapa kuda kecil. Grace ketawa riang kerana tak pernah menunggang kuda kecil secomel itu. Dalam surat kepada kawan akrabnya, Harry dan Leonara Cooper dia bergurau, “Tunggu ya, tunggu sehingga awak datang ke Ranau, baru kautahu semua ini.” Walaupun Harry dan Leonara adalah kawan-kawan setia yang mendukung Asang dalam kewangannya, mereka tidak pernah ke Ranau.

Perjalanan dari Jesselton ke Ranau memakan beberapa hari dan mereka melalui kota Tamparuli, Togop, Dallas, Kundasang. Kekurangan laluan kuda membuat mereka terpaksa melencong dari Togop ke Kaung di sungai Kadamaian.

“Asang, sungguh...mak tak berani menyeberangi jambatan ini...seperti bergoyah-goyah,” kata Grace ketika melihat jambatan yang tergantung antara bebatu di sungai Kadamaian.

“Jangan takut mak, saya akan memegang tanganmu. Pegang tanganku erat-erat, jangan takut,” kata Asang dengan nada yakin.

Grace bergementaran sewaktu melalui jambatan yang bergoyah-goyah. Deruan air sungai sesekali tersebar lebih mersik di bawah seolah-olah mahu menelannya kalau dia terjatuh. Asang pernah melihat dua orang berjalan di jambatan yang sama, jadi dia tahu jambatan ini selamat bagi mereka berdua. Mereka bermalam di kampung berdekatan situ.

Pagi-pagi awal mereka meneruskan perjalanan, kuda Grace berlari cepat sehingga pelananya melambung tinggi. Grace pula tercampak ke dalam semak. Kuda itu berlari tiga hingga empat batu ke Ranau dan Galida mengejanya. Seorang lelaki Cina yang

menyedari bahawa tampuk kuda itu berjuntai, melambai-lambai kepada kuda itu. Kuda itu berpusing, berlari lagi dan Galida sempat menangkapnya. Puji Tuhan, Grace tidak tercedera.

Hari terakhir perjalanan, mereka bersinggah sebentar kerana berhujan. Asang dan Galida menolong Grace sepanjang perjalanan. Hujan turun lagi sebelum mereka tiba ke Ranau. Grace merasa sakit duduk di pelana begitu lama dan memilih berjalan untuk batu yang terakhir.

“Amboi, cantiknya pelangi,” ujar Grace kepada Asang.

“Wah, dua pelangi,” kata Asang ketika melihat pelangi yang mempunyai erti Alkitabiah yang mendalam ketika pelangi yang indah muncul sebelah barat Gunung Kota Kinabalu.

“Amboi, indahnya,” ujar Galida sambil mereka bertiga bersinggah sebentar untuk menghayati keindahan pelangi.

Grace segera berehat dan tinggal di bilik sebelah Asang di rumah L itu. Bakat Grace untuk menyanyi berguna sehingga dia mengetuai penyanyi-penyanyi sekalipun dia hanya menguasai beberapa perkataan Bahasa Melayu dan Dusun.

Mantirai, bobolian wanita yang menerima Tuhan Yesus begitu gembira ketika mendengar ibu Asang berada di sini. Wanita ini bersahabat dengan Grace dan mereka berdua segera menjadi sahabat karib. Mantirai berjalan selama enam batu hanya untuk menemani Grace beribadat hari Ahad. Selepas itu, mereka berdoa bersama-sama di kampung ini.

Asang Bermimpi Pula

Sebuah pondok kecil untuk menyimpan tuaiannya telah dijadikan Asang dan Kentuni sebagai tempat berkhotbah sewaktu meninjili. Mereka semua tidur di pondok ini setelah kebaktian bersurai. Asang tidur di sisi Kentuni. Pada malam itu, Asang bermimpi diserang dalam pergaduhan lalu menumbuk penyerangnya.

“Aduh!” jerit Kentuni lalu menangis teresak-esak.

Semua orang bangun untuk mengetahui apa yang terjadi.

“Aku diserang roh iblis, iblis menumbuk saya di sini!”

katanya sambil menangis.

“Bukan, bukan saya yang menumbuk awak, jangan takut,” kata Asang.

“Bukan awak, iblis...roh iblis,” kata Kentuni sambil mera-ba-raba sambil menyuluh.

“Pantaslah, saya tidur di bawah azimat ini, kamburongo!” kata Kentuninya ketika melihat kepingan-kepingan halia kering dan kuku burung rajawali!

“Tolong saya bakar semua ini,” kata pemilik pondok itu.

Azimat menjadi bahan simpanan orang Dusun untuk melawan kuasa gelap sebelum mereka mengenal Kristus. Bunyi pelik, penyakit, kepercayaan kepada penunggu menyebabkan mereka menyimpan azimat yang dipercayai mempunyai kuasa ghaib untuk mengusir kejahatan. Apabila mereka menjadi Kristian, azimat ini dicampak ke dalam obor api lalu membakarnya dengan penuh kemenangan. Mereka yang sudah menerima Juruselamat berpegang pada pendirian tidak akan menyimpannya lagi.

Natal Pertama

Natal pertama tahun 1947 ditunggu-tunggu dengan sukacita; banyak orang berjalan menuju ke Ranau sebelum fajar menyingsing untuk menghadiri ibadat pukul 11 pagi. Kumpulan Kristian yang begitu besar ini berdudukan di bangku panjang mendengar kepada khutbah Asang tentang kelahiran Tuhan Yesus.

Grace tertakjub mendengar umat Kristian melafazkan Doa Tuhan Bapa dengan begitu lantang bagai ngarai yang bergulung-gulung dari syurga. Apabila dia menoleh ke kiri kanan, dia dapat meresapi kerinduan umat baru ini untuk beribadat dan mendengar

firman Tuhan.

Selepas ibadat, mereka menerima rawatan perubahan daripada Asang. Banyak orang datang sehingga ibadat Natal 2.30 petang berlanjutan selama lapan jam. Surat laporan BEM memuat berita gembira bahawa Asang telah membaptiskan 40 Dusun di Nampasan dan hampir 180 dari Giring-giring, Gana-gana, Sumnimpod, Kepangian, Kinirasan, Sarapong, Poropot, Tambiau, Ranau dan Niasan. Pelayanan Asang dianggap sungguh berhasil dan ini semua anugerah Tuhan atas suku Dusun, dan kebijaksanaannya memimpin penginjil-penginjil untuk menolong dia.

BAB 10 ASANG MENUNGGANG KERBAU YANG BERLUMPUR



Ibu Asang, Grace yang hampir berumur 70 tahun tidak lelah berdoa bagi pelayanan anaknya dan memberi segala bantuan yang diperlukan. Bagi Asang, kehadiran Grace memberi semangat dan galakan kepadanya. Selain itu, kehadiran Grace memberi kesempatan bagi penduduk Dusun untuk berkenalan dengan wanita Kristian yang lebih dewasa dalam kerohanian dan iman.

Menyebarkan Injil merupakan hal utama bagi Asang walaupun dia mengabaikan keperluan lain yang dihadapi orang Dusun. Asang

merupakan misionari yang pandai mengurus keperluan perubatan penduduk Dusun. Pengalaman melayani di Misi Perubatan Birmingham memberi dia latihan yang diperlukan untuk menolong penduduk Dusun.

Sewaktu melayani di sini, Asang pernah sakit Malaria tenat yang memeraskan tenaganya. Waktu ini Asang bergoncang kencang kerana demam tinggi serta berpeluhan. Dia sakit tenat sewaktu di Gana-Gana dan bermalaman di sana tetapi esoknya, dia sembuh. Pagi berikutnya Asang memulakan perjalanannya ke Ranau. Bersama-sama seorang penolong yang mengangkat barang-barangnya, mereka menyeberangi sungai Liwagu sebelum sampai ke laluan kuda dari Tambunan. Mata Asang berkunang-kunang kerana semakin lelah lalu dia rebah kerana pitam.

“Pastor Asang, demammu semakin tinggi, kita perlu segera mencari pertolongan,” kata penolongnya.

“Pergilah awak ke hospital Ranau,” kata Asang dengan suara lemah.

“Pastor, tulis sesuatu pada carikan kertas supaya mereka percaya saya,” kata penolong itu.

“Saya sakit, tak dapat menulis lagi. Pergi sajalah, mereka akan percaya,” kata Asang.

“Nak, mari kita pergi mencari pertolongan,” kata penolongnya kepada anaknya lalu tergesa-gesa pergi.

Sejenak kemudian, mereka kembali lalu meminta Asang berjalan sedikit lagi ke pondok telefon yang berdekatan agar mereka mudah mendapat pertolongan. Mereka memapar Asang ke pondok telefon dan membiar dia berbaring sementara menunggu kereta kuda dari hospital.

Pertolongan kakitangan hospital segera datang. Asang begitu lega apabila kehausannya dipuaskan dengan secawan kopi. Puji Tuhan, Asang dirawat di kelas pertama dan beralaskan tilam di lantai. Setelah beberapa hari, demam dan kesakitan Asang lenyap.

Sejak kedatangan Asang, penduduk sering mencarinya

untuk merawat mereka yang sakit. Dengan pengalaman yang pernah diperoleh sewaktu di London, Asang berusaha menolong mereka. Rawatan dan doanya diakui sebagai yang lebih baik daripada doa dan ubat bobolian.

Rahmat Tuhan telah meredai seorang wanita yang menderita penyakit kulit patek yang menular cepat. Dia telah dibiarkan terlantar oleh kenalannya dan rupanya kelihatan lebih tua daripada umurnya. Penyakit patek telah meragut kakinya. Asang membasuh kakinya lalu merayu wanita itu izinkan mereka menghantar dia ke hospital untuk rawatan. Sekalipun wanita itu hanya hidup selama lima hari, wanita ini meninggal dengan suatu kepastian penyelamatan dalam Yesus Kristus.

Tanpa merasa pahit jerih payah, Asang menghulur pertolongan kepada penduduk sini. Sekalipun kaki Asang terluka akibat merentasi lumpur untuk merawat pesakit, orang lain tetap penting. Pengorbanannya membawa rahmat Tuhan secara nyata kepada penduduk kampung. Pada suatu hari, di kampung Tudongan, isteri tuai rumah yang bernama Marudin jatuh sakit akibat kekurangan darah. Asang menunggang kerbau yang lebih selesa daripada kuda kurus untuk merawatnya. Lumpur tidak menghalangi Asang pergi merawat dan memberitakan Injil.

Kerbau comel yang ditunggangnya hampir tersalut lumpur khususnya pada waktu penyemaian padi di Ranau. Keringatan berlumang seluruh mukanya tetapi Asang menganggap mentari mahupun lumpur bukan penghalang Injil.

“Puan, banyak-banyak minum sup ayam...kalau mahu sembuh ya,” kata Asang dengan lembut kepada Marudin.

Suaminya merasa lucu amat, sup ayam pun boleh dijadikan ubat. Apabila isterinya sembuh segala kekerasan hatinya lebur.

“Halleluyah, puji Tuhan!” seru penduduk kampungnya.

“Pastor Asang, bolehkah awak pergi bersama kami untuk melawat seorang pesakit?” tanya dua lelaki.

“Tak jauh...sekitar 23 batu dan kalau berjalan kaki hanya lima hari,” jawab mereka.

“Adakah dia sakit tenat?” tanya Asang.

“Tidak, kami mahu mengabarkan Injil,” kata salah seorang daripada mereka.

“Kalau begitu, berilah saya sehari lagi sebelum kita pergi,” kata Asang.

Ajaib, Roh Kudus berkarya dalam kalangan orang Dusun sehingga banyak cerita tentang bagaimana mereka masuk dalam kerajaan Tuhan tersebar. Kandising yang mulai meragukan bobolian dan segala penyembelihan ingin mengenal Tuhan Yesus.

“Sayang, saya dah tak tahan dengan penduduk kampung yang semakin takut dan semakin banyak kepercayaan karut,” kata Kumbur sambil memaku papan pada sebuah rumah yang bercorak Dusun.

“Saya ragu-ragu akan cara bobolian,” jawab isterinya, Kandising pada tahun 1948.

Suatu hari Kandising tiba-tiba jatuh sakit sehingga lumpuh. Dia pernah mendengar mat sallah yang menunggang kerbau mempunyai kuasa penyembuhan.

“Sayang, pergilah ke Ranau dan meminta mat sallah itu untuk datang berdoa bagi saya,” minta isteri Kumbur.

“Tuan Asang, isteriku sudah lumpuh. Dia mahu berjalan dan hidup bahagia bersama aku. Bolehkah tuan kembali bersama saya untuk berdoa baginya,” minta Kumbur yang berkeringatan.

“Tuhan Yesus ialah Tuhan Maha Kasih dan Maha Hadir. Saat ini, Dia berada di sisi isterimu. Dia berkuasa menyembuh tubuhnya yang sakit. Percayakah kalau kita berdua berdoa di sini dengan sungguh-sungguh, Dia akan sembuh?” tanya Asang dengan beriman.

“Mari-mari masuk, kita akan berdoa bagi isterimu,” undang Asang sambil Kumbur beranjak ke rumah Asang.

Kumbur pun pulang ke rumahnya tanpa Asang tetapi dengan penuh keyakinan dan iman baru kepada Tuhan Yesus. Apabila Kumbur tiba di kampungnya, dia menggosok matanya

kerana hampir tidak percaya apa yang dilihatnya. Isterinya sedang bekerja di ladang.

“Bagaimana isterimu sembuh? Ubat apakah yang kauberikan?” tanya jiran-jirannya yang hairan.

“Saya ke Ranau untuk berjumpa Asang dan kami berdua berdoa untuk isteri saya,” jelas Kumbur.

“Wah! Asang yang menunggang kerbau itu?” tanya jiran-jiran.

Berita ajaib ini tersebar ke seluruh pelosok kampung itu sehingga seratus orang ingin mendengar apa yang dipercayai Kumbur. Kumbur menceritakan iman barunya dengan penuh keyakinan sehingga mereka menerima Kristus. Di kalangan mereka yang percaya termasuk beberapa bobolian.

Tabiat minum tuak sehingga mabuk dalam kalangan penduduk ini menyebabkan mereka melalaikan tanggungjawab. Hidup mereka mulai berubah apabila mereka percaya kepada Tuhan Yesus. Sebelum ini, burung-burung paling gembira kerana dapat berjamuan ketika mereka berkemabukan. Sekarang, mereka tidak lagi mabuk kerana Tuhan Yesus tinggal dalam hati mereka. Berkat padi semakin melimpah ruah kerana berkat Tuhan atas kerajinan mereka.

Kunjungan Alan dan Madge



“Sayang, mari kita mengunjungi Asang. Biar kita memberi dia galakan dalam pelayanannya,” kata Alan kepada isterinya Madge.

“Sudah enam tahun kita tak berjumpa dengan dia,” sahut Madge seraya bersenyum kepada suaminya.

Setiba sana, mereka disambut mesra. Mereka menghadiri kebaktian yang dihadiri oleh 150 jemaah. Hari yang berikutnya, jumlah yang sama menghadiri kebaktian ini. Alan kemudian menulis tentang kunjungannya dengan perasaan terharu oleh pekerjaan Tuhan:

“Aku begitu bahagia melihat perubahan yang terjadi kepada penduduk di sini. Aku teringat kami telah bertungkus lumus selama dua tahun sebelum perang dengan tangan kosong. Ajaib, Tuhan berkarya dan meletakkan dasar dalam hati beberapa orang dan kini saat tuaian. Tetapi, ini juga bererti penggembalaan namun hanya seorang melakukannya...Asang memang saksi tunggal orang Dusun. Aku begitu terharu dengan kesedaran bahawa Roh dapat melakukan begitu banyak di daerah ini.”

Pelayanan Asang sungguh bermakna dan meliputi segala selok belok kehidupan orang Dusun. Di samping memberitakan Injil, Asang juga memberi pertolongan bagi kemahiran hidup yang lain. Selain itu, dia giat membentuk pemimpin dan penginjil agar penginjilan dan pengajaran dapat dilakukan lebih luas. Juga, penduduk yang mengalami masalah datang kepada Asang untuk kaunseling.

“Pastor, saya jatuh hati dengan Gana Gana yang ayu itu. Sebelum saya mempercayai Tuhan Yesus, saya mencari bobolian, gunakan segala ilmu sihir dan azimat untuk memikat hatinya. Tetapi saya tahu Tuhan Yesus tidak senang dengan pendekatan seperti ini. Bagaimanakah saya memikat hatinya?” tanya pemuda yang dilamun cinta.

“Kau perlu bersabar. Bawa perasaan awak kepada Tuhan Yesus dalam doa, menunggu dan melihat bimbingan Tuhan selanjutnya,” kata Asang.

“Pastor Asang, anak kami dah hilang...sudah beberapa hari

kami tidak melihat dia,” kata seorang ibu di tengah-tengah sedu sedannya.

Asang segera berangkat mencari anak itu. Dia menduga sesuatu yang malang telah terjadi kepada anak itu. Kemungkinan besar anak ini telah menjadi mangsa “binkasang” sejenis senjata lembing yang digunakan untuk memburu binatang. Sedikit diusik umpannya maka tembakan beracun dilepaskan. Asang menemukan tiga puluh tiga perangkap sepanjang perjalanan itu. Budak yang hilang itu tidak ditemui; kemungkinan besar dia sudah dikuburkan oleh yang bersalah.

BAB 11 PENGINJILAN SEMAKIN GIAT



Perjalanan ke Weston untuk menyambut kedatangan Sam Golland sungguh gembira bagi Asang kerana kini datang penolong. Pelayanan yang begitu luas memerlukan tenaga penggembalaan dan tenaga pengajar. Banyak penduduk kampung yang sudah menerima Tuhan Yesus memerlukan bimbingan lanjutan.

Sam Gollan yang mengembara melalui kebun pokok getah merasa teruja kerana dia akan melayani orang Dusun yang tidak terlalu dikenalnya. Dia juga sudah banyak dengar tentang pelayanan Asang serta kelaparan orang Dusun akan firman Tuhan.

“Kira-kira bagaimanakah kebudayaan mereka ya?” tanya Sam sambil memandang pokok-pokok getah dan sungai-sungai yang tenang.

Apabila Sam bertemu dengan Asang, hairanlah dia. Wah! tak sangka Asang seorang lelaki kuat sebenarnya sangat kuat! Kakinya bagai kaki kuda tangkas mungkin kerana dia banyak berjalan dari kampung ke kampung.

“Bukankah penampilan ini patut dimiliki orang Kristian,” fikir Sam Golland.

Mereka bermalam di gubuk yang digunakan menyimpan barang-barang keretapi. Esoknya, mereka berdua menaiki keretapi kecil dari Jesselton. Setiba di Beaufort semua penumpangnya turun kerana rel keretapi tidak tahan keberatan mereka. Mereka semua berjalan dan setelah keretapi melewati jambatan itu baru mereka menaikinya.

Selepas itu, Sam Golland dan Asang menaiki sebuah bas ke Tampanuli yang berjarak hampir 22 batu.

Asang membawa Sam untuk bermalam di keluarga Youngbergs yang kehilangan anak mereka sewaktu kem perang dunia. Keluarga Youngbergs bergembira menyambut kedatangan mereka berdua. Perjalanan ke Ranau memang bukan dekat; Sam Golland semakin terdedah dengan keadaan nyata melayani di sini.

“Berapa jauh lagikah dari sini ke Ranau Asang?” tanya Sam.

“Kita akan melalui pergunungan Krocker yang indah dan perjalanannya sekitar 50 batu, tak terlalu jauhlah,” jawab Asang.

Sejenak lagi Asang berkata, “Kita perlu berjalan kaki selama empat hingga lima hari ke pedalaman. Sepanjang perjalanan itu, kita bersinggah di pondok rehat yang dibuat daripada buluh dan atap. Usah khuatir.”

Sam baru memahami kenapa Asang begitu sihat dan kenapa kakinya bagai kaki kuda. Wah macam inilah permulaan pelayanan bagi seorang askar R.A.A.F! Tanpa dugaannya, tempat pelayanan pertama pemuda ini tiada kereta mahupun keretapi. Tentu saja semua

senaman ini akan menjadikan dia sekuat Asang sehingga boleh bersaing dengan kuda-kuda tangkas di Borneo!

Sam bergigil kedinginan pada hari pertama. Puji Tuhan, sekumpulan kecil pemuda menolong dia mengangkat beg sewaktu mendaki agak terjal. Tambah meriah lagi, sekawan rakan yang tidak diundang mahu menemani mereka. Kawanan babi peliharaan ini dari sebelah kampung sedang mencari teduhan di bawah pondok singgahan. Sam tidak dapat tidur nyenyak kerana kakinya sakit dan babi-babi mendengkur kuat.

Hari berikutnya, mereka mendaki setinggi 3,000 kaki dan bermalam dengan sebuah keluarga di kampung Parad. Hari ketiga mereka masih mendaki ke Kundasang, dan hari yang keempat berjalan di lembah untuk pergi ke Ranau. Inilah permulaan pembentukan kaki kuda baginya.

“Aduh sakitnya,” keluh Sam kerana kulit telapak kakinya terkupas akibat kasut but terlalu berat. Kesakitannya bertambah parah apabila kulit jejari kakinya terkupas sewaktu turun cerun bukit.

Hujan membasahi mereka setiba mereka di Ranau. Sam mengidap demam selesema, mujurlah Asang segera memberi dia ubat. Kemahiran merawat sendiri sangat diperlukan oleh misionari kerana jarak hospital dari Ranau mengambil beberapa hari.

Sam merasa berbaloi menempuh perjalanan yang begitu sulit ke Ranau kerana penduduk Dusun sangat mesra. Mereka petani yang menanam padi kering di lerengan bukit bukau. Yang sungguh mengembirakan dia kemudian ialah tanah penginjilan sungguh subur.

Berita Injil berlainan dengan kepercayaan animisme mereka. Atas anugerah Tuhan, beratusan penduduk menerima Tuhan Yesus dan mengalami perubahan dalam hidup mereka. Asang menjadi semakin sibuk kerana banyak kampung meminta dia mengajar dan memberi bantuan perubatan. Hati Asang begitu berbelas kasihan, dia tidak pernah menolak satu permintaan pun.

Sam menggunakan semua yang pengetahuan perubatan yang ada padanya untuk menolong penduduk yang berjauhan dari hospital. Mencabut gigi sering dilakukan kerana mereka suka mengunyah daun sirih dan kapur sehingga gigi melekat kapur sirih.

Anak-anak kecil sering dijangkiti penyakit nafas dan perut; Sam berusaha menolong mereka. Seringkali ibu mereka membawa anak untuk dirawat Asang apabila sudah terlambat. Dengan sedih, Sam menolong mereka mengurus upacara penguburan anak-anak mereka.

Selain pengajaran firman Tuhan, Asang dan Sam mengajar penduduk tentang cara menjaga diri supaya tidak mudah dijangkiti. Kesihatan penduduk semakin meningkat apabila mereka peka akan cara pemakanan dan kebersihan.

Pada suatu hari Asang sendiri jatuh sakit kerana dijangkiti malaria. Kepanasan deman Asang menyebabkan dia mengigau dan membayangkan Sam mencampak dia dalam terusan.

“Sam, tolong! Tolong! jangan campakkan aku dalam terusan itu. Jangan...jangan...” seru Asang yang berdeman tinggi.

“Asang, aku tak akan berbuat begitu. Yakinlah...aku akan menjaga awak sehingga awak sihat,” kata Sam.

“Jangan Sam, aku tidak mahu direndam dalam terusan itu ya? Biarlah, biar aku di katil ini saja,” kata Asang lagi.

Walau bagaimana pun Asang bangun pada hari esoknya dengan sihat seperti biasa. Ini bukan kali pertama dia mengalami seksaan penyakit malaria; Asang sudah biasa menderita namun tubuhnya tahan lasak dan sembuh cepat.

Di tengah-tengah kesibukannya, Sam dilamun cinta kerana buah hatinya akan membina rumahtangga bersamanya. Gadis manis yang bernama Jean Harris akan digelar isterinya tak lama lagi; segala suka duka akan ditempuh bersama-sama dalam ladang penginjilan. Jean Harris terlebih dahulu ke Lawas dan membuat persiapan bagi perkahwinan mereka.

Penterjemahan Perjanjian Baru

Usaha untuk menterjemahkan Alkitab ke dalam Bahasa Dusun dimulakan kerana masih sedikit orang boleh membaca Alkitab Bahasa Indonesia. Beberapa penolong datang menolong tetapi Dayeh Batasan paling setia. Sejak kecil, Dayeh terluka lututnya dan terpaksa meringkuk dalam rumah sementara ibu bapanya bekerja di ladang. Rawatan baginya sulit kerana rumahnya berjauhan hospital dan perlu berjalan selama lima hari. Dayeh mengenal Tuhan Yesus apabila Asang dan Kentuni datang ke kampungnya.

Bersama ibunya, dia berjalan bertempang-tempang ke Ranau untuk belajar asas-asas iman dan menolong misionari mempelajari Bahasa Dusun. Anugerah Tuhan telah memilih dia untuk menterjemahkan Perjanjian Baru ke dalam Bahasa Dusun. Sekalipun tugas ini sungguh susah baginya, dia tetap dalam panggilan dan berusaha selama tujuh tahun sebelum pulang ke sisi Tuhan.

Asang Merawat Alan

Berita telah sampai ke Asang bahawa Alan Belcher, pengerusi mereka dijangkiti penyakit Malaria. Tanpa berlengah-lengah, Asang berangkat ke Lawas selama dua bulan. Sam mengambil alih semua tugas Asang. Dengan kehadiran Sam, pelayanan Asang dapat ditanggung bersama.

Selain merawat Alan Belcher, Asang membangun sebuah banglo yang dilengkapi dengan tiga bilik agar misionari boleh hidup lebih selesa.

“Bukankah itu Mawang Tu...” bisik Asang sewaktu dia ternampak perahu usang.

Asang mendekati perahu dan memeriksa perahu yang sudah lama terdampar kepada cuaca. Naluri memperbaiki barang yang rosak

segera mendorong Asang memperbaiki perahu ini. Perahu ini segera dinamakan “Mawang Tu Tu” tetapi injinnya tidak dapat dipakai lagi. Harry, kawan Asang segera melampirkan cek untuk membeli injin baru bagi Mawang Tu Tu.

Banjir

“Mana benda itu,” tanya Asang.

“Di situ... tersangkut di dahan pokok,” kata seorang pemuda.

Pada suatu malam sungai dibanjiri air sehingga semua barang ringan mereka terbawa arus air. Pelayanan pada waktu itu mencabar: banjir, kulit kaki terkupas, gigitan lintah yang teramat gatal dan penyakit Malaria sering menyerang tanpa belas kasihan.

Dua pusat, Ranau dan Lawas yang menjadi pusat aktiviti misionari sering diwarnai pelbagai peristiwa namun peristiwa yang paling menggembirakan ialah semakin banyak penduduk Dusun masuk ke dalam Kerajaan Syurga. Upacara membaptis orang Dusun yang baru mengenal Tuhan sungguh bersejarah. Nadi penginjilan ke sekitar kampung bermula dengan para pemimpin yang berkorbar-kobar menyebarkannya ke kampung sekitar.

Injil Semakin Menyebar

Dengan pertolongan Sam, Asang bebas ke kawasan lain untuk meluaskan kerajaan Tuhan. Asang membuka gereja baru di Nampasan yang boleh menampung seratus orang dan kalau dindingnya dibuka seandainya jemaah bertambah banyak. Penginjilan kemudian membawa Asang ke Parad untuk merayakan Krismas selama dua hari sebelum berangkat ke kawasan lain.

Di Parad, pertumbuhan Kristian semakin merebak. Dengan tiga puluh empat Kristian, gereja pertama dibangun. Parad kemudian menjadi pusat penginjilan ke kawasan sekelilingnya seperti Kiau, Kaung, Gahui, Giuk, Tomis dan Tiung. Penduduk-penduduk kawasan ini belum pernah dijangkau Injil. Kehadiran sebuah gereja berdekatan kampung mereka telah menarik mereka ke sana. Roh Kudus bekerja dalam hati orang Dusun sehingga semakin hari semakin ramai yang percaya.



Gereja di kampung Nampasan pada tahun 1940.

Daun Besar Sebagai Tempat Duduk

Sam dan Jean tetap rajin melayani di Ranau semasa Asang berpergian ke tempat lain untuk penginjilan. Jemaah di sini membawa dedaun besar untuk duduk di lantai kerana tidak cukup tempat duduk. Sebelum mereka datang ke gereja mereka bersinggah memetik daun keladi besar atau daun lain yang besar sebagai kerusi mereka.

Mereka mendengar Sam yang berkhotbah tentang nubuat-nubuat tentang kelahiran Tuhan Yesus. Pada kebaktian lain tengah hari itu, Jean berkhotbah dengan bersemangat. Jemaah merasa gembira kerana mendapat organ yang baru untuk mengiringi nyanyian. Alunan organ jauh lebih indah dan menghibur daripada ancaman mengenai roh-roh jahat daripada bobolian. Wah, betapa berbezanya percaya kepada Tuhan Yesus dibandingkan dengan ketakutan akan roh jahat.

Kini mereka beribadat dengan penuh keyakinan dan tidak takut akan kuasa-kuasa jahat di sekeliling mereka. Hampir 400 ratus orang memenuhi gereja pada waktu ini. Wajah mereka semakin mencerminkan kemuliaan Tuhan dan semakin diubah kemuliaan yang semakin besar. Mereka semakin menyerupai Tuhan Yesus dalam tutur kata dan hidup mereka.

BAB 12

MUSIM TUAIAN



Orang Kristian Dusun akhir 1940 di Ranau.

“**J**anganlah jemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai jika kita tidak jadi lemah” (Galatia 6:9). Titik peluh Asang yang tidak jemu-jemu pada 1940 mendatangkan tuaian gembira. Hasil usaha Asang menguning bagai padi keemasan yang melambai-lambai. Tahun 1950 dan 1960 boleh dikatakan sebagai permulaan tuaian. Benih-benih yang ditabur mula bercambah dan bertunas. Bagai penabur yang tidak lelah yang akhir menikmati tuaiannya, Asang menikmatinya dengan penuh ucapan syukur kepada Tuan tuaian iaitu Tuhan sendiri.

Tahun 1950, pelayanan Asang mengalami waktu pengukuhan dan tiga gereja telah didirikan bagi orang Dusun. Penduduk Dusun

telah menggunakan bahan mereka sendiri untuk membangun gereja. Corak tiga gereja ini berseragaman. Pokok-pokok tarap ditumbangkan, dan kayu keras dijadikan tiang gereja. Setengah daripada dinding bangunan ini diperbuat daripada buluh dan beratap daun rumbia. Bangku-bangku juga dibuat untuk jemaah. Dua puluh deakon berkerjasama dengan Asang untuk menjayakan pelayanan.

Kuasa Injil semakin mengalahkan kuasa gelap dan mendatangkan mukjizat di kalangan orang Dusun. Mukjizat luarbiasa telah menarik penduduk kampung Palu sehingga seluruh kampung menerima Kristus. Seorang budak kecil yang terlalu sakit telah diusung kepada Asang untuk didoakan. Setelah didoakan, budak ini dapat berjalan pulang ke rumah dan semua orang tertakjub akan kuasa Tuhan Yesus.

Fenomena karya penyelamatan Tuhan bagai hujan yang menghujani kawasan Parad. Menjelang tahun 1950 hampir seluruh kampung mengenal Tuhan Yesus. Pertumbuhan yang begitu pesat di kalangan penduduk Dusun bererti banyak pertolongan penggembalaan dan pengajaran diperlukan.

Kenapa Kuda Enggan Bergerak?

“Ayuh jalanlah, jangan berhenti. Orang di Parad sedang menunggu kita,” kata Asang kepada kuda yang tiba-tiba enggan berjalan.

Kuda yang dipinjamkan pegawai perubatan tiba-tiba berhenti dan dengan degil tidak enggan menurut Asang.

“Tolonglah berjalan, nanti kita terlambat,” rayu Asang kepada kuda itu tetapi ia enggan menurut.

Asang turun dari kuda itu, menarik tali kekang untuk menggalakkan kuda itu untuk bergerak. Kemudian Asang naik ke kuda dan menunggangnya hingga ke Parad.

“Kira-kira kenapa kuda enggan bergerak tadi?” kata Asang yang cuba mencari puncanya.

“Ya, kuda ini bijak, mungkin ia enggan bergerak kerana ada

lumut fosforus yang beracun!” rumus Asang sambil menatap kudanya.

Suatu hari, Asang terlalu lelah. Dari jauh sudah tampak rumah yang diberikan oleh penduduk Parad baginya. Asang seperti sudah dekat, hanya empat batu. Perlahan-lahan pandangannya semakin berpinar-pinar kerana terlalu lelah lalu dia tersungkur pitam. Setelah bangun, dia bersantai dan menunggu penduduk kampung yang mungkin melintas ke sana. Lantas, Asang menyalakan obor kecil dan asapnya segera menarik perhatian pembantunya yang datang dari kaki bukit. Pembantunya membawa sebaldi air agar mereka boleh memasak dan makan di hutan; apabila mentari terbit mereka berjalan pulang.

Asang yang berbelas kasihan akan menolong penduduk kampung. Pada suatu hari sewaktu dia berada dalam perjalanan ke Parap, seorang wanita sedang memikul bakul yang berat terserempak dengannya. Kaki wanita ini seperti sakit sehingga dia berjalan terincang-injut.

“Ke mana?” tanya Asang.

“Ke Tamparuli. Sebenarnya saya bersama rombongan dari kampung saya tetapi mereka berjalan lebih pantas,” kata wanita ini.

“Biar saya tolong angkat bakulmu,” kata Asang.

“Tak usah...tak usah...saya boleh, tak beratlah,” kata wanita ini.

“Begini, awak mengangkat beg saya dan saya memikul baranganmu, bagaimana?” tanya Asang.

Asang menolong wanita ini memikul bakulnya dan mereka berjalan berberapa batu. Akhirnya, setiba di tikungan rombongannya berada di sana menunggu dia. Mereka bertukaran barangan mereka lalu Asang melanjutkan perjalanannya. Asang tidak mengetahui bahawa wanita ini sanak saudara seorang anggota jemaahnya dan namanya Konih.

Sekolah Latihan Deakon

Semakin banyak penduduk daripada beberapa kampung sudah mempercayai Tuhan Yesus. Penduduk ini perlu diajari asas-asas iman agar satu landasan kukuh diletakkan dalam hidup dan keluarga mereka. Asas-asas iman mesti berakar dengan dalam agar kalau angin cabaran Borneo meniup, mereka tidak akan tertumbang.

“Bagaimanakah kita dapat mengajar begitu banyak kampung,” tanya Sam.

“Bagaimana kalau kita mendirikan sekolah untuk melatih para deakon dan pemimpin-pemimpin yang berkemampuan agar mereka boleh mengajar yang lain,” kata Asang.

“Mereka menerima latihan beberapa hari dan kemudian mereka kembali ke kampung untuk mengajar yang lain,” kata Sam sambil memikirkan bersama Asang.

Puji Tuhan, sekolah-sekolah latihan dimulakan dan para deakon begitu bersemangat dilatih pada tahun 1950. Sam dan isterinya mengajar dengan sungguh-sungguh seperti Tuhan Yesus mengajar para murid-Nya. Asang meluangkan waktunya menolong di pusat BEM dan juga Kolej Alkitab di Lawas.

Asang menolong pusat BEM untuk berpindah dari Budok Negeri ke tempat yang lebih besar di satu kebun getah di Lawas. Ketekunan Asang luarbiasa kerana tempat ini sudah dibinasakan oleh askar-askar Jepun sehingga banyak tenaga diperlukan untuk membangunnya semula. Siapakah yang boleh menolong Asang?

Dengan pertolongan sepuluh lelaki dan dua wanita dari Parad mereka memulakan misi pembangunan semula bangunan ini bagi pusat. Mereka membangun lima rumah bagi murid-murid, satu bagi guru-guru, dan satu lagi bagi pelawat. Bangunan-bangunan ini tersergam ceria di bendang padi yang menguning. Bangunan bagi guru tenggelam kerana dibina terlalu berdekatan tebing dan juga dijangkiti bubuk.

Gaya pemakanan Asang semakin beraneka ragam. Salah

satu makanan yang disukainya ialah masakan daging ular sawah. Asang pertama mencuba daging ini ketika seekor ular sawah besar dibunuh oleh seekor anjing di sana. Apabila ditanya tentang rasanya ular sawah, Asang tersenyum puas, “Kalau awak suka ketam tentu awak akan menyukai daging. Memang sedaplah. Cubalah!”

Kalau tidak ada tikus semasa mereka pulang dari pelayanan, misionari-misionari akan berjengket-jengket kerana pasti ada ular yang berbelit-belit di suatu sudut tiang dan terlena kenyang kerana curi makan ayam. Dengan senyap-senyap, mereka akan mengambil senampangnya untuk menembak ular.

Suatu hari mereka berjaya menembak satu ular sawah yang sangat panjang. Penduduk berkumpul untuk melihat ular sawah yang begitu panjang! Wah! hampir tiga puluh kaki. Keesokannya mereka mengadakan jamuan ular sawah dan nasi; orang Dusun mahir mengupas kulit ular sawah ini, dan mengeratnya apalagi menyediakan bumbu-bumbu yang menyedapkan lagi daging ular. Luarbiasa enakny!

Ibu Asang



Bagaimanakah keadaan ibu Asang? Apakah yang dilakukannya selama tiga tahun tinggal di sini? Grace White sudah berumur hampir tujuh puluh tahun dan juga tidak terlalu sihat. Selain itu, dia tidak berbahasa Melayu. Apa dia boleh buat di ladang misi ini? Menemani anaknya dan berdoa sahaja?

Walaupun Grace tidak boleh berkhotbah, dia tekun berdoa dan melayani orang Dusun. Dia merawat seorang bayi yang penuh dengan bisul sehingga bayi itu sembuh. Selain itu, dia mencatat lagu rohani orang Dusun dan kemudian mengajar kepada mereka. Bagi seorang wanita yang rabun mata, ini bukanlah tugas yang mudah apalagi setiap buku mempunyai dua puluh lima lagu.

Seorang wanita tidak dapat berjalan baik kerana lututnya kaku datang kepadanya. Grace mengurut dia berbulan-bulan sehingga dia boleh berjalan dengan lebih baik. Wanita yang bernama Daya kemudian melayani sebagai penterjemah dan juga penerima tamu orang Inggeris yang bertamu ke sini.

Grace banyak berdoa bagi orang Dusun pada waktu malam kerana dia tidak dapat tidur nyenyak. Orang Dusun mengasihi Grace dan menghargai kehadirannya dan kematangan rohaninya. Mereka memberi pemberian wang kepada Grace sewaktu dia pulang ke negara asalnya. Pada bulan Oktober, Grace membuat keputusan untuk kembali ke negara asalnya. Walaupun orang Dusun mengasihi dia, mereka tidak berfikir Grace akan kembali lagi ke Borneo. Bagaimanakah perasaan Grace, sukakah dia menetap di kampung halaman orang Dusun?

“Tentu dia lebih selesa di sana daripada tinggal di sini bersama Asang,” fikir seorang wanita sewaktu melambai “goodbye” kepada Grace.

Bila Berkahwin Pastor Asang?



Asang dan Konih menikmati kuih bersama-sama.

“Pastor Asang, bilakah pastor mahu berkahwin?” itulah soalan yang sering muncul.

“Biarlah kami mencari seorang isteri bagi kamu...Tentu kamu memerlukan seorang wanita untuk menjaga awak. Pastor ingin anak comelkah,” desak mereka.

“Mencari seorang isteri sangat penting...jangan hanya bekerja sahaja pastor Asang. Wanita Dusun pun baik-baik belaka, sopan dan sungguh setia kepada suami. Mereka juga pandai mendodoi dan mencerita kepada anak-anak,” kata seorang pakcik yang berusaha meyakinkan Asang.

“Pastor, awak mesti mempunyai anak-anak sendiri. Mereka kelak boleh menolong pastor dalam pelayanan,” kata seorang pakcik.

Asang tidak pernah menerima desakan untuk berkahwin daripada kawan-kawannya pun. Wah, begitu bertuah Trevor punya

ramai kawan yang mengambil berat tentang dia. Walaupun gelagat desakan orang Dusun menggelikan hati Asang namun ini membuat dia berfikir tentang masa depannya. Dia akan menerima kehendak Tuhan dalam hidupnya dengan kelapangan hati.

Khabar tentang penduduk Dusun sedang mencari seorang isteri bagi Asang sampai ke pusat BEM. Cepat-cepat, mereka menjodohkan Asang dengan seorang misionari bujang di pusat namun Asang tak berminat.

Deakon Kumbang dan Ongau paling giat mencari isteri bagi Asang, tetapi mereka tidak dapat mencari seorang gadis bujang. Mereka menanyakan Asang sama ada dia rela berkahwin dengan seorang janda yang mempunyai seorang anak kecil. Asang merasa itu tidak menjadi masalah dan bersetuju dengan cadangan mereka. Pilihan Asang bererti dia terpaksa mengundur daripada BEM kerana mereka mempunyai peraturan bahawa seorang misionari tidak boleh berkahwin dengan gadis tempatan. Asang berkeputusan bahawa dia dipanggil untuk melayani di Borneo, dan bukan satu organisasi. Baik atau buruk di jalannya akan ditanggung bersama Tuhan yang memanggil dia.

Wanita yang akan dikahwini oleh Asang bernama Konih yang tanpa diketahuinya sudah pernah dia memikul bakulnya. Ibu Konih yang bernama Gumboyed berkahwin dengan seorang Cina. Bapanya meninggal dunia sejak dia berumur hanya empat tahun. Konih mempunyai lima adik beradik dan bapanya berjualan di sebuah kedai runcit yang kecil. Hanya Konih dan abang sulungnya hidup dan yang lain meninggal dunia.

Konih sempat menerima pendidikan selama dua tahun sebelum perang dunia kedua tercetus dan tinggal bersama sanak saudaranya di Nampasan. Apabila dewasa, dia ke Ranau untuk bekerja sebagai pemasak dan pengasuh bayi. Seorang pemuda Cina yang bernama Kingit tertarik dengan Konih. Ibu bapanya mendekati sanak saudara Konih dan kemudian mereka bertemu dengan Gumboyed, ibu Konih. Gumboyed bersetuju dengan perkahwinan itu dan

mereka berkahwin setelah hantaran dihantar.

Enam tahun kemudian, bayi mereka Lidia dilahirkan. Gumboyed kemudian menjadi Kristian dan membimbing Konih mengenal Tuhan Yesus.

“Abang Kingit, Tuhan Yesus mengasihi kita dan mati di kayu salib demi dosa kita...Adakah abang ingin mengenal-Nya,” tanya Konih.

“Tidak...jangan kau berani percaya...,” tegas Kingit.

Konih tidak mengungkit hal ini. Kingit meninggal dunia dua bulan kemudian akibat sakit perut parah. Konih mulai menghadiri gereja dan tiga bulan kemudian dibaptiskan. Suatu hari Konih membawa Lidia ke gereja.

“Siapa nama bayi yang comel ini?” tanya Asang.

Konih ketawa dan memberitahu Asang, “Saya menamakan anak saya Ugau yang dalam bahasa kami bererti anak kecil yang disayangi atau ‘amoi’ bererti perempuan dalam bahasa Cina. Asang sering dipanggil untuk memberi nama bagi anak kecil orang Dusun. Dia mencadang nama baru bagi Ugau.

“Suka tak dengan nama Lidia?” tanya Asang yang tidak tahu kelak dia akan menjadi ayahnya.

Sejak kematian Kingit, sungguhpun banyak orang ingin melamar Konih, semuanya ditolak. Bagi janda, pihak yang berminat tidak perlu berjumpa dengan keluarganya terlebih dahulu. Mereka boleh terus bertanya kepada Konih. Konih begitu sibuk mengusir mereka dan berazam dalam hatinya tidak berkahwin lagi.

Benar, dia tidak dapat menjelaskan perasaan hatinya bagi Asang malah ia agak berlainan. Berputik perasaan cinta bagi Asang datang secara alamiah.

Konih seorang peniaga yang berpengalaman baru berumur lapan belas tahun sewaktu suaminya meninggal dunia. Dengan gigih, dia berjalan sejauh 60 batu dari Ranau ke Tamparuli untuk berniaga. Dia membawa tembakau untuk bertukaran garam, gula, susu, sardin dan tin daging yang kemudian dibawanya kembali ke Ranau untuk

dijual. Perjalanannya memakan tiga hari perjalanan dan dia mengupah 10 pekerja untuk menolong dia. Sungguh, dia seorang wanita yang tahan lasak dan rajin berniaga.

Asang dan Konih bertunang selama setahun. Mereka bertemu beberapa kali kerana banyak waktu Asang di ladang penginjilan. Kesibukannya bererti mereka tidak banyak waktu untuk berkencan atau ‘dating.’

Pertemuan antara Asang dan Konih bukan di suasana yang romantik. Asang akan duduk bersantai di kedai Konih, minum segelas susu dan memerhatikan Konih menjahit baju. Konih menyuruh Lidia membelikan kuih bagi Asang, dan ibu serta anak akan makan di rumah Asang. Masakannya disediakan pemasak Asang.

“Asang perlu menunggu waktu yang lebih lama untuk mengahwini Konih kerana aku masih mahu dia menemani aku. Boleh enam bulan lagi?” kata Gumboyed, ibu Konih.

“Kalau boleh, saya mahu berumahtangga dengan Konih lebih cepat supaya dapat saya dapat menjaga Lidia juga,” minta Asang.

“Biarlah Lidia tinggal dengan aku agar aku tidak terlalu sepi,” ujar Gumboyed.

Rancangan untuk berkahwin dengan Konih bukan mudah. Asang terpaksa melalui beberapa bantahan daripada kawan-kawannya. Seorang kawannya dengan berkata bahawa keputusan Asang ini daripada setan, dan dia akan menyesal selama-lamanya. Seorang kawan lagi berkata Asang sudah menyangkal imannya dan berubah pendiriannya.

Asang dengan sabar membawa semua pandangan ini dalam doa. Walau bagaimana dalam hatinya, hanya ada satu kepastian bahawa Konihlah yang dimaksudkan Tuhan. Perasaannya terhadap Konih tidak luput sekalipun pelbagai cacian dilontarkan kawan-kawannya. Asang tidak berganjak dari keputusan untuk berkahwin dengan Konih; kawan-kawannya hanya dipengaruhi emosi melulu.

Setelah dua tahun, kawan-kawannya berubah pandangan mereka. Asang bergembira ketika menerima sepucuk surat yang

bernada penyesalan. “...Saya tahu sikap saya memang salah. Untuk ini saya meminta pengampunan daripada anda kerana sikap yang salah dalam hati mahupun minda saya...jadi ketidaksukaanku sebenar bercanggah-Nya.”

Walau perkahwinan Asang tidak dipersetujui banyak orang, kawan-kawannya yang setia tetap mendampingi.

Mereka berdua dijabkabolkan pada 22 Disember 1951 di gereja Parad. Asang kelihatan kemas dalam baju hitamnya dan Konih, anggun dalam baju pengantin yang dijahit sendiri. Penduduk Dusun bergembira melihat akhirnya pastor mereka beristeri dan berharap dia cepat-cepat diberkati anak-anak.

Lima ayam disembelih untuk jamuan di rumah Rentian masak ala Dusun. Asang dan Konih bermula rumahtangga baru di luar Parad, di rumah Asang.

Berkahwin dengan seorang wanita tempatan bererti Asang terpaksa berpisah dengan BEM kerana itu peraturan organisasi. Asang dengan tulus berkata, “Kami tetap bersatu dengan BEM dalam objektif-objektif dan pelayanan kami.” Walaupun Asang terpaksa melalui semuanya ini, hatinya tetap terpaut pada Tuhan Yesus. Panggilan-Nya ke ladang misi tidak bergoyah, orang Dusun tetap orang Dusun. Tidak pernah terlintas pada fikiran Asang untuk berpaling dan meninggalkan ladang pelayanan atau merasa kecil hati kerana BEM tidak lagi menerimanya sebagai misionari mereka.

Bagi Asang, ladang Injil dan domba-domba tetap sama. “Bersyukurlah kepada TUHAN, serukanlah nama-Nya, perkenalkanlah perbuatan-Nya di antara bangsa-bangsa! Bernyanyilah bagi-Nya, bermazmurlah bagi-Nya, percakapkanlah segala perbuatan-Nya yang ajaib! (Mazmur 105:1-2). Bagi Asang, “Setiap orang yang siap untuk membajak tetapi menoleh ke belakang, tidak layak untuk kerajaan Tuhan” (Lukas 9:62).

BAB 13 TAGINAMBUR



Menanam padi kering di lerengan bukit di Parad tidak mudah dan tidak menghasilkan padi yang banyak. Tuhan Maha Tahu mempunyai rancangan yang indah bagi umat-Nya, segelintir keluarga akan berpindah dan memulakan hidup yang baru di tempat yang dielakkan penduduk lain kerana tempat itu pernah tertimpa musibah.

“Tuan-tuan dan puan-puan, adalah lebih baik, kalian menanam padi di tanah yang lain kerana menanam padi di lerengan bukit susah lagipula sedikit hasilnya. Muka bumi di sini berbukit bukau dan tak mudah. Hanya kalian rela pergi ke tempat lain, contohnya batu sepuluh, tentu tidak susah sebegini. Sana kalian boleh menanam

padi di sawah,” nasihat pegawai kerajaan.

Semua penduduk mendengar ceramah dan nasihat itu sambil mengangguk-angguk seakan-akan mereka bersetuju berpindah. Niat berpindah memang kuat tetapi setelah edaran waktu, mereka masih berat melangkah lagi kerana masih tercengkam perasaan takut.

“Ya, ya, menanam padi di tanah rendah lebih baik dan mudah. Kita akan mendapat hasil yang lebih lumayan,” kata mereka tetapi tidak ada orang mahu mengorak langkah pertama.

“Saya dengar-dengar tempat itu ada hantu!” kata seorang penduduk, bulu romanya naik segera.

“Benarkah itu! Saya dengar-dengar banyak orang mati pada tahun 1905 dan saya rasa lebih baik kita tetap di sini saja. Janganlah kita pergi nanti keluarga kita kena serangan roh-roh jahat di sana, dan pupus,” kata seorang penduduk lagi.

Penduduk Parad berbincang tentang hal ini sehingga mereka mengigil dalam ketakutan. Sebenarnya pada tahun 1905, tulah cacar telah meragut nyawa banyak penduduk di sana. Sisa penduduk yang tertinggal pun berpindah ke tempat lain dan sejak itu khabar angin merebak tentang tempat itu—penghunian sarang iblis kejam yang suka membunuh.

Pada suatu hari, ketua kampung yang bernama Gopog bercakap dengan Asang, “Kami sudah banyak bercakap-cakap tentang berpindah dari tempat ini, dan sebenarnya kami sudah pun mengambil keputusan berpindah, tetapi kami masih tetap di sini. Asang, kalau awak datang bersama kami, saya akan cadangkan kita berpindah tahun ini juga.”

“Saya rasa cadangan awak bagus, biar saya buat pertimbangan dulu,” kata Asang.

“Usah khuatir tak ada tempat pastor Asang, kami sudah ada tanah lapang dan sesuai untuk bercucuk tanam,” kata Rentian.

Akhirnya Asang bersetuju berpindah dengan penduduk-penduduk di sini. Keputusan ini merupakan peristiwa yang bersejarah bagi penduduk di sini. Tempat ini sepuluh batu daripada Kota Belud dan dikenali sebagai Taginambur, dan sebilangan kecil tinggal di

sini adalah beragama animisme; mereka sangat takut menyinggung roh-roh alam.

Katak besar! Lari, jangan ganggunya, ada roh jahat. Jangan terserempak dengan lipan nanti keluarga tertimpa sesuatu yang tidak baik. Tangguhkan perjalanan atau perniagaan kalau ternampak serangga aneh. Jangan keluar menabur hari ini, ada tanda sial sering mewarnai rasa dan fikiran mereka.

Pada suatu pagi April 1951, peristiwa berpindah ke kampung Taginambur yang terletak di batu sepuluh bermula. Hampir sepuluh keluarga berani mengorak langkah ke sana dan menjadikan tempat ini kampung halaman baru mereka.

“Adakah nyawa mereka akan diragut iblis jahat?” tanya seorang jiran.

“Berani sungguh! O tersilap langkah mereka ni,” sahut seorang lagi.

Perjalanan menuju ke tempat ini bukan sesuatu yang mudah dan memakan dua hari satu malam. Penduduk di kampung Parap melihat kawan-kawan mereka yang berani dengan penuh tanda tanya. Dengan penuh keyakinan, mereka pergi sambil membawa bekalan nasi dan beg pakaian. Perjalanan ini memang penuh dengan cabaran dan mereka terpaksa menempuh penuh kegigihan.

Setelah berjalan berbatu-batu, lembu mereka yang lelah mula mengamuk dan bersikap degil.

“Lembu-lembu kita sudah mengamuk...,” kata seorang penghuni apabila melihat lembu-lembu mereka berdegil dan tidak mahu berjalan.

Sejenak lembu-lembu itu membebaskan diri dan berlari ke hutan. Mereka mengejar dan mencari lembu-lembu ini tetapi tidak dapat dijumpai. Cengkerik-cengkerik mulai berbunyi dan embun malam menitis namun ekor-ekor lembu-lembu pun tidak muncul-muncul. Dengan lelah, mereka berbaring di jambatan yang tergantung di atas sungai Pomotodum tanpa memperdulikan gigitan nyamuk dan tikus-tikus yang berdansa dan berdandut sepanjang malam.

Malam itu rembulan pun menyinari wajah mereka yang lelah namun mereka kelihatan tenang. Beberapa orang lena tertidur malahan berdengkur.

“Amboinya, indahya tempat ini,” kata salah seorang daripada mereka ketika melayang padangan ke tempat yang ditujui mereka di seberang sungai Kadamaian keesokan pagi. Langit dihiasi awam serta beberapa bintang yang pudar oleh kesiangan, dan bunga bermekar indah. Periuk kera dan rafflesia seakan-akan menyambut kedatangan mereka ke tempat yang baru.

“Indahnya banjaran...lagi indahya Gunung Kinabalu,” berseru seorang lagi ketika menghayati keindahan yang dikurniakan Pencipta kita.

Tempat baru mereka sungguh indah, banjaran menjulang apalagi keagungan ciptaan Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara pemberian agung daripada Tuhan yang luarbiasa. Tidak salahlah kalau mereka berpindah ke tempat yang sudah tercipta indah ini. Tanahnya luas, hutan menghijau, sungai-sungainya jernih dan gunung-ganang indah.

“Tebalnya hutan ini!” kata seorang sambil menghayung parangnya untuk mengibaskan rumput.

Mereka terpaksa meredah semak yang tebal dan berjalan merentasi jalan berbekak yang cukup menyukarkan. Kerap, gigitan nyamuk teramat gatal.

“Wah! ada durian, langsung, tarap, bundu dan kelapa-kelapa tersembunyi di sini!” teriak seorang lagi dengan gembira.

“Mari kita berjamuan dulu!” jerit seorang lagi.

Segera mereka bersinggah sementara untuk menikmati durian, langsung dan buah-buah yang lain sambil bersembang-semang. Hanya beberapa pondok usang kosong berselerakan di sini. Setelah mereka puas menikmati buah-buahan dan melegakan kehausan dengan air kelapa, mereka terus bekerja.

“Lihat, apa ni?” tanya seorang daripada rombongan mereka sambil menunjuk ke sebuah tempayan dengan parangnya.

“Tempayan-tempayan,” kata seorang lain sambil memerhatikan tempayan-tempayan yang tertanam separa.

“Ini tempayan-tempayan yang digunakan orang untuk menyimpan abu dan barang-barang yang punya si mati,” kata seorang yang lebih berpengetahuan dalam kebudayaan penduduk sini.

Beratusan nyawa telah mati akibat wabak cacar terbukti oleh tempayan-tempayan yang tertinggal itu. Dengan perubahan moden, mereka mungkin terselamat dari maut dan malapetaka seperti ini tidak akan meragut nyawa mereka.

Asang tiba beberapa minggu kemudian dengan membawa tenda-tenda tentera yang dicarinya di Labuan. Mereka mulai membuat perlindungan dengan tenda-tenda ini. Sepuluh keluarga ini bergotong royong, wanita dan kanak-kanak turut membina perlindungan mereka. Semua ini hanya khemah sementara kerana mereka akan mengambil masa yang lebih panjang untuk membangun rumah panjang.

“Jambang! Setiap keluarga mesti ada jambang sendiri, kita tidak boleh berkongsi jambang,” kata Asang kepada semua orang.

“Saya rasa jambang sendiri lebih bersih, kita masing-masing menjaga kebersihan jambang sendiri,” sahut seorang wanita.

“Kita akan membangun sebuah gereja di tengah-tengah dua rumah panjang kita,” cadang Asang.

“Bagus, kami bersetuju gereja mesti berada di tengah-tengah rumah panjang kita,” ujar beberapa orang.

Dengan penuh semangat, sepuluh keluarga ini membangun dua rumah panjang di tepi sungai. Rumah panjang ini dibuat daripada buluh dan beratap daun rumbia daripada pohon sago. Rumah panjang ini dari semasa ke semasa akan bertambah lebih panjang lagi. Keluarga baru yang mahu berpindah ke sini hanya perlu mendirikan tiga dinding di sini di tepi bilik terakhir.

Penghuni-penghuni dua rumah panjang itu juga bertambah apabila bayi-bayi baru dilahirkan di rumah panjang ini. Asang dan Konih yang tinggal di sini melahirkan bayi mereka di sini. Suasana di kampung yang pada suatu ketika sunyi senyap kini meria dengan

gelak tawa dan tangisan kanak-kanak.

Kekayaan alam di sini juga menyediakan makanan bagi mereka. Ikan-ikan lalang cepat berenang, burung bangau terbang melayang, anak-anak Tuhan mesti berusaha untuk mendapat makanan. Mereka dengan rajin telah menanam padi mereka yang pertama agar mereka tidak perlu kembali ke Parad untuk membeli beras.

Padi yang beremasan melambai-lambai menceritakan kerajinan dan kejayaan penduduk di sini. Tuaian mereka tidak sempat sampai ke meja makan kerana beribu-burung datang menyerang padi mereka sebelum mereka menuainya. Setelah burung itu memakan padi ini, penduduk membiarkan tangkai-tangkainya di bendang sahaja. Padi ini bertumbuh semula dan tuaian bertambah lumayan.

“Saya dengar-dengar warga di batu sepuluh tidak diserang iblis atau roh-roh jahat!” kata seorang penduduk kampung di Parap kepada kawannya.

“Saya mendengar malahan tuaian mereka lumayan sehingga mereka tidak perlu ke sini untuk membeli beras,” sahut kawannya.

“Kira-kira mereka ada azimat apa ya atau siapa bobolian mereka?” tanya seorang lagi.

“Mereka tidak ada azimat atau bobolian tapi saya mendengar Tuhan mereka Maha Kuasa dan iblis akan sujud menyembah-Nya atau berlari. Nama-Nya Yesus,” kata seorang penduduk lain.

Asang mengambil berat bukan saja keperluan jasmani tetapi juga keperluan rohani penduduk kampung baru ini. Dia bekerja rapat dengan ketua kampung Gopog untuk mengurus kampung ini. Dari sewaktu ke sewaktu, Asang akan menulis surat kepada kawannya Harry Cooper untuk menceritakan keadaan pelayanan dan kerohanian gereja Dusun ini. Harry Cooper sering berdoa dan mendukung Asang dalam pelayanan walau belum pernah ke Sabah.

“Saya seperti tidak pernah kekurangan pekerjaan. Undangan untuk berkhotbah datang bertubi-tubi. Tidak lama lagi penduduk di sini akan menanam kacang tanah untuk menyara kehidupan mereka melalui jualan kacang, minyak, sabun, kapas dan kain; begitulah

harapan saya bagi mereka. Kita semua miskin papa tetapi sangat kaya dalam iman. Semua ini tidak dapat dilakukan dalam satu tahun, Harry. Terusan untuk pengairan ialah tugas pertama yang besar bagi tahun depan setelah tuaian. Kami juga ada sebidang tanah indah untuk membangunkan gereja kami tetapi buat masa ini hati merekalah yang perlu digembalakan.”

Sewaktu Asang menulis surat ini, Tuhan sedang menyiapkan seorang rakan bagi ladang Injil, namanya Don Wellings. Lima hari kemudian, Don tiba di Jesselton, dan tanpa diduganya, dia terserempak dengan seorang yang penting, Asang. Tanpa diketahui Asang, Don pernah menjadi askar tentera Australia di Borneo. Setelah perang, dia terbeban kembali ke Borneo untuk memberitakan Injil.

Setiba di pejabat pos, Don gembira melihat seorang mat salleh berada di sana juga.

“Apa khabar? Saya Don dari Australia,” kata Don sambil menghulurkan tangan kepada Asang.

Asang pun mengundang Don untuk makan tengah hari. Lima hari kemudian, mereka menikmati daging babi liar dan nasi bersama-sama di Taginambur. Sambil makan, Don melayang pandangan kepada para petani yang sedang menghimpun longgokan tuaian padi mereka. Tungkus lumus mereka telah diberkati oleh Tuhan dengan limpah.

Don semakin suka akan penduduk Dusun dan suasana di kampung, dan pada akhir bulan itu dia mengambil keputusan menetap di sana. Dia ingin bekerjasama dengan Asang untuk memberitakan Injil dan mengajar firman Tuhan, lagipula Asang memerlukan pertolongan. Segera, dia membuat rancangan untuk membawa isteri dan kedua-dua anaknya yang comel untuk tinggal bersamanya di Taginambur.

Pada suatu hari Asang menerima sepucuk surat dari Draycott. Dalam surat ini abangnya Eddie ingin menjualkan kebun yang diwarisi mereka daripada datuk mereka yang sudah pergi ke sisi Tuhan. Setelah itu, ladang pun dijual setelah Asang bersetuju dengan keputusannya.

Dengan wang bahagiannya, Asang memulakan sesuatu yang mendatangkan sumber kewangan bagi penduduk Dusun di sini. Dia sudah lama berimpian memulakan sebuah papan kilang di sini dan kini kesempatan sudah tiba. Wang sebanyak RM1240 sudah cukup untuk membeli enjin yang diperlukan kilang papan. Asang menempah enjin ini dari luar negeri dengan segera.

Kehidupan penduduk Taginambur semakin bertambah baik dan maju. Kerajaan bekerjasama dengan penduduk di sini untuk membina satu jalan bagi memudahkan kegiatan urus niaga penduduk di sini. Asang bukan hanya pastor yang baik tetapi dia pandai mengurus dan mengerahkan penduduk kampung untuk memajukan kehidupan sosial dan ekonomi mereka. Walau bagaimanapun “Jikalau bukan TUHAN yang membangun rumah, sia-sialah usaha orang yang membangunnya; jikalau bukan TUHAN yang mengawal kota, sia-sialah pengawal berjaga-jaga” (Mazmur 127:1).



Don dan Joan Welling serta anak-anak mereka.

BAB 14 GRACE MAHU TINGGAL DI BORNEO



Asang, Konih dan Grace sekeluarga.

“**M**ak! Apa terjadi kepada kakimu?” tanya Asang sambil memeluk ibunya yang kembali ke Taginambur setelah beberapa edaran waktu.

“Mak, hampir-hampir jatuh sewaktu di Pulau Pinang, kalau kawan saya tidak menadah saya, entah-entahlah apa yang akan terjadi sekiranya saya terpeleket ke dalam longkang itu...hampir tiga kaki dalamnya! Akan tetapi kaki saya terpelecok dan kena balut,” kata Grace yang masih ceria.

“Aduh sakitnya,” keluh Grace apabila satu urat menarik kakinya.

“Hati-hati mak...” kata Asang sambil memegang tangan ibunya.

Pergelangan kaki Grace terpaksa dibalut. Grace White yang rindu akan Asang dan orang Dusun telah datang ke Sabah walaupun doktornya tidak memberi izin. Grace ingin sekali untuk tinggal di Sabah sehingga akhir hayatnya dan telah menjualkan semua hartanya. Semua alat keperluan dibawanya ke Taginambur.

Segera Asang membangun sebuah rumah yang dibuat daripada kayu bagi ibunya. Tidak lama lagi, Grace akan bergembira kerana dia akan menimang cucu. Bayi hasil perkongsian kehidupan Asang dan Konih mencerahkan kehidupan rumahtangga mereka pada September 1952. Anak yang ceria ini pernah menderita penyakit yang pernah mengjangkiti dua bayi lain yang meninggal akibatnya. Delia bertumbuh menjadi anak yang ceria dan suka menolong ibunya menjahit.



Asang, Grace dan Konih di luar rumah mereka.

Lembayung pelangi indah tidak selalu mewarnai kehidupan Asang kadangkala dia merana kesakitan. Tuhan yang Maha Hadir mengawasi segala yang terjadi dalam hidupnya. Tiada sesuatu yang terjadi tanpa pengetahuan-Nya.

Grace selaku ibu mertua, ibu dan nenek sibuk sekali menghulurkan rawatan daripada bekalan ubat apabila anggota keluarganya jatuh sakit. Suatu kali Asang dijangkiti bisul yang menghalangi dia menggunakan tangannya dengan bebas. Juga, satu serpihan besi panas pernah masuk ke dalam matanya sedang dia menajamkan peralatannya tetapi tiada luka yang parah.

Menjelang akhir tahun 1952, Asang sekeluarga menghadapi penderitaan yang bertubi-tubi. Anak mereka Delia dimasukkan ke dalam hospital kerana gastrik perut, Asang menderita sakit urat pinggang dan Konih juga dimasukkan ke dalam hospital untuk beberapa jangka waktu.

Walau bagaimanapun Asang sekeluarga mengalami kebaikan dan kekuatan Tuhan di tengah-tengah semua ujian ini. “Apabila engkau menyeberang melalui air, Aku akan menyertai engkau, atau melalui sungai-sungai, engkau tidak akan dihanyutkan, apabila engkau berjalan melalui api, engkau tidak akan dihanguskan, dan nyala api tidak akan membakar engkau” (Yesaya 43:2).

Gereja mereka semakin berkembang sehingga Asang dan Konih terpaksa berpindah agar mereka dapat memperbesarkan gereja. Rumah baru mereka dekat kilang papan gerej, sederhana tetapi selesai.

Selangkah Iman Bagi Cik Nell



Semina atau Cik Nell seorang guru yang penyayang di Sekolah Rendah Ingeris Taginambur pada tahun 50's dan 60's.

Di luar dugaan Asang, Tuhan akan mengirim seorang guru besar kepada sekolah yang akan didirikan sebuah sekolah bagi orang Dusun. Kerinduan Asang agar anak-anak di kalangan orang Dusun dididik dengan baik sejajar dengan kehendak Tuhan. Anak-anak kecil juga seperti domba-domba kecil yang sesat dan memerlukan bimbingan. Tuaiannya memang banyak di kalangan orang dewasa mahupun kanak-kanak.

Jauh di suatu sudut di Australia, Tuhan Yesus mempunyai rancangan indah bagi orang Dusun. Cik Nell yang dipanggil, berkorbar-korbar dan tidak sabar-sabar pergi memberitakan Injil. Tuhan akan meluruskan jalan di depan Cik Nell tanpa diketahuinya.

Di dalam kesepian saat itu, Cik Nell berdoa dengan hati yang kecewa dan berterus terang kepada Tuhan. Saat ini dia tidak sadar, “Seperti tingginya langit dari bumi, demikianlah tingginya jalan-Ku dari jalanmu dan rancangan-Ku dari rancanganmu” (Yesaya 55:9.). Dalam rancangan Tuhan yang lebih tinggi, Dia sedang merancang sesuatu jauh di luar pengertian Cik Nell.

“Tuhan, tentu Engkau tidak memanggil aku dan kemudian sengaja mengejek aku. Bukankah bimbingan Engkau memang ke Borneo? Jadi Tuhan Yesus, sekarang apakah harus kubuat? Aku tidak percaya ini hasil muktamad Engkau.”

Apa yang terjadi kepada Cik Nell?

Pada bulan September, Nell Young sedang bercuti di Wagga Wagga ketika dia mendengar Tuhan berfirman kepadanya secara peribadi melalui seorang pengkhotbah. Dia sedang berkhotbah daripada “Telah cukup lamanya kamu berjalan keliling pergunungan ini, beloklah sekarang ke utara”(Ulangan 2:3). Nell sudah lama mempertimbangkan ke arah mana misinya...dia mentafsir gunung sebagai halangan ke tanah perjanjian dan dia seakan-akan sedang mengelilingi gunung-ganang ini. Petunjuk-Nya ialah ke arah utara Australia, Borneo.

Bimbingan bagi Nell Young sungguh ajaib. Setelah beberapa minggu, selalu ada perkataan segar daripada Tuhan yang datang membimbing dia. Setelah beberapa tanda pernyataan, Nell Young yakin Tuhan Yesus telah memanggil dia ke Kalimantan untuk melayani bersama WEC. Sewaktu dia menghadiri kursus linguistik, Nell menderita insomnia, tidak dapat tidur dan kelihatan pucat.

Ketika salah satu anggota jawatankuasa melihat mata Cik Nell yang berlingkaran gelap seperti beruang panda, dia berfikir Cik Nell tidak mungkin ada kegigihan menghadapi cabaran di Borneo yang memerlukan seseorang yang berperibadian tegap dan sihat.

“Cik Nell, kami merasa awak tidak memiliki daya tahan untuk hidup di cuaca tropikal,” kata salah satu anggota jawatan kuasa WEC dengan wajah yang sedih.

“Ya, kami merasa awak lebih baik tinggal di pejabat dan menolong kami mengurus WEC. Pelayanan di Kalimantan memerlukan daya tahan tubuh yang cukup tinggi. Agak sulitlah pekerjaan di sana dan kami takut kesihatanmu...” kata seorang anggota yang lain.

Di sudut Australia yang sepi ini, Cik Nell mengimbas apa yang dikatakan oleh ketua WEC, dan hatinya bagai tertusuk jarum. Dia percaya itu bukan kata terakhir daripada Tuhan; dia perlu berikhtiar lain. Tentu saja dalam kehendak Tuhan ada rancangan misi yang indah bagi Nell yang rindu melayani.

Kemudian, Nell teringat kawan-kawannya, Joan dan Don Wellings yang ke misi di Borneo tanpa menerusi pertubuhan misi. Mungkinkah Nell melangkah tanpa diutus oleh pertubuhan misi?

“Wah, mereka seperti bapa Abraham yang berangkat tanpa mengetahui ke mana mereka dipanggil! Mereka memang mengambil selangkah iman bagi misi. Dapatkah aku melakukan demikian?” renungi Nell akan hal ini.

Nell merenungi kisah hidup Abraham. “Berfirmanlah TUHAN kepada Abram: “Pergilah dari negerimu dan daripada sanak saudaramu dan dari rumah bapamu ini ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu; Aku akan membuat engkau menjadi bangsa yang besar, dan memberkati engkau serta membuat namamu masyhur dan engkau akan menjadi berkat” (Kejadian 12:1-2). Luarbiasalah, selangkah iman telah menjadikan Abram bapa kepada bangsa yang besar, bahkan daripada Abram datanglah Juruselamat.

“Hanya satu langkah iman saja,” bisik Nell dalam kekudusan saat itu.

Semasa Nell merenungi kisah Abraham, hatinya semakin diperkuatkan untuk misi yang disediakan Tuhan baginya. Ya, hanya selangkah iman dapat menolong orang iman menggapai bintang-bintang bagi Tuhan. Bagi Cik Nell, bintang yang ingin digapainya

ialah diutus ke ladang misi.

“Baik saya mengambil satu langkah iman dan menulis kepada mereka dan menanyakan keadaan mereka di sana, jenis pelayanan yang dilakukan oleh mereka, dan jenis pelayanan yang mungkin aku lakukan di sana,” kata Nell kepada diri sendiri.

Siapa tahu, langkah seiman yang diambil oleh cik Nell akan menggapai bintang bagi bukan hanya rancangan Tuhan bagi dirinya tetapi juga kanak-kanak di kalangan orang Dusun. Begitu banyak anak yang memerlukan bimbingan rohani dan pendidikan akan dijangkau oleh Nell. Mereka sedang bermain masak-masak di tengah-tengah hutan Borneo, menangkap ikan, mencari serangga dan ada pula menerjun ke sungai yang dingin. Cik Nell belum mendengar gelak tawa mereka di hutan dan cara mereka bermain masak-masak.

Nell pun segera mengirim surat itu dan menantikan jawapan daripada mereka. Bulan Disember memang baginya bagi bergerak dalam terowong yang gelap kerana jawapan datang teramat lambat, maktumlah surat siput babi. Kemungkinan pergi ke Borneo digelapi oleh awan keraguan dan semua kelihatan seakan-akan satu panggilan yang mustahil.

Tuhan yang memanggil dia adalah Tuhan Abraham walaupun penantiannya lama tetapi rancangan-Nya tidak dapat dihindari oleh apa apa pun, tiada yang mustahil. Suara Tuhan kepada Cik Nell datang dengan jelas lagi. Sewaktu Nell membaca Lukas 1:45 pada Disember 8, 1952, Tuhan berkata kepadanya, “Dan berbahagialah dia, yang telah percaya, sebab apa yang dikatakan kepadanya daripada Tuhan, akan terlaksana” (Lukas 1:45).

Suara kecil Tuhan memberi pengharapan kepada Cik Nell sehingga dia menari-nari dan menyanyi dalam keyakinan. Dia begitu yakin Tuhan akan membimbing dia ke dalam ladang pelayanan dan tidak ada yang boleh menghalangi kehendak-Nya.

Surat yang dinanti-nantikan sekian lama sudah tiba di tangan Cik Nell. Surat yang istimewa ini datang dari Kota Belud, Borneo

Utara. Dia membaca surat itu dengan teliti dan penuh pengharapan. Manusia mungkin berfikir dia tidak sesuai di ladang misi tetapi Tuhan tahu yang terbaik.

Adakah surat ini akan menghampakan Cik Nell lagi?

Nada surat ini bersifat berhati-hati tetapi penjelasan tentang kesempatan melayani di misi Borneo sungguh jelas. Surat ini menjelaskan bahawa pelayanan di sini masih dalam peringkat permulaan. Kalau Cik Nell ingin ke sana, dia harus begitu pasti itu memang bimbingan daripada Tuhan Yesus. Bagi Nell yang menerima bimbingan daripada Tuhan, hal ini tidak perlu didoakan lagi. Keyakinan akan ladang pelayanan ini datang dengan segera daripada Tuhan tanpa setitik keraguan.

Walau bagaimana pun, Cik Nell kemudian berdoa dan menunggu di hadirat Tuhan sebelum menjawab mereka. Apabila surat itu tiba di Jesselton, Asang tidak menunggu lagi, dia segera membawa surat itu kepada Ahli Jawatan Kuasa. Don dan Joan menulis kepada Cik Nell mengenai hal ini sehingga bimbingan Tuhan kepada Cik Nell semakin jelas baginya.

SEKOLAH BARU

Kedatangan Cik Nell bererti kedatangan sekolah baru.

“Pastor Asang, saya merasa anak-anak di sini perlu dididik. Bolehkah kita membangun sebuah sekolah?” tanya Cik Nell yang terbeban untuk anak-anak Dusun yang comel-comel setelah beberapa lama menetap di sini.

Asang dan pemimpin-pemimpin sangat bersetuju dengan cadangannya. Ibu bapa anak-anak Dusun memang sangat mengasihi anak-anak mereka. Mereka akan menceritakan cerita dongeng kepada anak-anak mereka pada waktu lapang atau sewaktu mendodoi mereka. Cadangan membangun sebuah sekolah membuat ibu bapa sangat gembira dan memberi pengharapan baru bagi anak-anak mereka.

Cik Nell belajar bahasa Dusun dengan penuh semangat sementara Asang mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan sekolah itu. Asang memilih sebidang tanah berdekatan sawah padi, dan kemudian keuntungan daripada hasil jualan padi digunakan untuk mendirikan kelas bagi sekolah itu.

Gotong Royong

Seluruh kampung pun bergotong royong membersihkan tanah ini dengan parang. Pembersihan ini mengambil sepuluh jam dan enam minggu kemudian mereka membakar tempat itu. Mereka berkeringatan dan bertungkus lumus di bawah cahaya mentari yang terik.

“Booom...”kedengaran satu letupan kuat.

“Asang! Api!” teriak seorang budak.

“Air...cepat! siram air! cepat-cepat siram,” teriak Asang kepada Don dan dua pemuda yang ditugaskan untuk menyirami air ke atas atap rumah Don sekira api menjilat.

Setelah api terpadam semua orang dapat merasa kawasan itu sungguh panas.

“Ada satay!” teriak beberapa budak kecil ketika mereka menemukan binatang yang terbakar di sana dan dagingnya sedap dimakan. Kebakaran kecil ini juga memberi berkat jamuan bagi beberapa budak kecil yang berada di sana, agaknya satay rusa atau ular. Asang melihat anak-anak kecil ini sambil tersenyum dengan kecomelan, mereka seperti dia pada waktu kecil, berminat pada segalanya.

Lelaki daripada setiap keluarga akan memberi satu hari untuk bekerjasama dengan Asang dalam menggapai impian mereka untuk membina sebuah sekolah baru bagi kampung mereka. Hampir sepuluh hingga dua belas orang lelaki akan bertungkus lumus bersama Asang untuk pembinaan sekolah ini.

Setiap orang dibahagikan tugas: ada yang menolong Asang

di papan kilang, ada yang menebang pokok, dan yang lain bersama Don di tapak pembinaan. Semangat bergotong royong dan bekerjasama sebagai satu tubuh Kristus menjadi gambaran tepat bagi umat Kristian di sini. Kesatuan sudah semakin sehati dalam mereka apabila mereka tahu mereka satu dalam tubuh Kristus.

Apabila Asang menoleh keluar dari jendela sekolah ini, dia tersenyum kepuasan. Angin sepoi-sepoi membelai wajah Asang yang agak lelah setelah bekerja kuat. Puji Tuhan atas kerjasama yang baik dan sungguh bermakna ini sebab dari sekolah ini akan lahir anak-anak yang dididik baik dan takut akan Tuhan.

Sekolah ini dibina menurut peraturan yang diletakkan oleh pemerintah dan lantainya diperbuat daripada balak; jendelanya boleh dibuka dan ditolak ke luar serta didukung oleh sebatang kayu. Ini memberi suasana yang selesa bagi kelas kerana angin meniup ke dalam kelas, akan tetapi apabila berhujan, terpaksa mereka menutup semua jendela dan kelas menjadi agak gelap. Almari disediakan di belakang kelas dan papan hitam juga diberikan kepada setiap kelas.

BAB 15

PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG TERLATIH



Asang, Konih, Grace, Semina dan para pemimpin yang membawa Injil ke kampung sekitar.

“**B**eritakanlah firman, siap sedialah baik atau tidak baik waktunya, nyatakanlah apa yang salah, tegurlah dan nasihatilah dengan segala kesabaran dan pengajaran” (2 Timotius 4:2). Sepanjang waktu, Asang akan melatih pemimpin seperti rasul Paulus. Injil merebak begitu cepat kerana pemimpin-pemimpin yang terlatih berkorbar-korbar bagi Injil.

Asang bukan jenis pemimpin yang lupakan pelayanan penting

khususnya melatih pemimpin-pemimpin sekalipun sibuk membina bangunan sekolah. Strategi melatih para pemimpin bagai merancang pelan bangunan. Di Taginambur, Asang mengajar pemimpin-pemimpin dan deakon tentang selok belok berkhotbah. Segera, mereka ini menjadi penginjil-penginjil utama yang mampu menyampaikan khutbah mudah dengan penuh berkuasa.

Ajaibnya, Roh Kudus telah memakai khutbah murid-murid Asang yang mudah ini untuk memenangi penduduk kampung secara beramai-ramai. Firman Tuhan disampaikan dengan sederhana tetapi Roh Kudus berkarya dengan luarbiasa.

Mereka belajar daripada Asang seperti yang tertulis, “Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain” (2 Timotius 2:2). Semakin hari semakin pemimpin-pemimpin ini menjadi lebih mahir dengan tugas penginjilan dan pengajaran mereka.

Kerja penginjilan yang dilakukan oleh para pemimpin Dusun menuntut kesungguhan dan kegigihan mereka. Mereka mesti berjalan kaki beberapa hari, merentasi hutan, mengharungi sungai, dan mendaki bukit. Seringkali kaki mereka disarungi lintah yang menghisap darah dan sungguh menggatalakan.

Pemimpin-pemimpin ini tidak begitu fasih dalam Bahasa Indonesia tetapi mereka perlu menggunakannya kerana ini satu-satunya terjemahan Alkitab yang lengkap. Mereka berusaha sebaik mungkin untuk memahami Alkitab dan Bahasa Indonesia mereka pun semakin bagus.

Bukti-bukti kegigihan deakon dan pemimpin-pemimpin ini jelas tertulis dalam diari para misionari di sini.

“Dua minggu sebelum natal pada tahun 1953, Sombuoi, Gimpton dengan usaha sendiri dan tanpa dorongan misionari telah mengunjungi beberapa kampung ke Timur termasuk Sayap dan Terintiden. Izin telah diberikan oleh kerajaan kepada Asang walaupun kampung ini dipelihara oleh kerajaan dalam keadaan asalnya.

Sombuoi dan Gimpoton tinggal di sana selama empat atau lima hari. Injil tidak pernah menjangkau tempat ini kerana di sini juga tempat persembunyian penjahat-penjahat yang menceburi diri dalam kancah kejahatan; oleh sebab itu, untuk pergi ke kampung ini cukup sulit. Tempat ini penuh dengan lalang yang setinggi lima kaki dan sangat licin pada hari hujan.”

Mereka tidak takut kerana mereka sudah mendoakan penduduk tempat ini selama beberapa bulan dan selalu memohon agar Tuhan menyalurkan hati mereka untuk menerima injil.

Kampung Sayap, Sombuoi dan Gimpoton sungguh miskin, dan penduduk di sini hidup dalam serba kekurangan. Penginjil-penginjil terpaksa membongkok badan apabila masuk ke dalam rumah kerana atapnya sangat rendah. Rumah mereka juga gelap. Mereka sungguh miskin sehingga tiada tikar bagi tetamu mereka. Makanan di sini juga sangat kurang. Musim tuaian menjelang tetapi Sombuoi dan Gimpoton tetap tinggal di sini untuk menyampaikan berita baik tanpa mengkhawatirkan sumber kehidupan mereka.

Tuhan Yesus menjawab doa mereka dengan limpah ruah— jauh daripada apa yang dapat dibayangkan. Tujuh puluh lapan orang menerima Kristus. Walau bagaimana pun, empat orang berpatah balik dan memilih tetap menjadi kafir apabila diancam oleh yang lain agar tidak membakar azimat mereka. Kemudian, ketika dalam perjalanan pulang, Sombuoi dan Gimpoton bersinggah di Torintidon; di sini dua puluh satu orang menjadi Kristian.

Pemimpin-pemimpin yang dilatih oleh Asang ini ternyata tahan lasak dan seperti Asang mereka merasa terhutang Injil kepada penduduk di kampung-kampung lain. Kemudian, mereka pergi ke satu kampung kecil yang hanya ada tiga orang Kristian. Jadi, jumlah orang yang percaya hampir seratus orang.

Menjelang Natal 15 penduduk kampung meninggalkan padi mereka yang sedang menguning. Burung-burung yang sedang memerhatikan padi, mengambil kesempatan untuk berpesta. 15 petani ini telah datang ke Batu Sepuluh untuk merayakan Natal yang

bertema Tuhan mengutus Anak-Nya yang tunggal untuk menjadi Juruselamat dunia ini. Ya, mereka begitu berapi-api bagai api hutan dan ingin mengenal Tuhan Yesus dengan lebih akrab.

Pemimpin-pemimpin ini sungguh matang, Sombuoi dan Gimpoton menggembalakan mereka dengan mahir. Tempat tinggal mereka juga disediakan dan cara bersopan santun juga diajari kepada mereka. Kristian-kristian yang baru ini berbaris untuk bersalaman dengan Asang dan para misionari.

Jelas, tetamu yang datang untuk merayakan natal sudah lama hidup bergelung kesusahan. Gigi depan mereka sudah tertanggal, rambut mereka kusut. Mereka penduduk yang sudah bersemuka kemiskinan, ini jelas terlukis pada pakaian mereka. Mereka berjabat tangan dengan mesra dan menjadi saudara seiman yang akrab.

Sombuoi dan Gimpoton percaya seperti rasul Paulus, “Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil, kerana Injil adalah kekuatan Tuhan yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani” (Roma 1:16). Keyakinan mereka yang kukuh telah mendatangkan anugerah kepada orang yang tinggal dalam kegelapan di pedalaman dan tempat yang sulit dijangkau!

Pengalaman yang seperti di Sayap juga dialami oleh pemimpin-pemimpin lain. Seorang pemimpin yang bernama Rentian juga menerima undangan daripada seorang lelaki dari kampung Bayayat untuk datang menjelaskan maksud mengikut Kristus. Tanpa berlengah-lengah lagi, dia segera berangkat di situ dengan penuh doa.

Pengalamannya hampir sama dengan rasul Paulus yang menerima undangan daripada seorang dari Makedonia. “Pada malam harinya tampaklah oleh Paulus suatu penglihatan: ada seorang Makedonia berdiri di situ dan berseru kepadanya, katanya, “Menyeberangilah ke mari dan tolonglah kami” (Kisah Para Rasul 16:9).

Akibat daripada kunjungan Rentian, tiga orang datang

beribadat pada hari minggu. Mereka membawa tiga puluh orang yang baru percaya bersama mereka. Tiga orang ini kemudian membawa hampir empat puluh orang kepada Tuhan Yesus. Kelaparan penduduk di Bayayat untuk firman Tuhan telah membuat mereka meminta agar Asang mengutus beberapa pemimpin untuk mengajar mereka di sana.

Kelaparan untuk mengenal Tuhan semakin ketara di kampung-kampung. Undangan lepas undangan diterima dari pelbagai pelosok kampung untuk datang mengajar firman Tuhan. Sebuah kampung yang dipanggil Gaur mengundang Don Wellington untuk datang berkhotbah dan hasil khutbahnya, sepasangan suami isteri menjadi Kristian.

Enam bulan kemudian undangan dari Gaur datang lagi, Gopog pun membawa bersamanya seorang pemuda untuk berkhotbah. Mukjizat, terjadi dan memang Roh Kudus sudah menyiapkan hati penduduk ini untuk menerima Tuhan Yesus. Kunjungan ini menghasilkan pertaubatan, lapan belas keluarga menerima Tuhan dan setiap keluarga mempunyai lapan anggota dalam keluarga. Dua penginjil kembali ke Batu Sepuluh, mereka sangat lelah tetapi penuh dengan pujian atas anugerah Tuhan yang besar.

Puji Tuhan, pertengahan 1950 memang satu waktu menuai bagi Asang, misionari dan pemimpin yang lain. Secara ajaib, kampung Batu Sepuluh merupakan benih-benih yang terjatuh dalam tanah subur. Yang paling menggalakkan Asang ialah pemimpin-pemimpin yang dilatihnya mulai berbuah lebat khususnya para deakon.

Injil merebak cepat kerana khutbah mereka yang sederhana penuh dengan kuasa Roh Kudus. Bejana yang sederhana, Berita Baik yang tulus, dan kuasa Roh Kuduslah kuasa penyelamatan bagi penduduk di sini



Asang, Grace dan para murid daripada Sekolah Deakon.

BAB 16

PERKEMBANGAN PELAYANAN



Semina dan murid-muridnya di sekolah Taginambur.

“**H**ai anaku, perhatikanlah hikmatku, arahkanlah telingamu kepada kepandaian yang kuajarkan” (Amsal 5:1). Itulah kerinduan Semina ketika dia melangkah untuk mengajar sekelas murid-murid yang begitu rindu belajar. Burung-burung berkicauan ceria dan sinaran mentari di antara celah daun seakan-akan menceritakan pengharapan bagi kanak-kanak Dusun ini.

“Tasu!” sebut semua anak apabila mereka melihat gambar anjing.

“Duku!” kata kelas apabila seekor anjing kecil ditunjukkannya.

“Sada!” seru mereka apabila Cik Nell bergerak seperti ikan leleh dalam kolam.

“Tembolog!” apabila Cik Nell mengangkat tangannya bagai burung yang berterbangan tinggi.

“Kusai!” apabila Cik Nell tunjuk jarinya kepada seorang lelaki.

Cik Nell mencatat perkataan Dusun daripada kelas murid Dusun sambil mengajar bahasa Inggeris. Sebenarnya saat ini dia juga murid yang sedang belajar Bahasa Dusun tanpa disedari guru-gurunya! Guru-gurunya begitu teruja untuk memberitahu dia sebutan dalam Bahasa Dusun.

“Dog!” semua murid menyebutnya dalam bahasa Inggeris setelah mendengar sebutan daripada Cik Nell.

“Cat!” ajar Cik Nell lalu dia menyebut “Meow, meow” dan membuat murid-muridnya ketawa.

Cik Nell ingin kanak-kanak ini mendewasa dengan pengetahuan am yang baik dan dididik dalam firman-Nya. Alangkah indahya kalau anak-anak orang Dusun tahu ertinya, “Kasihilah Tuhan, Tuhanmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” (Ulangan 6:5).

Biasanya dia akan memulakan pelajaran hari itu dengan doa dan kemudian menyampaikan cerita sebelum mereka belajar membaca, menulis, dan menghitung. Doanya mengajar anak-anak untuk bersandar kepada Tuhan bagi pelajarannya.

Demi menjamin mutu pendidikan, Asang dan para pemimpin berkeputusan membatasi jumlah murid. Mereka berkeputusan mereka yang berumur antara dua belas dan enam belas mesti diberikan peluang terlebih dahulu untuk mendapat pendidikan beberapa tahun sebelum mereka keluar bekerja. Walau bagaimanapun, umur belajar akan direndahkan agar murid-murid kecil dapat belajar juga.

Hari yang meriah menjelang, perasmian sekolah disambut hangat oleh penduduk kampung. Cik Lewen, Pegawai Pendidikan Kerajaan telah merasmikan sekolah ini dan Pegawai Daerah juga hadir. Asang tersenyum gembira, akhirnya impian mereka untuk sebuah sekolah bagi penduduk di sini menjadi kenyataan. Dia sungguh bersyukur kerana tanpa pertolongan penduduk Dusun, tidak mungkin kerja dapat disiapkan begitu cepat sekalipun kemahiran pertukangannya memang tidak dapat disangkal.

Tanpa disedari mereka, aturan jadual sekolah yang mengambil pertimbangan akan keperluan para murid untuk menolong ibu bapa mereka di ladang padi akhirnya menghasilkan jadual yang sejajar jadual sekolah di Australia. Anak-anak petani mengambil waktu daripada pelajaran mereka untuk menolong ibu bapa mereka pada bulan Mei untuk menyiapkan sawah padi. September mereka mencabut lalang, dan akhir Disember hingga permulaan Februari mereka menuai. Cik Nell bersenyum manis lalu berkata, “Cantik, seperti jadual di Australia.”

Segala urusan kerajaan, aturan bangunan sekolah, dan hal mengupah guru-guru diuruskan oleh Asang. Sekolah itu bermula dengan empat puluh orang murid yang dibahagikan kepada beberapa tingkat. Bagi murid yang lebih kecil, sekolah mereka bermula dari 8 pagi hingga 12.30 petang, dan setengah jam berehat. Kemudian, mereka akan bersambung belajar Bahasa Inggeris. Kadangkala kerajaan memberi susu tepung. Tegar sekali, tepungnya kering sehingga tidak diminati murid-murid yang sering berkata, “keras bagai batu!”

Malah, mengajar anak-anak Dusun tidak terlalu susah kerana mereka tidak banyak berbising dan sopan. Murid-murid ini tahu kalau orang lain sedang bercakap mereka tidak patut bercakap. Pada waktu lapang, murid-murid ini akan bermain bola, bergelut di padang, berenang di sungai, dan memetik buah-buahan.

Pelajaran mereka tidak hanya terbatas dalam kelas, mereka juga dilengkapi kemahiran hidup. Don mengajar mereka cara

memelihara taman bunga; Asang mengasah kemahiran pertukangan tangan mereka; Joan membimbing mereka cara menyanyi. Seorang penduduk dari kampung yang lain mengajar mereka cara menganyam bakul, dan Nell mengajar mereka cara menjahit. Pelajaran mereka diimbangi dengan pelajaran-pelajaran praktis yang kelak menolong murid arif dengan tangan mereka.

Nell dan Grace menjadi kawan yang baik. Mereka sering berdoa untuk murid-murid yang menghadiri sekolah ini agar mereka mengenal Tuhan Yesus secara peribadi dan mendewasa dalam iman. Kedua-duanya juga sering berdoa bagi gereja dan penginjilan di kampung-kampung.

Bangunan sekolah ini juga digunakan oleh gereja baru yang sedang menantikan bangunan baru. Suasana sekolah ini sungguh meriah sepanjang minggu. Anak-anak yang belajar di sekolah juga kembali untuk mengikut sekolah minggu. Kampung yang pernah suatu ketika tidak diminati penduduk kini menjadi meriah dan hidup.



Sekolah pertama pada tahun 1955.

Perkembangan Gereja



Pertumbuhan gereja menjamur bagi daerah yang belum ada umat Kristian. Dengan hati yang penuh kesyukuran kepada Tuhan, pada Mei 1954 Asang melaporkan 953 orang menghadiri ibadah Natal, dan 650 orang menghadiri Hari Kebangkitan Yesus. Apabila gereja baru telah disiapkan pada tahun 1956, Alan Belcher mendedikasi gereja ini dengan kehadiran 1,000 anggota gereja.

Pada tahun 1950, daerah Taginambur menjadi daerah yang mengalami pembaharuan dalam kehidupan sosial. Penduduk di sini mulai membangun rumah papan kerana kilang papan menyediakan yang diperlukan untuk pembinaan.

“Pastor Asang, padi basah terbukti lebih baik daripada padi kering,” kata seorang penduduk yang begitu gembira dengan hasil mereka.

“Puji Tuhan Yesus atas segala anugerahnya...dulu kita takut ke tempat ini...tetapi iman dan keberanian telah memberi kemenangan,” jawab kawannya.

Selain sumbangan rohani dalam kehidupan orang Dusun,

Asang sangat mementingkan ketepatan waktu. Dia selalu menekankan kepentingan datang “on time” di kalangan penduduk Dusun. Mereka semakin sadar “Beritish time Asang” benar juga sebab banyak kerja dapat dilakukan lebih cepat jika mereka sampai tepat waktunya ataupun lebih baik lebih awal.

Semua perkembangan ini tidak akan bererti apa-apa kalau penduduk Dusun tidak mengenal Tuhan Yesus dan masih hidup dalam ketakutan akan roh-roh alam. Yang terpenting ialah keyakinan penduduk di sini akan Injil, “Dan bukan itu saja! Kita malah bermegah dalam Tuhan oleh Yesus Kristus, Tuhan kita, sebab oleh Dia kita telah menerima pendamaian itu” (Roma 5:11). Asang dan pemimpin-pemimpin juga banyak memberi kaunseling kepada yang mereka yang sering kemabukan.

Kota Yang Bagai Lampu Bersinar

Perkembangan Taginambur dari sudut kerohanian dan sosialnya, mengingatkan orang Kristian akan kata-kata Tuhan Yesus, “Kamu adalah terang dunia.” Sesungguhnya kota ini bagai kota yang terletak di atas gunung dan yang tidak mungkin tersembunyi. “Kamu adalah terang dunia. Kota yang terletak di atas gunung tidak mungkin tersembunyi...Demikianlah hendaknya terangmu bercahaya di depan orang, supaya mereka melihat perbuatanmu yang baik dan memuliakan Bapamu yang di syurga” (Matius 5:14-16).

Kemajuan Taginambur menjadi kesaksian akan kebaikan Tuhan kepada penduduk kampung sekitarnya. Ternyata roh-roh jahat yang akan muncul meragut nyawa mereka sudah lenyap. Kampung ini tidak lagi memanggil bobolian untuk berkumat kamit sebaliknya banyak yang mengakui Yesus sebagai Raja atas segala raja. Tanah untuk menabur Injil menjadi semakin subur ketika deakon-deakon yang dilatih oleh Asang mengingat kebenaran firman-Nya dan mengajar kepada orang lain.

Saat Manis Dan Susah

Pelayanan dan kehidupan tersulam saat susah dan manis bagi Asang. Berkat tuaian kacang tanah yang diusahakan oleh Asang dan penduduk di sini sungguh menggembirakan mereka pada pertengahan tahun 1955. Walau bagaimana pun Tuhan tidak menjanjikan cuaca selalu cerah dan cabaran hidup menyerang bagai awan gelap dan petir ngeri.

“Asang!” teriak beberapa penduduk kampung.

“Kenapa ini? Kenapa begitu cemas?” tanya Asang.

“Jamba...jamba...jambatan yang kita bina sudah lenyap... air bah besar sudah meruntuhkan semua balak jambatan ini...” kata mereka dengan airmata bergelincangan.

“Sekarang jip tak boleh masuk!” kata seorang lagi dengan sedih.

Ujian ke atas kehidupan Asang datang bersilih ganti. Pada Oktober 1955, Asang telah dijangkiti penyakit Malaria yang virusnya cukup kuat sehingga semua ubat tidak mujarab. Saat ini Asang dapat menyelami seruan raja Daud dalam Mazmur 142. “Dengan nyaring aku berseru-seru kepada TUHAN, dengan nyaring aku memohon kepada TUHAN” (Mazmur 142:1).

“Jenis virus yang menjangkiti awak ini pun tidak dapat dimatikan oleh camoquin yang padahal ubat yang terkini,” kata seorang misionari.

Asang menderita penyakit ini dan dengan pertolongan daripada Pencipta langit dan bumi, dia disembuhkan sehingga dapat keluar dari hospital. Tuhan masih mempunyai banyak rencana di depannya dan belumlah waktu pergi ke sisi Tuhan.

Tuhan Boleh Menggunakan Orang Kurang Sempurna

Tidak semua orang yang menyertai Asang berpendidikan tinggi ataupun berstatus tinggi dalam masyarakat. Segala kesederhanaan mereka tidak menjadi halangan bagi Tuhan. Kehidupan kudus dan kuasa Roh Kudus telah menjanakan satu rombongan pengikut Kristus yang mendatangkan kerajaan-Nya di bumi. “Jika seorang menyucikan dirinya dari hal-hal yang jahat, ia menjadi perabot rumah untuk maksud yang mulia, dia dikuduskan, dipandang layak untuk dipakai tuannya dan disediakan untuk setiap pekerjaan yang mulia” (2 Timotius 2:21).

Walaupun Mandaris tidak selalu tajam fikiran, Tuhan telah menggunakannya dengan hebat. Acapkali apabila dia membuka mulutnya untuk menyebut sesuatu, dia berkata “Er..er..eh...eh...” sebelum menjelaskannya. “Er...er...er...langit mendung...er...er..agak mahu hujan.”

“Er...er...eh...eh...dan...dan...,” saya sudah lupa apa yang dikatakan oleh saudara tadi, belok ke jalan ini atau itu?

“Tanya orang lain,” ujar Asang.

Apabila dia ingin ke Kota Tagaroh, dia sering berhenti di sepanjang jalan untuk menanyakan arah tetapi lupa sesaat kemudian. Jadi mereka terpaksa berhenti beberapa kali sebelum sampai ke Kota Tagaroh. Ingatannya tidak terlalu baik namun dia kuat melayani dan bersama Asang telah pergi ke banyak kampung.

Suatu kali, mereka berdua berangkat untuk berjumpa pengurus Langkom Rubber Estate. Langit semakin kelam dan suram, angin menderu dan kelihatan kemungkinan besar akan berhujan. Suatu hal yang ketara ialah pada waktu itu tiada telefon bimbit mahupun telefon untuk memberitahu pengurus akan kedatangan mereka.

“Bagaimana ni, dia tidak ada?” kata Asang kepada Mandaris.

“Sudah malam...Bagaimana? Kita tidak dapat pulang...”

tidak ada tempat untuk menginap pula...er, er, er...Bagaimana Asang?” tanya Mandaris dengan suara yang gelisah.

Sewaktu mereka berjalan-jalan mencari tempat, malam semakin larut. Hujan mencurah. Tiada pondok di sekelilingnya dan mereka seperti dua domba yang sesat. Akhirnya, tanpa pilihan lain, kelelahan membuat mereka bermalam di tepi sungai dengan berbantal batu!

“Apa? Kalian berbantal batu dan tidur berdekatan sungai? Jangan lakukannya lagi! Sungguh berbahaya,” nasihat Andrew Veitch kepada Asang dan Mandaris.

“Ya, kami datang ke sini tetapi diberitahu awak sedang bercuti di tempat lain,” kata Asang kepada pengurus ini.”

“Tapi, jangan, jangan lakukan ini lagi Asang, ayuh mari kita pergi ke rumahku untuk bersarapan,” kata Andrew.

Malam itu berhujan lebat, mereka berdua tidur di bawah payung kerana perjalanan balik agak jauh. Puji Tuhan, atas tangan-Nya yang melindungi Asang dan Mandaris. “Orang yang duduk dalam lindungan Maha Tinggi dan bermalam dalam naungan Yang Maha Kuasa akan berkata kepada TUHAN: “Tempat perlindunganku dan kubu pertahananku, Tuhanku yang kupercayai” (Mazmur 91:1-2).

Kopi, telur dan roti melegakan tubuh Asang dan Mandaris yang menggigil semalaman di tepi sungai. Andrew Veitch yang masih hairan, terhibur hati ketika melihat mereka menghirup kopi. Kesegaran pagi ini serta kopi yang hangat alang berbeza dengan kedinginan semalaman.

Pembinaan Gereja Baru



Bagaimana pula Asang dan para pemimpin membina gereja yang terpampang di atas bukit? Mustahilkah?

Usaha membina gereja di bukit tidak mudah; mereka terpaksa membanting tulang meratakan puncak bukit itu. Tanpa peralatan canggih, dan dengan hanya beralatkan tajak mereka berjaya meratakannya. Selain itu, mereka juga membelah balak menurut ukurannya dengan alat sederhana. Perkembangan pembinaan gereja ini terhenti sebentar kerana musim tuaian. Tambahan juga Asang tidak terlalu sihat.

“Dengar nasihat saya, jangan angkat barang berat. Buat sementara awak harus hidup tenang, lebih bersantai. Jangan angkat papan atau ketuk, ketuk ya,” kata doktor kepada Asang.

Perayaan Natal telah diadakan dalam gereja yang belum siap, anggota gereja yang berjumlah 600 orang terpaksa dipadatkan seperti ikan-ikan dalam tin sardin. Suasana mesra dan semangat ibadat membuat mereka melupakan kepanasan. Semangat menyanyi jemaah sungguh mengharukan kalau dibanding dengan ketakutan mereka pada suatu ketika.

Hari ini deakon-deakon menceritakan peristiwa yang terjadi pada waktu kelahiran Kristus, dan Asang pula membuka mata rohani mereka untuk melihat bahawa kelahiran ajaib ini sudah dinubuatkan para nabi dalam Perjanjian Lama.

“Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Tuhan yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai” (Yesaya 9:5). Mereka tidak pernah mendengar bahawa Kinorohingan ini sudah dijanjikan kedatangannya dari mana-mana.

Walapun gereja hanya separa siap, perayaan Natal dirayakan dengan makna penuh. Menjelang Hari Kebangkitan Yesus 1956, atap gereja sudah dibina. Walau bagaimana pun, dinding gereja belum disiap, jadi anggota gereja duduk di atas batu dan pahatan pokok. Kehadiran di ibadat “Jumaat Agung” 600 orang, Irau 900 orang, dan pada hari itu 33 dibaptiskan.

“Buku nyanyian kita sudah tiba. Kita amat bersyukur kepada teman misionari di Kuching yang mencetak 500 buku ini dan memberi kepada kita sebagai persembahan kasih,” umun Asang kepada jemaah di Taginambur.

Di tengah-tengah semua aktiviti ini, cahaya mata Asang yang kedua dilahirkan, bukan seorang bayi lelaki seperti yang diduga. Bayi yang comel ini disambut dengan gembira dan dinamakan sebagai Rosmie Anne. Penduduk-penduduk Dusun ini suka melihat bayi kacukan yang comel ini. Kini Lidia dan Delia boleh bermain dengan adik yang lebih kecil.

Akhirnya, saat yang dinanti-nantikan sudah tiba, bangunan gereja sudah didirikan dan didedikasikan oleh Alan Belcher. Seribu anggota gereja telah menghadiri kebaktian dalam gereja yang dianggarkan berjumlah \$600, harga ini termasuk harga sebuah organ berjenama dari Jepun.

Gereja Batu Sepuluh merayakan perasmian gereja dengan penuh ucapan syukur kerana bangunan ini titik peluh mereka

sendiri. Mereka telah mengumpulkan dana untuk membina gereja ini. Segelintir Kristian dari Ranau telah menghulurkan wang kasih kepada mereka. Gereja ini mempunyai lantai simen, dan dinding separuh simen dan separuh dawai. Tempat duduknya berbentuk bangku. Tak sangka gereja ini boleh bertahan lasak selama dua puluh lima tahun.

Kemudian, Hari Natal yang berikutnya pada tahun 1957 dihadiri oleh hampir 1,000 orang. Pada waktu ini, Asang mulai mencari domba-domba di daerah baru iaitu di Kota Marudu dan Kudat kerana dia merasa pelayanan di Taginambur sudah agak kukuh. Asang berharap agar kerajaan akan mengembang di kawasan lain juga.

Perkembangan Sekolah Selanjutnya



Sekolah yang didirikan mereka semakin maju dan bertumbuh tetapi tenaga pengajar tetap hanya Cik Nell sahaja. Tenaga pengajar sepenuh masa untuk menolong Cik Nell sungguh diperlukan, dan tepat waktu

ini Tuhan memanggil seorang wanita Australia yang muda yang bernama Margaret Jean Symoms kepada anak-anak sekolah ini.

Cik Nell mencerita dengan gembira mengenai wanita ini.

“Margaret dan saya pernah mengajar di ‘Asburn Public School.’ Kami tinggal berdekatan stesen keretapi yang sama, jadi kami sering menaiki keretapi yang sama setiap pagi ke Asburn, dan memulakan suatu pengenalan yang tidak sangka akan menjadi lebih akrab kemudian.

Setahun kemudian atau lebih lama lagi, dia dipindahkan ke sebuah kota. Di sana, suatu peristiwa mengubah hidup dan membimbing dia mengenal Tuhan. Sejurus itu, dia masuk ke kolej Alkitab Misionari Kroydon. Ketika dia masih menuntut di sana, keluarga Wellings pulang bercuti dan mengunjungi kolej tersebut dan menyampaikan tentang misi di Taginambur. Dia menjelaskan tentang sekolah rendah yang telah dibuka sejak 1955, dan menekankan bahawa mereka sedang berusaha mengurus tujuh hingga lapan tingkat dalam satu kelas, dan betapa perlunya guru penolong dalam sekolah ini. Don meminta agar mahasiswa berdoa orang yang diperlukan akan mentaati dan pergi ke Taginambur. Tuhan bersabda dengan begitu jelas kepada Margaret yang mulai mencari tahu dengan lebih lanjut lagi. Pada waktu yang sama Margaret pun menulis kepada saya, memperbaharui persahabatan kami dan memberi penjelasan bahawa dia sudi datang seandainya Tuhan memastikan kehendak-Nya kepadanya.

Margaret kemudian yakin akan hal ini dan saya sebenarnya sedang berharap dia dapat datang ke Borneo pada permulaan 1958 kerana saya sedang merancang percutian saya kerana sudah lima tahun di sini. Walau bagaimana pun pastor gereja Margaret menasihatinya agar jangan berangkat ke negara yang belum dikenalnya dengan segera kerana mengurus sekolah itu sendiri mungkin terlalu berat baginya.

Jadi Margaret menunggu hingga Maret 1959, dan menaiki kapal ke sini awal April. Dia kemudian dengan segera belajar Bahasa Malaysia dengan begitu rajin dan mula mengajar pada 10 May 1959. Begitu banyak anak kecil bermula persekolahan mereka dan Margaret mengajar 33 kanak di kelas satu sementara saya mengajar kelas dua hingga enam.”

Panggilan Tuhan bagi kehidupan Margaret ternyata membawa perubahan kepada kehidupan dan masa depan kanak-kanak di sini. Dia mengajar dan melayani dengan sabar di kalangan penduduk Dusun. Bersama dengan Cik Nell mereka menjadi rakan kerja yang baik dalam pelayanan kanak-kanak.

Cik Nell Juga Menginjil



Cik Nell Young yang dipanggil Semina oleh orang Dusun, juga giat memberitakan Injil bersama-sama anggota gereja, kadangkala mereka

akan ke tempat lain. Satu kampung yang diperginya bernama Tambatuon dan Asang pernah ke sana. Dia pernah merawat tangan seorang penduduk yang bernama Sabin pada tahun 1958. Walaupun Asang berusaha menyampaikan Injil, mereka tidak mahu percaya.

Pada tahun 1969, Nell Young berusaha lagi untuk memberita Injil di kampung ini.

“Alang baiknya kita membawa gramofon yang mempunyai piring hitam yang berisi cerita tentang Yesus dan lagu-lagu Dusun,” kata Nell kepada Encik Gidau Ramitan dan Encik Sembuoi.

“Ya, lagu-lagu Dusun ini merdu...tentu ini menarik bagi mereka dan akan membawa mereka kepada Kristus,” jawab mereka.

Mereka pun berangkat ke kampung Tambatuon untuk mengabarkan Injil dengan gramofon klasik mereka. Beberapa penduduk kampung datang mendengar lagu dalam Kadazan Dusun. Ceritanya juga dalam Bahasa Dusun...asyiknya orang Dusun mendengar kasih Tuhan Yesus yang meletakkan nyawa untuk mereka dalam bahasa sendiri. Berita ini jauh berbeza daripada cerita ngeri yang disampaikan bobolian.

“Merdunya suara penyanyinya,” terdengar desas desus daripada mereka yang berkumpul mendengar lagu-lagu daripada gramafon.

Duduk di tengah-tengah mereka, sepasang suami isteri yang berwajah suram. Akan tetapi, ketika mendengar lagu-lagu, wajah sayu mereka kelihatan lebih damai. Sebenarnya, mereka baru tertimpa tragedi dan hati mereka hancur berkecai. Dua anak mereka mati berturut-turut; bayangkan, anak bongsu dan seorang lagi anak sulung mereka mati. Perasaan pilu dan resah mereka mula terpujuk dengan kebenaran kasih Tuhan Yesus yang meletakkan nyawa-Nya bagi mereka.

Kehidupan penduduk di Tambatuon mulai berubah setelah mereka percaya akan Tuhan Yesus. Terang Kristus menyinari mereka sehingga mereka tidak lagi takut mengusahakan ladang baru. Kalau

dahulu mereka takut diburu oleh roh jahat dan terpaksa membawa persembahan kepada dewa Rogon, kini mereka berani. Mereka tahu Tuhan Yesus berkuasa atas segala roh jahat. Pencipta alam menjaga mereka seperti induk melindungi anak-anaknya di bawah sayapnya.

Anugerah Tuhan bergerak di kampung ini sehingga Dia telah membentuk dan memanggil seorang pemuda yang bernama Singkui Tinggi untuk menjadi penginjil di sini. Akibat penginjilannya, Injil semakin tersebar luas di kampung ini.

Cik Nell Sering Menulis Surat

Cik Nell sering menulis surat kepada pendukungnya yang berada di Australia. Bagi pendukung yang agak akrab, dia mencurahkan baik keluh kesah maupun kegembiraannya terhadap pelayanan dan masalah di ladang pelayanan.

Suasana dan perkembangan pelayanan semakin baik dan hal ini terbukti dalam sepucuk surat yang dituliskan oleh Cik Nell kepada para pendukungnya.

“Pekerjaan yang dimulakan oleh Pastor Trevor White sekitar lapan tahun yang lalu kini sudah kukuh. Dari sudut ekonomi, penduduk di sini lebih selesa dibandingkan keadaan dulu. Mereka belajar menanam padi basah yang mendatangkan keuntungan lebih besar berbanding dengan padi huma. Kini, mereka membina rumah yang tetap dan juga memulakan penanaman pokok getah. Kunjungan oleh staf rumah sakit setempat, dan saya yang tidak terlatih telah memperbaiki kesihatan penduduk di sini. Sekolah kami disukai oleh ibu bapa dan anak-anak. Pelayanan yang terpenting iaitu kerohanian penduduk di sini diserahkan dalam tangan para deakon dan dua pastor, seorang bertanggungjawab atas pelayanan di Taginambur, dan seorang lagi di kampung-kampung sekitar sini.”

Pergilah Ke Tagaroh

Apabila pekerjaan Taginambur semakin stabil, Asang mulai melayang pandangannya ke ladang yang lebih memerlukan pertolongan. Kampung Tagaroh menarik perhatian Asang pada tahun 1959 apabila ketua kampung mengundangnya ke sana.

Sejarah bagaimana Injil datang ke kota ini sungguh ajaib. Hasil permintaan pertolongan kepada Sulidan di Taginambur yang telah menyerahkan hatinya kepada Tuhan Yesus mencetuskan penginjilan di kampung ini. Permintaan untuk pertolongan datang dari kota Tagaroh hanya beberapa bulan setelah dia dibaptiskan.

Pistiwa ini seperti pengalaman rasul Paulus sewaktu menerima panggilan dari Makedonia untuk pergi ke sana dan memberitakan Injil. “Pada malam harinya tampaklah oleh Paulus suatu penglihatan: ada seorang Makedonia berdiri di situ dan berseru kepadanya, katanya: “Menyeberanglah ke mari dan tolonglah kami!” (Kisah Para Rasul 16:9)

Sepucuk surat datang kepada Encik Sulidan yang meminta agar beberapa orang Kristian dari kota Taginambur pergi ke kota Tagaroh.

“Abang Sulidan yang kami hormati.

Kami berharap abang dalam keadaan yang sihat walafiat dan gembira.

Abang, kami tahu abang sudah menerima Tuhan Yesus dan dibaptiskan di Taginambur. Kami ada beberapa keraguan yang perlu kami tanyakan abang, harap abang sudi menjawabnya dengan segera. Hati kami agak runsing.

Beberapa orang Kristian telah mengunjungi kota Tagaroh dan mereka mengajar bahawa orang Kristian tidak boleh makan daging pada hari Jumaat. Sekumpulan orang Kristian datang ke sini dan mengatakan kami tidak boleh sama sekali memakan daging. Kami tidak tahu siapa yang betul. Patutkah kami makan daging pada hari-hari yang lain selain hari Jumaat? Bolehkah kami makan daging?”

Setelah membaca surat itu, Sulidan bergegas untuk menanyakan

sesiapa yang rela pergi bersamanya ke kota Tagaroh untuk menolong penduduk Tagaroh yang sudah dikelirukan ajaran palsu daripada pelbagai golongan. Di samping itu, mereka begitu rela untuk belajar dan mendengar daripada firman Tuhan.

“Sulidan, kami bukan tidak mahu pergi bersama awak,” kata seorang kawan.

“Ya, kami perlu membina jambatan ini bagi memudahkan penduduk menyeberangi ke sana, tengoklah kerja kami berat dan memakan banyak waktu,” ujar seorang lagi.

Tanpa berlengah-lengah, Sulidan mengemaskan begnya dan bersama-sama isteri serta anaknya, mereka pergi ke kota Tagaroh. Dengan sungguh-sungguh, Sulidan berusaha menolong orang sini memahami Alkitab. Akibat usahanya, tiga rumahtangga bertaubat dan menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamatnya. Banyak penduduk lain ingin lebih banyak ajaran supaya mengenal Tuhan Yesus dengan lebih mendalam, Sulidan segera mengajar mereka.

Sulidan yang merasa tidak mampu melakukan tugas penginjilan sendiri kembali lagi ke Tagimnambur untuk meminta pertolongan lagi. Dia menceritakan tentang kehausan penduduk kota Tagaroh dan keperluan mereka akan ajaran yang sihat. Semua orang mendengar dengan simpati tetapi mereka merasa beban bahu untuk pelayanan di Taginambur sudah berat.

“Hanya kalau pemuda-pemudi di sini boleh menyambut panggilan ini dan mengajar penduduk di kampung selama beberapa minggu alang baiknya,” kata Sulidan.

Kesibukan di Taginambur menyebabkan mereka tidak dapat menyambut permintaan Sulidan. Sulidan tidak menunggu untuk penolong lagi, segera dia berpindah untuk tinggal di kota Tagaroh agar boleh melayani di situ.

Kesaksian Sulidan menunjukkan teladan yang rela berkorban dan meninggalkan kampung halaman yang selesa ke tempat yang baru demi Injil. Biarpun Sulidan separa pekak dan usianya agak lanjut tenaganya tidak surut. Dia sanggup berkorban apa sahaja tidak

kira sama ada hidup yang selesa asalkan dia boleh mengawasi dan menyampaikan kebenaran dan doktrin tepat kepada jemaah di kota Tagaroh.


Bagi yang rajin menabur, tuaian pasti ada. Usaha penginjilan Sulidan telah mengumpulkan seratus orang di gerejanya. Belas kasihan Sulidan membawa penduduk kampung Tagaroh kepada Tuhan Yesus sehingga kemelut doktrin kepercayaan tidak mengganggu mereka. Mudah benar mereka terperangkap ajaran palsu kalau tidak ada guru seperti Sulidan.

Ketua kampung Tagaroh mengundang Asang agar datang ke kampung Tagaroh kerana pekerjaan di Taginambur sudah agak stabil. Selain itu juga, kerajaan ingin Asang mengembangkan tanah yang berukuran 4,000 ekar seperti di Taginambur.

Kedatangan Asang ke kota Tagaroh disambut gembira oleh Sulidan. Kini, dia tidak perlu membanting tulang sendiri. Tanpa diketahui Asang dan Sulidan, Kota Tagaroh akan menjamur dengan gereja-gereja SIB dan sebuah pusat latihan bagi pemuda pemudi yang ingin latihan teologi akan wujud pada hari ini. Pusat Latihan ini diusahakan oleh SIB KL bersama SIB Sabah. Remaja-remaja diberi peluang berlajar Teologi dan yang dipanggil Tuahn akan melanjutkan pelajaran di MTS, Sabah.

BAB 17

DATANGLAH KE KOTA TAGAROH



Ketuni, Asang dan Kerangkas

“**P**astor, ini ikan bagi kamu,” kata seorang anggota gereja kepada pastor sebaik saja dia tiba ke ambang pintu.

“Pastor, sayur yang baru saya tuai dari kebun saya,” kata seorang anggota gereja sambil memberi pastor sebiji keladi, beberapa terong dan seikat paku parkis.

“Terima kasih banyak-banyak,” jawab pastor Lagadan dengan ucapan kesyukuran kepada Tuhan.

Selain kebaikan anggota gereja yang memberi dari sewaktu ke sewaktu, pastor-pastor di sini menerima padi dan sebidang tanah untuk bercucuk tanam. Anggota gereja mengambil giliran memberi

tiga hari dalam setahun untuk menolong Asang menanam dan menuai padi. Walau bagaimana pun, kadangkala ada yang tidak datang untuk menolong dan perlu dikerah.

Lagadan yang baru lulus dari Sekolah Alkitab Lawas menjadi pastor Taginambur selama setahun. Mandarisi pula sering berpergian bersama Asang untuk berkhotbah di kampung sekelilingnya. Gaji Mandarisi ditanggung sama rata oleh gereja-gereja yang dilayaninya. Gajinya berjumlah antara RM3 hingga RM6 seminggu. Selain gaji ini, penduduk kampung akan memberi ayam, itik atau ikan dari sewaktu ke sewaktu.

“Tetapi engkau telah mengikuti ajaranku, cara hidupku, pendirianku, imanku, kesabaranku, kasihku dan ketekunanku” (2 Timotius 3:10). Pastor tahu Asang Ating juga hidup sederhana seperti mereka, rendah hati dan bertekun demi kerajaan syurga. Mereka belajar mengutamakan kerajaan syurga lebih daripada keperluan peribadi mereka.

Satu Cabaran Rohani

Perkembangan Taginambur diperhatikan oleh pihak pemerintah sehingga Dato Durai menggalakkan penduduk-penduduk menanam getah kerana pendapatan getah lebih lumayan. Penduduk-penduduk di sini menerima cadangan ini demi meningkatkan taraf kehidupan mereka lagi.

Perkembangan kota Taginambur mendatangkan banyak perubahan kepada kehidupan. Tanpa disedari yang lain, Cik Nell yang peka mulai melihat satu tantangan yang berlawanan arus dengan kehidupan rohani mereka. Dia sering membawa hal ini dalam doa. Dia meminta bantuan doa daripada kawan-kawannya untuk mendoakan kota Taginambur kerana peningkatan taraf hidup bererti perhatian anggota Kristian mulai beralih ke hal-hal duniawi.

Dalam sepucuk surat doa pada 1962, Cik Nell menarik nafas

panjang lalu mencurahkan hatinya kepada kawan-kawannya.

“Kawan-kawan Dusun kita mulai bertambah kaya tetapi sedihnya mereka semakin kurang mengambil berat untuk mendengar dan melakukan selaras yang diperintahkan firman Tuhan. Urusan perniagaan mereka yang terkini ialah perniagaan kooperatif, ini tidak salah dan telah memberi mereka pengalaman menguruskan urusan sendiri, tentu ini baik sesuai dengan keadaan Malaysia yang semakin berkembang. Tetapi yang sedih ialah bagi kebanyakan mereka, dengan penambahan harta dan kewangan, kasih akan wang mencekik mereka, sehingga ada yang begitu mementingkan diri yang sebelum ini mereka tidak begitu. Kami memerlukan kuasa Tuhan untuk turun, menyucikan kami, memperbaharui kami, dan memberi kami penglihatan untuk melakukan yang baik di sini. Begitu banyak orang di negeri kecil ini yang belum mendengar maksud diperdamaikan dengan Tuhan, dan mengalami damai dalam hati mereka. Cukuplah penjelasanku. Bolehkah anda berdoa agar perkara yang ajaib dan agung akan dilakukan oleh Tuhan, bukan sahaja di Taginambur atau hanya di kalangan orang Dusun, tetapi di seluruh Borneo Utara ketika negara ini mengalami perubahan pemerintahannya?”

Lebih Baik Pulang Saja

Pelayanan di Tagaroh semakin maju dan mendesak; Asang memerlukan misionari yang rela menetap di sini. Apabila keluarga Rowland menyatakan keinginan ke Borneo sebagai misionari, Asang sangat gembira kerana tuaian banyak penuai sedikit.

Asang pergi ke Kota Tagaroh untuk menyiapkan sebidang tanah bagi pasangan: Elizabet dan Rowland Ranger. Dengan penuh semangat, Asang menyediakan semua keperluan mereka namun setelah Rowland menetap di kota Tagaroh selama lima bulan, dia mulai merasa pelayanan misionari tidak sesuai bagi dirinya. Lantas

itu, dia memohon untuk bekerja sebagai tukang kayu di Kudat.

Walau bagaimana pun menurut peraturan misi, mereka seharusnya bekerja bersama Asang atau pulang saja ke Australia. Kawan-kawan dan Asang berpendapat lebih baik keluarga Rowland pulang saja. Ternyata tidak semua misionari mampu melintas budaya atau menerima semua kesederhanaan menjadi misionari di Borneo. Cabaran dan kekurangan kemudahan menuntut kerelaan untuk mengorbankan keselesaan hidup.

Beberapa Peristiwa Bahaya

“Enaknya...” kata Asang ketika dia melihat cendawan-cendawan bertumbuhan segar di celah-celah balak.

“Biarlah aku memasak sup cendawan yang sedap,” kata Asang kerana perutnya sudah berkeroncongan.

Cendawan-cendawan yang bertumbuh di kayu balak ini sebenarnya beracun walaupun kelihatan seperti cendawan sedap yang sering dimakan penduduk Dusun. Ah, ini bukan cendawan yang bagus dan berkhasiat Asang!

“Aduh! Sakitnya kepalaku! Ya Tuhan, cendawan beracun! Tolonglah aku,” keluh Asang yang merasa seakan-akan maut berada di ambang pintunya.

Asang baru berumur lima puluh tahun, mujurlah Tuhan masih menetapkan banyak babak pelayanan baginya dan. Borneo masih memerlukannya...Tuhan melindungi Asang sehingga dia tidak mati keracunan. Sesungguhnya inilah pengalaman Asang, “Bila dia berseru kepada-Ku, Aku akan menyertai dia dalam kesesakan, Aku akan meluputkannya dan memuliakannya. Dengan panjang umur akan Kukenyangkan dia, dan akan Kuperlihatkan kepadanya keselamatan daripada-Ku” (Mazmur 91:15-16).

Tanpa disangkanya, Asang akan menghadapi satu peristiwa lagi yang hampir meragut nyawanya. Peristiwa ini cukup menakutkan

dan atas anugerah Tuhan, Asang tidak mati dan dipelihara tangan-Nya. Hari itu panas sehingga seperti rumput-rumput hampir nyala, dan air di sungai kelihatan jernih dan tenang tanpa buaya.

“Wah, airnya sungguh jernih...biarlah aku melegakan ototku yang lelah,” senyum Asang sambil menatap Sungai Kadamaian.

“Cebuk! Tolong! Tolong! Tolong!” Asang terperangkap dalam pusaran air.

Ternyata air itu bukan air tenang sebaliknya air berpusar yang boleh meragut nyawa. Sabin melompat ke dalam dan cuba menarik dia ke hilir tetapi tidak berjaya. Kemudian Pendiling melompat dan berenang ke hulu, dan berjaya kerana dia berenang menurut pusaran itu. Tangan Tuhan yang Maha Kuasa melindungi mereka dari maut kerana pusaran air sungai ini cukup ganas.

Sesungguhnya bagi Asang, Tuhan memang, “Dengan kepak-Nya Dia akan menundungi engkau, di bawah sayap-Nya engkau akan berlindung, kesetiaan-Nya ialah perisai dan pagar tembok” (Mazmur 91:4). Pertama kali Asang hampir mati lemas ketika melayari di Burnham pada tahun 1936, kali kedua sebelum perang di Trusan Sarawak, dan ini kali yang ketiga.

Percutian Ke Australia

Asang yang selalu sibuk menabur, mencabut lalang dan menuai jiwa-jiwa di ladang pelayanan jarang bersantai atau mengambil cuti. Pada Oktober 1962, dia bercuti ke Australia dan meluangkan waktu bersama dengan abang Nell. Kemudian, dia menetap dua minggu sebelum ke Tasmania dan Brisbane. Di Tasmania, dia tinggal bersama Ro Bewsher seorang misionari yang pernah melayani di Borneo.

Asang kembali ke Sabah dan tidak tinggal lama di Australia apabila ibunya mengirim surat tentang Konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia. Sukarno yang pandai berpidato meyakinkan Indonesia bahawa Sabah dan Sarawak seharusnya menjadi sebahagian daripada

Indonesia. Konflik konfrontasi ini berlarutan hampir tiga tahun. Dengan cemas, Asang pulang untuk memastikan segala sesuatu di sini baik-baik.

Kampung Gontung

Pelayanan di sini tetap berlangsung sekalipun Asang bercuti di Australia kerana para pemimpin sudah mantap, dan biasa melayani bersama-sama. Gilingan bertungkus lumus melayani di kampung Gontung. Sewaktu Asang pulang, Gilingan bersemangat mencerita tentang pelayanan di kampung Gontung.

“Kita boleh pergi ke sana lagi,” kata Asang yang tidak pernah lelah.

Meskipun kawasan itu tidak mudah dijangkau dan penuh lalang tebal yang dipanggil telinting, Asang tetap bersetuju untuk berangkat hari esok. Mentari yang seceria perasaan mereka bersinar terang pada hari mereka berangkat ke sana.

Walaupun cuaca begitu terang, perjalanan ke sana tidak mudah kerana jalannya sungguh licin akibat curahan hujan semalam. Mereka mendaki bukit sambil mengenggam akar belukar dan pepohon. Kasut mereka licin maka mereka selalu terpeleset. Gilingan menolong Asang dengan menariknya ke bukit apabila dia tergelincir lagi.

Embun pagi juga telah menyirami mereka sehingga basah kuyup, namun matahari terik segera mengeringkan mereka. Lalang yang tebal sering mencucuk mereka seakan-akan melarang mereka ke sana. Perjalanan yang mencabar ini memakan selama lima jam dan membuat mereka sungguh lapar.

“Pasti kalian sungguh lelah dan lapar, biar aku menyuruh isteri saya masak bagi kalian,” kata Pastor Agong seraya memberi air setiba mereka ke rumahnya.

Setelah minum air, Asang pergi bermandian di sungai. Kelaparan dan kepenatan telah membuat mereka makan dengan

tergopoh-gapah lalu tidur dengan nyenyak seperti bayi-bayi.

Esoknya, Gilingan membimbing ibadat. Asang berkhotbah tentang Paulus yang selalu bersyukur, berdoa dan memuliakan Tuhan walaupun berada dalam penjara. Yang ditekankan oleh Asang adalah kerelaan rasul Paulus untuk mengorbankan segala bagi Tuhan dan mengakhiri pertandingannya dengan baik. “Mengenai diriku, darahku sudah mulai dicurahkan sebagai persembahan dan saat kematianku sudah dekat. Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman,” (2 Timotius 4:6-7).

Setelah makan tengah hari, mereka kembali ke Taginambur. Lagi sekali mereka basah kuyup kerana bermandian hujan lebat. Mereka tergores oleh duri-duri dan belukar lagi. Asang tergelincir kerana jalannya terlalu licin. Perjalanan ini sungguh sukar namun demi memberitakan firman Tuhan mereka sanggup menderita.

Perkembangan terus dinikmati oleh kampung Taginambur. Kerajaan membina satu jalanraya, walau bagaimanapun kampung ini tetap tidak ada paip air mahupun bekalan elektrik atau talian telefon. Asang melayani dengan sepenuh hati tanpa membanding keadaan ini dengan tempat lain yang mempunyai kemudahan.

Demi pendidikan Delia, Asang dan Konih mengizinkan Delia ke Australia. Ibu bapa ini mengiringi Delia dengan doa. Asang bersyukur kepada Tuhan atas kebaikan Gordon dan Margaret Kennedy yang sudi menerima Delia tinggal bersama keluarga mereka. Delia rajin belajar demi masa depan yang cerah.

BAB 18

CUACA MURAM DI TAGINAMBUR



Gereja Taginambur yang bertahan lasak dari 1956 hingga 1981.

“**S**egala perkara dapat kutanggung di dalam Dia yang memberi kekuatan kepadaku” (Filipi 4:13). Saat kecewa dalam pelayanan ditanggung oleh Asang dengan kekuatan Tuhan yang selalu mendukung dia dengan tangan Penghiburan-Nya. Ketenangan dan panjang sabar tetap dialaminya di tengah-tengah kemuraman cuaca.

Mentari yang bersinar terang dan ceria segera digantikan dengan cuaca gelap di Taginambur. Sekepul awam perselisihan faham telah menggelapkan kerukunan jemaah. Perselisihan tercetus kerana perkara yang kecil yang tidak seharusnya menjadi hal yang besar kalau

tidak ada orang yang mengipaskan bara.

“Orang Dusun berbeza dialek walaupun dalam suku sama dan tidak selalu saling memahami dialek berlainan. Alang baiknya kalau kita ada buku nyanyian dalam pelbagai dialek Dusun. Kalau boleh, kita menterjemahnya supaya jemaah boleh menyanyi dalam bahasa masing-masing...lebih dekat hati mereka,” kata Asang.

“Saya berfikir lebih baik semua orang Dusun menyanyi daripada satu buku nyanyian yang sama. Usahlah menterjemah dalam pelbagai dialek,”kata seorang pemimpin yang tidak bersependapat.

“Ya, ya lebih baik,” bersetuju yang lain.

Suasana tegang segera mewarnai bilik mesyuarat mereka. Perkara ini menjadi keruh apabila beberapa orang lain menakung di air keruh ini sehingga beberapa tuduhan kecil dilontarkan terhadap Asang. Perselisihan faham ini mengecewakan Asang sehingga dia merasa seakan-akan ditolak. Terasa betapa dirinya diperkotak-katikkan yang dikasihinya.

Keluh kesah Nell Young dalam suratnya menggambarkan suasana muram ini.

“Menurut pandangan saya, gereja di daerah ini sedang mengalami kemurungan rohani yang paling teruk sekalipun seperti ada perubahan zahir. Persekutuan, pengunjungan ke kampung-kampung lain tetap dilakukan. Ya, kami seakan-akan ada bentuk kekudusan tetapi kurang kuasanya. Kami seperti gereja Laodikea yang kami kaya, sudah bertambah kaya, tetapi sebenarnya kami tiada apa-apa. Tentu menurut ukuran Dia, kami hanya yang miskin dan dikasihani, dan telanjang.

Hanya Roh Tuhan yang bekerja dalam hati kami dapat membangunkan kami daripada kelenaan kami, dan membuat kami kembali kepada Tuhan dengan hati yang bertaubat atas kegagalan kami. Betapa sia-sia usaha manusia untuk melaksanakan ini. Tentu saja, tiada masa lain seperti masa ini, masa kami sungguh memerlukan karya Roh Kudus di kalangan kami.”

Cik Nell menulis sedikit rahsia kepada kenalan akrabnya

untuk didoakan dengan ikhlas. Surat yang seperti ini tidak dikongsi kepada orang yang tidak terlalu dikenalnya.

“Selama ini, Encik Trevor White selalu memberi tanggungjawab kepada para pemimpin dan deakon gereja. Jauh-jauh hari sebelum gabungan Malaysia dan Sabah dan kemerdekaan, gereja sudah berdikari.”

Nada tulisan Cik Nell menjadi semakin murung. *“Beberapa dalam kalangan mereka mulai membentuk sikap congkak, beberapa, bukan semua pemimpin gereja. Pada bulan Juni, satu mesyuarat diadakan dan pada waktu ini sesiapa sahaja boleh mencurahkan perasaan mereka. Hari itu saya mengajar di sekolah maka saya tidak dapat menghadirinya tetapi saya diberitahu mereka mencurahkan perasaan mereka setiap kali Trevor memberi penjelasan yang munasabah kepada mereka.”*

Perselisihan faham para pemimpin membuat Asang merasa agak terbeban; dia memohon agar Alan Belcher mendamaikan mereka. Salah satu perkara yang dikemukakan ialah pengagihan balak di kilang papan.

Perkara-perkara yang dikemukakan cuma hal-hal kecil entahlah kenapa boleh menjadi begitu. Tiada lagi sebarang kata-kata daripada Asang kerana dia tidak suka menyeret isu-isu ini. Siapa dapat menduga luka dalam hati Asang apatah mereka sudah melayani bersama-sama selama tiga puluh tahun. Airmata yang menitis dalam biliknya siapa yang tahu?

“Usah kkuatirlah abang, saya membela babi,” kata Konih kepada Asang setelah gereja di Taginambur tidak lagi memberi beras dan sayur-mayur.

Konih rajin mengusahakan pemeliharaan babi. Babi-babi ini diberikan ubi keledek, dedaun taro, dan saki baki makanan.

“Wah, babi peliharaan awak gemuk-gemuk belaka dan berisi. Pasti awak berinya makanan berkhasiat,” gurau Kupung seorang Cina yang akan membeli babinya setiap kali ia mencapai berat 120 paun.

Undangan mendirikan kilang papan di Bongkud datang

kepada Asang. Dia bersetuju menolong ketua kampung di sana untuk mendirikan kilang papan itu. Inilah musim Asang terpaksa berjauhan daripada Konih, dan Grace yang semakin beruban dan uzur ingatannya. Sebagai isteri seorang penginjil, Konih memahami suaminya acap kali terpaksa berjauhan daripada keluarga.

Asang sungguh mengasihi dan menghargai Konih yang rajin dan sabar ini, dan rela bersama segala musim. Tiada sepatah perkataan pahit pernah disebut terhadap Asang yang sering berpergian untuk Injil. Dia mengasuh anak-anak mereka dengan setia, membela babi-babinya dengan baik, dan menjaga ibu mertuanya yang semakin uzur. Bersama Asang, dia merentasi ufuk hingga ke hari terakhir.

Asang mengukir senyuman penuh mesra dan dalam kolam matanya terbayang kasih sayang ketika ditanya tentang isterinya. “O Konih, biarpun ada yang menawar seguni emas untuk ditukar dengan Konih, saya tidak akan bersetuju. Walaupun umur dan pendidikan kami jauh berbeza, dia tidak pernah bersungut-sungut. Sekalipun saya terpaksa berpergian untuk waktu yang lama, kembali untuk waktu yang singkat dan kemudian pergi lagi, dia tetap rajin bekerja kadangkala sampai 18 jam.” Tercuit rasa hati pendengarnya namun mereka mengagumi pasangan ini.

Di Bongkud, Asang mendirikan sebuah gereja dan sebuah sekolah yang berbilik dua selain mengusahakan pembinaan sebuah kilang papan. Serangan penyakit membawa Asang pulang ke Taginambur dan waktu ini sungguh berharga bagi Konih dan dia. Konih dengan setia merawat Asang sehingga dia pulih semula.

Perubahan kemesraan pemerintah terhadap para mubaligh mendatangkan kegelisahan kepada gereja. Seorang mubaligh yang pulang bercuti tidak diizinkan kembali lagi kerana dia sudah menetap di Malaya selama sepuluh tahun. Suatu sumber mengatakan kerajaan akan memberi tiga minggu pemberitahuan sebelum menyuruh seseorang mubaligh dikeluarkan. Gereja membantah terhadap keputusan kerajaan tetapi apa daya?

Dalam hati, Asang berdoa agar Tuhan membenarkan dia

tinggal di Malaysia. Dia berharap perkahwinannya dengan Konih dapat memberi dia izin menetap di sini. Selain itu, dia sudah menjanjikan gereja di Bongkud untuk menolong mereka selama tiga tahun. Adakah rancangan ini akan terjejas?

Asang melonjak pada tahun 1967 Febuari apabila izin dikeluarkan baginya untuk menetap di Sabah. Konih dan keluarga merayakan status kerakyatan Malaysia yang diberikan kepada Asang yang sudah masuk ke Malaysia sebelum 1948. Kini, Asang yang digelar rakyat Malaysia dan bebas melayani di mana-mana sahaja.

Nell Young tidak tahu berapa lama dia dapat tinggal di Malaysia, sedangkan Margaret Symoms diberikan tempoh sepuluh tahun. Betapa getir dugaannya, Nell tetap akhirnya terpaksa pulang kampung.

Walau bagaimanapun Nell Young bersyukur ketika melihat sekolah yang telah diusahakan bersama Asang dan anggota gereja di sini. Awam-gemawan ceria berarak di depan sekolah sewaktu bel berbunyi untuk masuk kelas. Sekolah ini berkembang sehingga jumlah muridnya meningkat ke jumlah 203. Murid-murid diberikan kesempatan mempelajari semua pelajaran dalam bahasa Inggeris. Ibu bapa akan menghantar anak mereka sebelum pergi bekerja dengan penuh pengharapan anak mereka akan menjadi orang yang berguna kelak.

Grace semakin uzur dan memerlukan penjagaan sepenuh waktu yang rapi. Bagaimanakah Konih dapat menjaga ibu mertuanya sedangkan dia perlu membela babi, menanam padi sejak Asang tidak lagi berkhotbah di gereja Taginambur, dan gereja tidak lagi menyara mereka. Tambahan pula, Rosmie yang masih kecil perlu banyak asuhan.

Akhirnya, Asang berfikir alang baiknya dia memindahkan Grace ke Bongkud dan mengupah seseorang untuk menjaga ibunya. Segera, ambulan diatur mengangkat Grace dari Batu Sepuluh ke landasan kapal terbang Sorob. Dari Sorob, Grace diterbangkan ke

Ranau kemudian diangkat dalam ambulan ke Bongkud.

Asang ingin ibunya gembira dan tinggal tenang di Bongkud. Dengan usaha yang gigih, Asang membina sebuah rumah kecil dan jendelanya direka dengan baik sehingga ibunya walaupun terlantar boleh menjenguk ke luar untuk menghayati kehijauan alam dan memuji Penciptanya. Sedingkok diupah menjaga ibunya.

Pelayanan di Bongkud memerlukan banyak iman kerana penduduknya miskin berbanding dengan mereka yang berada di Batu Sepuluh. Asang menyara diri dengan hasil penjualan balak, pemberian Harry Cooper. Yang lain dia hanya bersandar kepada Penolongnya, Pencipta langit dan bumi yang tidak pernah terlena atau membiarkan anak-Nya berkeliaran dalam kelaparan.

Selain memberita Injil dan mengajar Alkitab, Asang mengajar orang di sini menggunakan gergaji atau menajamkannya. Penduduk di kampung ini semakin mahir memotong papan dan mengasah gergaji mereka. Asang tidak sekadar memaklumkan tetapi dia ingin mereka mengasah di bawah bimbingannya.

Asang semakin sihat kerana cuaca di sini lebih dingin daripada Taginambur. Sayur-mayur juga bertumbuhan segar dan subur. Di sini kerbau, ayam, babi dan anjing berkeliaran dengan bebas seperti manusia. Hak bermundar mandir diberikan penduduk kampung kepada binatang-binatang ini.

Kennedy menjadi kawan karib untuk mengutarakan fikiran dan perasaan Asang sekalipun sekadar melalui surat. Asang menerima satu tawaran kerajaan untuk bekerja sebagai pengurus perkembangan kampung Bongkud. “Saya merasa sesuatu yang tidak didasarkan pada iman itu dosa. Walau bagaimana pun, saya berterima kasih kepada Tuhan atas tawaran ini.” Sudah selama 35 tahun, Asang tidak pernah menerima gaji.

Pada suatu hari ketua kampung mendekati Asang dengan suatu permintaan. Melihat Asang banyak bertungkus lumus, ketua kampung merasa lebih baiklah kalau Konih juga berpindah ke Bongkud. Betapa baiknya kalau keluarganya hidup, beribadat dan

melayani bersama-sama di kampung Bongkud. Lagipula Konih boleh masak untuk Asang yang berhempas pulas dalam pelayanan.

“Asang, saya rasa awak lebih baik suruh isteri awak untuk tinggal di sini sahaja,” kata ketua kampung.

Asang merasa nasihat ini amat baik kerana mereka sekeluarga boleh hidup bersama. Segera Konih bersama Delia datang ke Bongkud agar mereka boleh hidup bersama-sama. Walaupun Konih sudah biasa tinggal di Taginambur, dia berusaha menyesuaikan diri di kampung baru ini.

Margaret Symon yang pulang bercuti di Australia diperbaharui Tuhan untuk melayani Tuhan. Dia berkeputusan ke Bongkud bukan Taginambur agar dapat melayani bersama Asang dan keluarganya. Dia memang berkemahiran dalam bidang pendidikan. Segera, dia bersetuju menjadi guru besar sekolah ketika dipelawa Asang dan para pemimpin. Sekolah itu diadakan di dewan kampung kerana bangunannya belum didirikan. Sejumlah 70 murid menghadiri sekolah itu dan Cik Margaret berjabat sebagai guru sekaligus guru besar.

Kasih Berputik Bagi Lidia

Kasih berputik tidak lama setelah Lidia diperkenalkan kepada seorang jejaka di suatu perkahwinan kawan mereka. Yakin mulai jatuh hati, setiap kali Delia dan Lidia melewati rumahnya. Kebetulan waktu itu dia tepat waktu berada di berandanya. Gelombang perasaan yang dirasanya berlainan melandai hatinya sebaik saja terpandang Lidia. Setiap kali Lidia menjeling ke arahnya, irama romantik membuai dirinya. Sejak kebelakangan ini, wajah Lidia sering muncul.

“Hah! Ini pastinya cinta! Hmmm...eloklah saya lebih mengenali dia,” fikir Yakin yang sedikit gementar.

Kasih mereka berputik dan bermekar sehingga mereka mantap untuk mendirikan rumahtangga. Asang merasa gembira sekali apabila Lidia berkahwin dengan Yakin yang pernah sekelas dengan Delia di Sekolah Alkitab.

Ibu Asang Berangkat Ke Syurga

Asang menitis airmata ketika terdengar doa ibunya, “Ya Tuhanku, aku sungguh lelah. Biarlah aku pulang ke rumah-Mu. Kerja sekecil apa pun di syurga tak jadi kisah. Bolehkah Engkau menaikkan pangkat seseorang ke pangkat yang lebih tinggi di sana agar aku boleh mengambil alih tugasnya di syurga.” Hati Asang perih dan bersimpati dengan ibunya yang terbaring sakit. Asang menarik nafas sedalam-dalamnya sebelum menunduk untuk bersetuju dengan doa itu.

Dua hari kemudian, Juruselamat menyambut ibunya ke syurga. Pada pagi yang tenang, pukul 9 pagi Januri 1970, Grace menghembuskan nafasnya yang terakhir. Asang sudah menyiapkan keranda ibunya dan pada pukul 4 petang, ibunya dikebumikan oleh Meliat dan penduduk-penduduk lain.

Sewaktu Asang berdiri di kubur ibunya, dia mengimbas semua kenangan manis. Asang mengumpulkan batu-batu putih dari Sungai Liwagu dan menyusunkannya di kubur Grace. Airmatanya merembes keluar tetapi dia tahu ibunya selamat dalam dakapan Tuhan. Asang tahu suatu hari dia akan bertemu dengan ibunya, “Kerana jikalau kita percaya, bahawa Yesus telah mati dan telah bangkit, maka kita percaya juga bahawa mereka yang telah meninggal dalam Yesus akan dikumpulkan Tuhan bersama-sama dengan Dia” (1 Tesalonika 4:14).

Kenangan indah ibunya, kasih sayangnya akan termaktub dalam sanubari Asang sampai bila-bila sahaja.



*Grace (Bedu) dan anaknya,
Asang di depan rumah.*

Bapa Yang Rindu Anak-Anak

Rosmie dan Delia yang sedang bermekar kecantikan sedang belajar di Australia. Delia yang rajin belajar akhirnya meraih Diploma Pendidikan dan layak jadi guru. Sewaktu bapanya mengunjunginya, dia mula mengajar. Rosmie sedang menuntut di sekolah menengah di Cleveland High.

Setiba di Brisbane, keluarga Kennedy menyambutnya dengan mesra. Kemudian, bersama dua anak perempuannya, mereka tinggal bersama Theo Morrow. Asang rajin mengecat rumahnya sementara Delia dan Rosmie memasak serta mencuci baju keluarga ini. Rosmie akan memulai pengajian di kolej selepas ini. Mereka mengunjungi keluarga Ward yang pernah menjadi misionari di Ranau.

Sepulang, Asang membawa banyak berita gembira bagi Konih yang lebih suka tinggal di kampung daripada merantau tempat lain. Segera, Asang memberitahu bahawa Delia sudah bertunangan

dengan James Wilson dan kawan-kawan yang dikunjungi mereka.

Yang Ditakutkan Menjadi Kenyataan

Cik Nell yang dikenali sebagai Semina, guru yang tercinta menerima surat daripada kerajaan suatu hari. Berita itu sungguh mengecewakan semua orang. Dia diarahkan untuk keluar dari Sabah dalam tempoh 11 hari. Cik Nell sempat tinggal lebih lama lagi sehingga bulan Disember. Sebelum pulang ke Australia, Cik Nell memberikan tugasnya kepada Simbih Gilingan yang dibimbingnya.

Sewaktu Semina mengambil begnya dan berjalan menuju ke kereta yang akan menghantar dia ke pelabuhan, hatinya merasa sungguh pilu. Dia begitu mengasihi orang Dusun dan anak-anak mereka, sebenarnya masih banyak asuhan diperlukan. Asang dan orang Dusun melambai-lambai tangan dengan sedih kerana kalau tidak ada surat daripada kerajaan pasti Semina akan tinggal di sini sehayat.

“Goodbye Miss Semina, cepat-cepat kembali lagi,” kata penduduk sini ketika Semina bersalaman tangan dengan mereka.

Sejenak sebuah kereta muncul lalu meluncur dia pergi. Dia tidak pernah jemu-jemu mengajar anak-anak Dusun yang begitu bersemangat belajar merasa keberatan meninggalkan kampung ini. Pohonan dan gubuk-gubuk terasa seperti bekejaran ke belakang apabila kereta meluncur cepat ke kota. Semina terkenang wajah-wajah yang comel dan mimik muka yang kadangkala membuat dia ketawa riang.

BAB 19

API HUTAN MEREBAK!



“Maka penuhlah mereka dengan Roh Kudus, lalu mereka mulai berkata-kata dalam bahasa-bahasa lain, seperti yang diberikan oleh Roh itu kepada mereka untuk mengatakannya” (Kisah Para Rasul 2:4). Peristiwa ini terulang lagi di seluruh Borneo, angin Roh Kudus meniup semahu-Nya, ke mana saja menurut anugerah dan kehendak-Nya. Ya, semahu-mahu-Nya

sehingga api hutan merebak dan gereja diperbaharui.

Api kebangunan rohani sebagai api hutan di Sabah dan Sarawak bermula dari 1971. Anugerah dan kasih setia Tuhan telah mendatangkan gejala-gejala ajaib. Sabah dan Sarawak mengalami kebangunan rohani namun peristiwa yang menakjubkan ini tiada kaitan antara kedua-duanya.

Api Hutan Di Kalangan Lun Bawang

Kebangunan rohani Sarawak bermula sejak 1971 di Sekolah Alkitab Lawas ketika beberapa murid berkumpul untuk berdoa.

Roh Kudus menyalakan Sekolah Alkitab Lawas sehingga murid-muridnya diperbaharui kehidupan mereka. Apabila Roh Kudus berkarya, mereka semakin peka akan dosa. Seperti nabi Yesaya, mereka melihat kemunafikan diri di hadirat Maha Kudus. Ketika nabi Yesaya melihat Sang Raja, dia berseru, “Celakalah aku! aku binasa! Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun mataku telah melihat Sang Raja, yakni TUHAN semesta alam” (Yesaya 6:5).

Sekitar enam wanita terpaksa menggunakan tempat makan dan dapur yang sempit. Saban hari mereka berhimpit-himpit kerana kehadiran anak-anak mereka, perselisihan faham mudah terjadi. Mereka berfikir tempat sempitlah yang menimbulkan sedikit masalah dan bukanlah dosa besar. Roh Kudus meyakinkan mereka akan dosa walau sekecil apa pun. Wanita-wanita ini telah pergi ke rumah misionari dan memberitahu mereka bahawa Roh Kudus telah meyakinkan mereka akan dosa. Mereka sedar dosa kekurangan kesabaran bukan kesempitan dapur yang menjadi masalah mereka!

Salah seorang murid wanita merasa kehidupan murid-murid kering bagai sungai gersang, air tiada mengalir. Dia tidak sanggup memikul beban hati yang begitu berat lalu mencurahkan hatinya kepada guru besar. Mereka berdoa agar Tuhan mencurahkan air

sehingga mengalir deras.

Sungai membual-bual sehingga murid-murid mulai bertumbuh dan berbuah. Dua minggu sebelum semester terakhir, mereka merindui agar kehidupan rohani mereka lebih membara. Tuhan dengan suara nyata bersabda mengenai “tinggal dalam Kristus.” Firman Tuhan menjadi hidup seakan-akan Tuhan Yesus sedang mengajar mereka. “Akulah pokok anggur yang benar dan Bapa-Kulah pengusahanya. Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah, dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya dia lebih banyak berbuah... Dalam hal inilah Bapa-Ku dipermuliakan, iaitu jika kamu berbuah banyak dan dengan demikian kamu adalah murid-murid-Ku” (Yohanes 15:1-8).

Apabila Roh Api menyala, mereka mempunyai banyak kesaksian yang hebat.

“Saya pernah mendengar ayat-ayat ini dihutbahkan banyak kali tetapi hati saya tidak pernah tersentuh seperti sekarang... Selama ini saya tidak tinggal dalam Kristus!”

“Baru sekarang saya sungguh-sungguh mengenal Kristus,” kata murid yang hampir tamat pengajian.

“Tidak tahukah kamu bahwa tubuhmu adalah anggota Kristus?...” saksi seorang murid sambil menangis seraya membaca ayat yang diajar oleh Rasul Paulus.

Dia telah diyakinkan dosa kerana dia secara senyap-senyap telah menjalin “perhubungan” dengan salah seorang murid wanita. Kini, dia diyakinkan firman Tuhan dalam 1 Korintus 6:13, “Makanan adalah untuk perut dan perut untuk makanan: tetapi kedua-duanya akan dibinasakan Tuhan. Tetapi tubuh bukanlah untuk percabulan, melainkan untuk Tuhan, dan Tuhan untuk tubuh.”

“Saya...saya...telah mengotori bait suci Roh Kudus,” katanya sambil menangis teresak-esak.

Salah seorang staf dalam Sekolah Alkitab Lawas yang tergerak oleh airmata murid ini juga tampil mengakui dosanya.

“Saya juga perlu mengakui dosa saya dan kembali mengalami

berkat-Nya,” kata pensyarah ini sambil menitis airmata

Selagi nyala api Roh Kudus semakin panas semakin banyak airmata pertaubatan. “Sebab Tuhan adalah Roh; dan di mana ada Roh Tuhan, di situ ada kemerdekaan”(2 Korintus 3:17). Kekudusan dan pembentukan pastor-pastor untuk semakin menyerupai Tuhan Yesus hanya dimungkinkan karya Roh Kudus. “Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan yang adalah Roh maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar” (2 Korintus 3:18).

Usaha membaca Alkitab dalam Bahasa Melayu agak sulit bagi seorang murid kerana Bahasa Melayunya kurang fasih. Tatkala api Roh menyala, dia memberi kesaksian daripada firman Tuhan. Menurutnya, firman Tuhan menjadi hidup, Tuhan menyatakan satu ayat kepadanya. “Kerana kita tahu, bahawa manusia lama kita telah turut disalibkan, supaya tubuh dosa kita hilang kuasa-Nya, agar jangan kita menghambakan diri kita lagi kepada dosa (Roma 6:6).¹⁰

“Kini saya tahu maknanya memenangi atas dosa,” kata murid itu sambil menitis airmata.

Dosa diakui murid-murid di hadirat Tuhan. Sesungguhnya seperti kata Tuhan Yesus, “Tetapi Penghibur, iaitu Roh Kudus, yang akan diutus oleh Bapa dalam nama-Ku, Dialah yang akan mengajar segala sesuatu kepadamu dan akan mengingatkan kamu semua yang telah Kukatakan kepadamu” (Yohanes 14:26).

Roh Kudus juga pembersih lidah. Lidah yang membinasakan ditahirkan sehingga pembentukan peribadi yang lebih sempurna terjadi. Seorang wanita iaitu isteri seorang murid menyedari lidahnya perlu disucikan. Dia bertaubat atas kekejaman lidahnya yang mencepelas perkataan tidak manis apabila panas baran. Kesaksian suaminya di Alkitab yang dicemarkannya amat disesali.

Roh Api mentahirkan kenajisan lidahnya sehingga dia dengan rendah hati mengakui kesalahan dan meminta pengampunan. Dia berdoa di depan semua, “Tolonglah Tuhan, kuasai hidupku khususnya lidahku.”

Api Hutan Di Kalangan Orang Kelabit

Api Hutan di Bario merebak daripada sekumpulan pemimpin murid daripada persekutuan Sekolah Menengah Bario ISCF pada Oktober 4, 1973. Setiap minggu mereka berkumpul untuk berbincang tentang pelajaran Sekolah Minggu yang akan diajari mereka di kampung-kampung sekitar.

Penasihat guru mereka Encik Solomon Bulan merasa dirinya kurang mampu dan tidak layak membimbing pemuda-pemudi yang bertenaga ini. Tiba-tiba dia mengakui keberadaan dirinya yang sebenar.

“Saya perlu mengambil waktu menyelidiki diri,” kata Solomon.

Dia menjelaskan kesalihannya hanya luaran saja, selama ini dia membiarkan hal-hal duniawi bertandang dalam hidupnya. Dengan sedih dia ingin meletakkan jawatannya sebagai guru penasihat. Tanpa diketahuinya, itu bukan saat meletakkan jawatannya kerana api hutan akan merebak di sini!

Begitu hairanlah dia, saat itu Tuhan menyelubunginya dengan kehadirannya yang kudus, dan perasaan Tuhan tidak dapat diperbodohkan oleh pengakuan bibir yang dangkal sahaja. “Suatu kesedaran yang begitu mendalam untuk menyerahkan diriku dengan segenapnya kepada-Nya menaungi aku dengan begitu berkuasa. Perasaan itu sungguh menyayat dan menakutkan.”¹¹

Semua pemimpin murid mulai mengakui dosa. Mereka juga bersikap terbuka terhadap sesama dalam pengakuan dosa; perasaan tidak layak melayani Tuhan memenuhi persekutuan mereka. Segala pelayanan ke Sekolah Minggu dibatalkan untuk berdoa kepada Tuhan. Sewaktu mereka menutup doa, seorang murid yang biasanya pemalu dan pendiam mahu berdoa.

Apabila nyala Roh Kudus datang ke atas dirinya, dia berdoa semakin nyaring, menangis, dan mengakui semua dosanya kepada Tuhan. Murid-murid lain juga menangis teresak-esak dan bertaubat. Pertaubatan yang dikerjakan oleh Roh Kudus merebak ke setiap murid.

Murid-murid yang dikuasai Roh Kudus bersaksi kepada keluarga dan kawan-kawan mereka. Ekoran ini, kebangunan rohani merebak kepada orang dewasa di kampung. Tangisan dan pengakuan dosa terdengar dalam kalangan mereka setiap kali khutbah sederhana disampaikan. Pada suatu malam, seorang guru Malam Maran berkhutbah, kebangunan rohani terjadi pada akhir khutbahnya. “Ada yang memukul lantai dengan tangan mereka, yang lain memukul dada sendiri, ada pula mencampakkan diri ke lantai dan menangis, penyesalan yang luarbiasa menyelinap ke segenap sanubari mereka.”¹²

Api Hutan Merebak Di Taginambur

Beberapa minggu setelah kebangunan rohani di Bario, Roh Api merebak ke Taginambur. Sebelum kejadian ajaib ini, Roh Kudus sudah bergerak dalam kalangan penduduk Kristian. Dengan semahu-Nya, Roh Kudus menyentuh jemaah di kampung sini.

Ronald Nugent yang melayani sebagai pastor di Gereja Presbyterian Perth memberi kesaksian tentang kejadian ini. “Ketika kebangunan rohani terjadi di Sabah, saya seorang guru di Kota Belud yang jaraknya kira-kira satu setengah jam dari utara Kota Kinabalu kalau kita guna kereta. Kebangunan rohani ini terjadi di kalangan orang Dusun berdekatan Kota Belud pada cuti akhir 1973. Kesaksian ini terbatas kepada kesaksian saya dan apa yang dapat saya imbas kembali enam belas tahun kemudian.

Beberapa minggu sebelum curahan Roh Kudus, sudah wujud tanda-tanda Dia sedang bergerak dalam hati penduduk sini. Pada November 1973, saya masuk ke pedalaman bersama tiga orang deakon gereja SIB Taginambur, sebuah kampung orang Dusun, sepuluh batu menghala ke selatan kota Belud. Di perjalanan ini, saya bersaksi Tuhan bergerak dengan sungguh ajaib dengan cara yang belum saya saksikan sebelum ini.

Kami tinggalkan Kota Belud pada khamis 15hb November

dan mengembara ke selatan Kota Kinabalu; kemudian kami menuju ke Papar dengan keretapi. Dari sana, kami menaik perahu panjang ke sungai Papar ke permatang kampung orang Dusun. Kami meluangkan petang mengajar dan menggalakkan orang Kristian kampung ini.

Esoknya kami mengambil keretapi ke Beaufort, di sana kami bertukar lagi keretapi dan menempuh landasan terjal yang menelusuri jurang yang terhakis oleh Sungai Padas. Kami tiba di Parang Besar, sebuah tanah lapang yang dibersihkan dari hutan rimba. Kami bermalam dalam sebuah gubuk yang terpinggir dan terpampang pada lereng bukit curam. Keluarga Dusun yang tinggal di sana sungguh lapar akan persekutuan Kristian; kami sungguh gembira bersekutu bersama mereka.

Pada hari Sabtu 17hb November, kami menghala ke Sungai Padas lalu ke Tenom; di sana kami mengunjungi serangkaian kampung orang Murut. Kami meluangkan sepanjang petang Sabtu dan Ahad berkhotbah di gereja-gereja SIB. Tuhan bersama kami namun tidak ada sesuatu yang luarbiasa terjadi.

Pada petang khamis minggu itu, kami bersaksi karya Tuhan dengan cara yang hairan. Hari Isnin dan Selasa, kami berada di kampung orang Tagal, Nahawan, selatan timur Keningau. Pada hari Rabu, kami melayani sekumpulan orang yang begitu berminat tetapi kami tidak melihat sambutan seperti malam Khamis.

Pada malam Khamis, kami berjalan ke sebuah kampung orang Dusun yang terletak antara jalan utama antara Keningau dan Tambunan. Gereja SIB padat sewaktu Yapin Gimpton seorang guru daripada rombongan kami berkhotbah dalam Bahasa Dusun. Setelah Yapin berkhotbah, mereka bertaubat hingga awal pagi, baru ibadat diakhiri.

Kami meluangkan sepanjang hari Jumaat mengembara melalui Tambunan, Kota Belud, lalu dari Tuaran ke Ranau. Sepanjang hari Sabtu pada 24hb dan 25hb November, kami berkhotbah kepada gereja SIB di kota. Sambutan terhadap khutbah Yapin sama seperti yang terjadi di kampung kecil petang Khamis. Saya teringat

seorang pastor mengakui di ibadat bahawa dia telah mengabaikan tugas pengembalaan kerana sibuk dengan pertanian dan meminta pengampunan daripada gerejanya.

Sepanjang jalan kembali ke Kota Belud pada 26th November, kami memuji Tuhan terus menerus atas yang dilakukan-Nya. Walaupun kami tidak mengatur orang lain untuk mengurus kedatangan kami, ke mana saja kami pergi, baik dengan taxi mahupun keretapi, pasti ada orang datang menyambut kami. Kami memuji Tuhan kerana kebanyakan anggota gereja yang bertaubat adalah mereka yang berundur dalam kehidupan rohani mereka. Tanpa kami sedari, itu hanya permulaan segala yang lebih hebat dalam beberapa hari lagi.

Saya tidak ada tarikh tepat tentang kebangunan rohani yang terjadi di Taginambur. Saya masih menyimpan sepucuk surat yang saya tulis kepada keluarga saya di Perth dari Taginambur. Saya menjelaskan tentang pelayanan kami di pedalaman tetapi saya tidak menyebut tentang kebangunan rohani di Taginambur. Walaupun kebangunan rohani itu belum mulai, sewaktu saya menulis surat itu, kebangunan rohani terjadi pada petang itu juga. Tetapi kami begitu pasti bahawa kebangunan rohani bermula pada petang minggu pertama bulan Disember.

Pada waktu percutian panjang di sekolah, satu kursus Alkitab telah diselenggarakan bagi kanak-kanak dan pemuda-pemudi di Taginambur. Kanak-kanak dan pemuda-pemudi tidak hanya datang dari Taginambur tetapi juga dari kampung lain di Sabah. Seorang misionari perempuan, Cik Thelma Johnson dan seorang pekerja SIB datang dari Lawas untuk menolong.

Sementara kanak-kanak menghadiri SAPH, ibu bapa mereka bekerja di sawah padi. Menjelang petang, ibu bapa mereka berkumpul di bangunan besar di Taginambur untuk beribadat. Pada suatu petang, pengkhotbah Gereja Baptis berkhotbah dan sambutan khutbahnya luarbiasa.

Dia berkhotbah tentang Roh Kudus dan mengundang mereka yang ingin dipenuhi Roh Kudus untuk menampik keluar. Segera, banyak

bergegas ke depan untuk didoakan, segera gereja itu diselubungi doa alamiah.

Seluruh jemaah dalam suara berdoa, dan ada yang begitu dipenuhi Roh Kudus sehingga ada yang rebah. Yang lain dipenuhi sukacita dan tidak dapat menahan kegembiraan sehingga melompat-lompat dan berdansa seraya memuji Tuhan. Peristiwa ini kelihatan kelim kabut dan mengelirukan akan tetapi saya dipenuhi perasaan kekaguman dan takwa.

Sekitar waktu ini, saya mendengar alunan nan indah dan merdu bergema dalam bangunan ini. Seorang pemuda yang duduk di tepi saya, murid saya bertanya, “Muzik apa tu?” Muzik itu nan indah sehingga saya menjawab, “Mungkin itu nyanyian malaikat!” Kemudian baru saya sedar muzik itu datang daripada beberapa orang yang sedang bernyanyi dalam harmoni tanpa nota muzik mahupun konduktor muzik.

Kini, enam belas tahun kemudian saya tidak dapat ingat bila kami mengakhiri ibadat kerana sepanjang malam terdengar tangisan dan bunyian doa penduduk kampung. Perasaan teruja bercampuran kekeliruan tercetis selama beberapa hari sehingga program SAPH terpaksa dihentikan.

Mereka yang datang dari kampung lain bersedih atas sendiri, yang lain bergembira kerana diampuni, ada pula meragukan kejadian itu. Kebangunan rohani ini merebak kepada kampung orang Dusun yang lain dan berlanjutan hingga ke awal 1974.”¹³

Peristiwa ini terjadi sewaktu mereka sedang mengadakan kem Sekolah Minggu dan pemuda-pemudi sewaktu cuti sekolah. Thelma Johnson dan Setimah Seriou dari Sarawak menjadi pembimbing kem ini. Kem ini diatur selama lima hari tetapi tidak dapat diakhiri kerana keadaan kelim kabut ketika semuanya bermula. Setelah hari pertama, banyak orang berbahasa lidah dan ini bermula dengan kanak-kanak. Kanak-kanak berkata mereka menampak seekor burung putih berterbang ke dalam kelas sewaktu mereka berdoa. Ini suatu penglihatan yang kurang biasa, mereka pun meninggalkan kelas untuk

berdoa di gereja. Sewaktu mereka pergi ke sana, mereka memberitahu orang lain apa yang dilihat oleh mereka.

Pada kebaktian malam seorang pastor dari gereja Baptis yang bernama Kionsom berkhotbah. Dia berkhotbah tentang Roh Kudus dan mulai berdoa dengan suara nyaring; anggota-anggota gereja yang lebih dewasa dan kanak-kanak disirami Roh Kudus. Beberapa orang mengalami seperti deruan angin kencang dan yang lain mengalami seperti bangunan bergetar, dan yang lain melihat obor api. Semakin banyak orang dipenuhi Roh Kudus doa semakin nyaring.

Keajaiban gejala Roh Kudus yang dilihat Kionsom bukanlah sesuatu yang asing baginya. Beberapa bulan sebelum ini, dengan ajaib dia melihat Roh Kudus bergerak dalam kalangan pemuda pemudi. Pernah beberapa pemuda pemudi yang semakin mendekati Tuhan terlibat dalam satu kemalangan sewaktu dalam perjalanan ke kem pemuda-pemudi. Walaupun ada yang menderita patah tulang, mereka tetap menghadiri kem itu. Dengan sikap yang sungguh-sungguh, mereka menyerahkan kehidupan mereka kepada Tuhan, dan mereka bersyukur kerana penyembuhan mereka begitu cepat sehingga mereka segera mengabarkan Injil.

Bagaimanakah perasaan Asang terhadap semua fenomena kebangunan rohani ini? Dalam sepucuk surat kepada kawannya, Harry, dia mencurahkan perasaan yang bercampuran. “Tak dapat disangkal ini memang karya Tuhan tetapi tidak semestinya semua yang terjadi ini datang daripada Roh Kudus. Kekeliruan yang terjadi menurutnya mungkin disebabkan oleh kekurangan ajaran tentang kebangunan rohani dan kuasa Roh Kudus.”

Kebangunan Rohani Sejati Boleh Dikesan

Tidak dapat dinafikan kebangunan rohani ini ada beberapa kelebihan dan sikap kewaspadaan Asang boleh diterima. Apakah yang menjadi ukuran kebangunan rohani yang benar?

Keith J. Hardman menjelaskan makna kebangunan rohani dengan tepat: “Kebangunan rohani adalah pemulihan jemaah Tuhan dari waktu ke waktu setelah mereka mengalami satu jangka waktu kemerosotan dan tidak mengambil berat lagi hal-hal rohani—ini satu prinsip yang diajari daripada Alkitab.”¹⁴

Alkitab juga menjelaskan bahawa setelah melalui suatu jangka waktu kemerosotan atau kegersangan. Tuhan bercampur tangan. Dia datang di tengah-tengah umat-Nya dengan Roh-Nya dan bergerak semahu-Nya. Begitu juga api merebak ke gereja-gereja Borneo atas anugerah-Nya. “Apakah Engkau tidak mahu menghidupkan kami kembali, sehingga umat-Mu bersukacita kerana Engkau?”

(Mazmur 86:7)

Di tengah-tengah kemerosotan ini, segelintir kecil jemaah sedar akan keadaan ini. Dengan ikhlas hati mereka mulai berdoa. Umat Kristian teringat kebangunan rohani yang pernah dilakukan Tuhan pada dahulu dan rindu akan peristiwa ajaib ini. Beberapa orang pada tempat yang berbeza mendoakan kebangunan rohani tanpa diketahui masing-masing.

Kebangunan rohani mendatangkan penyesalan dan pertaubatan atas dosa. “...Aku bersemayam di tempat tinggi dan di tempat kudus tetapi juga bersama-sama orang yang rendah hati, untuk menghidupkan semangat orang yang rendah hati dan untuk menghidupkan hati orang yang remuk” (Yesaya 57:15). “Tetapi dalam kesesakan mereka berbalik kepada TUHAN, Tuhan orang Israel. Mereka mencari-Nya, dan Dia berkenan ditemui oleh mereka” (2 Tawarikh 15:4).

Dalam Alkitab, kebangunan rohani datang kepada orang Israel di bawah Raja Asa (2 Tawarikh 15), Raja Yoash (2 Raja-Raja 18),

Raja Hezekia (2 Raja-Raja 18) dan di bawah Raja Yosia (2 Raja-Raja 22-23), zaman Zerubabel (Ezra 5-6), dan Nehemia (Nehemia 8-9, 13) setelah suatu jangka waktu kemerosotan rohani umat-Nya. Dalam Kisah Para Rasul 4:23-27 kebangunan rohani terjadi untuk menyiapkan gereja baru terhadap penganiayaan yang akan datang.

Kenneth S. Latourette sejarawan yang terkenal menggambarkan kemajuan Kristianiti sebagai: “satu pengaruh iman atas manusia, tetapi telah ditandai oleh jangka waktu kemajuan diikuti oleh jangka waktu keturunan, dan disertai kemudian oleh waktu kemajuan lagi.”¹⁵

Selain itu, menurut Keith J. Harman:

“Apabila orang Kristian rindu akan pernyataan kuasa Tuhan, satu atau lebih pemimpin akan muncul dengan wawasan nubuat mengenai punca dan penyelesaian masalah. Satu wahyu akan sifat Tuhan yang murni dan suci daripada Tuhan akan diberikan. Kekudusan saat ini mendedahkan kemerosotan zaman itu dan menimbulkan kerinduan untuk kekudusan di kalangan umat Tuhan. Semangat para pemimpin untuk gerakan Tuhan disambut oleh ramai orang yang sedang menunggu tindakan Tuhan untuk menyatakan Diri.”¹⁶

Pada saat ini juga, iblis bekerja keras untuk menyeleweng umat Tuhan kalau mereka tidak berlandaskan firman Tuhan. Iblis akan mengajukan kelebihan dan juga menyaji keterlaluan serta kekarutan dalam mengeruhkan tafsiran firman Tuhan. Kebangunan rohani sejati harus mencetuskan kelaparan akan pembacaan serta penerapan firman Tuhan secara tepat.

Kebangunan rohani yang sejati mendatangkan pertaubatan yang sungguh-sungguh. Contohnya kebangunan rohani yang lebih awal, Ogos 1952 di kalangan orang Lun Bawang menunjukkan gejala keyakinan akan dosa:

“Gerakan ini menyebar dan berkembang, dan sebelum ini tidak pernah terjadi begini iaitu keyakinan dosa di kalangan mereka yang di sekolah. Ada di tengah-tengah mereka telah bangun di tengah malam terbeban dosa mereka, dan pada minggu terakhir mereka

begitu terbebani teruk oleh dosa hutang sehingga mereka keluar dari sekolah untuk melangsaikan hutang mereka.”¹⁷

Kebangunan Rohani Taginambur

Kebangunan rohani tercetus lagi di Taginambur sehingga umat Tuhan jatuh cinta dengan Tuhan lagi. Mereka yang gersang terendam dalam kasih Tuhan; bersama Kekasih jiwa mereka berdoa sehingga pukul tiga atau empat pagi. Selain, itu kerinduan untuk melayani dan terus memuji Dia mengalir terus.

Asang terharu apabila sekelompok jemaah sekitar 40 hingga 50 orang datang ke gereja seawal pukul lima pagi untuk berdoa sebelum pergi bekerja. Semangat melayani Tuhan menyala-nyala dan mereka mulai mengunjungi kampung sekitar untuk menyebarkan Injil, dan berdoa bagi mereka yang sakit. Api kebangunan rohani telah menyalakan kehangatan yang berlainan dalam pelayanan mereka.

Rosmie Mengenang Kebangunan Rohani

Rosmie ketika mengimbas peristiwa kebangunan rohani bernada begini:

“Ingatanku masih segar, ketika itu mereka berbahasa lidah, kanak-kanak menangis dan semua kelihatan kelam kabut dan tidak teratur. Bukan segala sesuatu ini berasal daripada Tuhan. Biar aku menguji segala aktiviti seperti yang diajari oleh guruku di Gereja Baptis Queensland, jangan-jangan...lalu aku pergi berjumpa Letchumin.”¹⁸

“Letchumin, awak mesti menjawab tiga soalanku,” kata Rosmie yang bersemuka dengan dia.

“Adakah awak percaya Tuhan Yesus adalah Anak Tuhan, yang mati di kayu salib dan bangkit pada hari ketiga?” tanya Rosmie.

“Ya, ya saya sungguh percaya,” jawab Letchumin tanpa ragu-ragu.

“Adakah awak percaya Tuhan Yesus telah menjelma sebagai manusia?” tanya Rosmie dengan bertentangan mata.

“Ya, ya, saya sungguh memercayainya,” kata Letchumi berkobar-korbar dan bernada yakin.

“Puji Tuhan, semua ini daripada Tuhan tetapi kita mesti berhati-hati!” kata Rosmie.

Iblis mengambil kesempatan dengan menyeleweng sikap mereka yang mengalami kebangunan rohani ini. Mereka yang mengalami lebih daripada orang yang lain dalam kebangunan rohani ini bersikap angkuh dan mencaci mereka yang kurang dilawat Roh Kudus. Cacian mereka selalu diselindungi bahasa rohani dan nubuat yang dituju kepada tua-tua gereja. Dengan sikap begini, keretakan bermula dan kesatuan jemaah terganggu.

Tuhan mengutus Wes Battle dan Bob Burton ke Taginambur sebagai pendamai. Mereka mulai mengajar Siapa Roh Kudus, peranan-Nya dan cara Dia berkarya dalam kehidupan orang Kristian dan jemaah. Banyak waktu diluahkan supaya jemaah saling mencurahkan perasaan dan berdoa bersama-sama.

Tua-tua dan pemimpin-pemimpin selalu meminta nasihat daripada Asang mengenai isu-isu tertentu.

Ombak-ombak kebangunan rohani reda perlahan-lahan, dan segala perselisihan tenang semula. Kesan kebangunan rohani tetap mengalir dalam kehidupan pemuda-pemudi ini, mereka tidak berhenti melayani bersama-sama tua-tua gereja. Dalam kumpulan yang terdiri daripada hampir sepuluh orang, mereka mengunjungi Tagaroh, Ranau, Nahaba dan kawasan sekelilingnya. Mukjizat dinyatakan, orang sakit didoakan dan yang kerasukan iblis dilepaskan.

Akibat kebangunan rohani Taginambur banyak orang diubahkan. Yang disembuhkan Tuhan bertaubat dan keluarga mereka

turut ikut ke gereja. Sinit yang disembuhkan Tuhan berpegang pada janji untuk ke gereja. Dengan 14 anaknya, mereka setia datang ke gereja dan suaminya menyerahkan hidupnya kepada Tuhan.

Kebangunan rohani yang bermula dengan kanak-kanak di Taginambur merebak kepada pemuda-pemudi sepanjang 1973-1975. Kehangatan rohani dan api Roh Kudus yang berkarya dalam kalangan mereka dirasai dalam gereja dan kampung. Kebangunan rohani mendatangkan pertumbuhan gereja walaupun iblis berusaha memecah belahkan jemaah Tuhan.



Salah satu ibadat di gereja Taginambur.

BAB 20

RODA HIDUP, SEKOLAH NAMAUS



Keluarga Asang

Roda kehidupan tetap berputar di tengah-tengah mukjizat yang mengalir dari kebangunan rohani. Gerabak kehidupan Asang sekeluarga terus berputar dalam perjalanan hidup. Berpasangan dengan suami yang berbangsa Asia menjadi idaman Rosmie. Konih berdoa agar Rosmie akan jatuh hati dengan jejak yang tinggal di Batu Sepuluh tetapi Asang berdoa agar anak seorang

mubaligh menjadi jodohnya.

Idaman siapakah yang akan dipenuhi? Akhirnya, Rosmie jatuh cinta dengan Jack Indan.

“Rosmie, abah sungguh berharap awak boleh berkahwin di gereja sini,” minta Asang.

“Abah, Rosmie ingin kawan-kawan di Australia menumpang bahagia dengan saya pada saat ini,” kata Rosmie.

Rosmie sudah lama hidup di Australia dan berimpian upacara perkahwinan yang tidak dapat dilupakan kawan-kawannya. Harapan Asang ialah perkahwinan ini dapat dirayakan bersama kawan-kawan di kampung. Banyak kawan-kawannya juga mahu menumpang gembira bersama Asang..

“Kami akan kembali berkenduri nanti. Abah boleh mengundang kawan-kawan ayah,” kata Rosmie kepada Asang.

Rosmie menunaikan janjinya untuk kembali merayakan perkahwinan dengan kaum kerabat. Penduduk kampung diundang, dan bapa Jack menyembelih seekor kerbau bagi semua tetamu. Suasana meriah mewarnai kampung hari ini. Asang dan Konih gembira melihat anak mereka bahagia bersama Jack Indan. Pasangan ini bekerja di rumah sakit tempatan beberapa tahun sebelum memacu kehidupan di Australia.

Basikal Cantik Bagi Asang

“Pastor Asang, guna basikal kerana kampung Bayayat jauh... nanti pastor tak larat,” kata seorang jemaah gereja.

“Terima kasih, amboi basikal ini elok!” sambut Asang.

Pagi yang indah Asang mengayuh basikal tetapi terpaksa mengangkat basikal ini kerana perjalanannya berbukit-bukau.

Akhirnya, Asang berjalan sahaja. Dia akan berjalan berbatu-batu di jalan yang bertanah liat dan pulang bersalutan debu. Kitab Lukas diajarinya kepada penduduk kampung dengan teliti.

Selain itu, Asang menanam koko selama tujuh minggu. Asang menanam 1400 benihnya akan tetapi pepohon kokonya tidak bertumbuh sihat kerana pokok-pokok lain mencegah sinaran matahari. Walau bagaimana pun Asang mengucap syukur atas padi yang memberi nasi yang harum selama enam tahun. Setelah itu keluarga Asang menanam buah-buahan.

Roda hidup terus berputar-putar. Kini, Asang sudah beruban dan berumur tujuh puluh tahun. Bagi banyak orang, umur tujuh puluh tahun bererti saat bersantai-santai menikmati lambaian pokok nyiur. Cita-cita Asang masih segunung tingginya dan seperti Kaleb dalam Alkitab dia bersetuju menjayakan satu projek besar!

Pembangunan Sekolah Alkitab Namaus

Asang menantikan kedatangan tenaga kerja sukarela oleh sebab pembinaan Sekolah Alkitab tanpa kakitangan mustahil tergapai.

“Awak tidak boleh membina sekolah itu kalau tidak ada pekerja-pekerja,” doktornya sudah memberi amaran.

“Tapi...” kata Asang yang baru memulakan pembangunan semula Sekolah Namaus.

“Tidak ada tapi...darah tinggi awak sudah tinggi!” kata doktornya.

“Kami perlu menyelesaikannya dalam dua tahun kalau saya berehat...” kata Asang.

“I am sorry, you perlu berehat, tidak ada kalau saya,” tegas doktor itu.

Pada waktu ini juga Asang menderita Malaria dan terpaksa menelan sembilan pil. Adakah gangguan kesihatan pada umur ini mengecewakan Asang? Tidak, Asang tahu dia akan sembuh semula untuk melansungkan projek ini dengan cepat.

Permulaan pekerjaan ini agak sulit oleh sebab kesuntukan pekerja-pekerja di kawasan ini. Asang mengupah dua pekerja namun mereka tidak terlalu mahir. Akhirnya, mereka tidak mahu bekerja

setelah menerima gaji mereka. Kedatangan penolong-penolong daripada Sekolah Alkitab lain berjumlah enam puluh lapan orang: empat puluh empat perempuan dan dua puluh empat lelaki. Mereka dapat menolong pada hari Sabtu.

Pada minggu ketiga bulan Januari, satu kumpulan dari kampung Melangkap datang menolong Asang. Rombongan ini terdiri daripada seorang pemasak, pembuat almari dan tiga tukang kayu. Mereka tinggal selama seminggu untuk bertungkus lumus mendirikan Sekolah Alkitab Namaus ini.

Selain itu, satu rombongan dari Tuaran datang pada bulan Mei untuk mengerjakan projek ini selama dua hari.

“Pusat kampus Namaus ini berbentuk salib dan terdiri daripada bilik mesyuarat dan empat bilik kelas yang berbentuk sembilan puluh darjat daripada pusatnya. Pintu-pintu mesyuarat itu boleh dibuka kalau ada pertemuan yang lebih besar. Empat asrama dan satu padang permainan dirancang, termasuk rumah bagi guru-guru dan sebuah rumah bagi guru besarnya,” jelas Asang kepada penolong-penolongnya.

“Wah, begitu teratur perancangannya,” kata seorang penolong.

Kerja pembangunan semula Sekolah Alkitab tidak selalu berjalan licin. Kadangkala pula, Asang merasa sungguh kecewa kerana adakala pekerja-pekerja berjanji datang tidak tiba pula, dan yang berjanji menderma tidak memberi. Asang perlu berdoa bersungguh-sungguh bagi pertolongan. Pada bulan September, asrama ketiga sudah siap. Satu rombongan yang terdiri daripada sepuluh orang dari Taginambur datang untuk menolong. Kemudian, tempat tinggal guru besar yang berdua tingkat disediakan.

Di tengah-tengah kesibukan ini, Asang tidak melupakan keluarganya dan telah mengambil suatu jangka waktu untuk bersama Konih dan dua anaknya. Kini, Asang dan Konih sudah menimang cucu. Delia kembali dari Australia dengan dua anaknya untuk bercuti. Waktu yang berharga ini juga dinikmati bersama dengan anaknya, Lidia dan keluarganya di Taginambur.

Sekembali melanjutkan pembangunan Sekolah Alkitab Namaus, Asang diperhadapkan dengan masalah air yang perlu ditangani. Air kesuntukan dalam paip dan mereka terpaksa bermandi dalam kolam yang dicorakkan untuk memelihara ikan.

“Wah, Pastor Asang, Sekolah Alkitab ini bagai istanaa!” kata seorang guru ketika asrama disiapkan dan dilengkapi dengan elektrik.

“Puji Tuhan, musim kemarau sudah berakhir, kita boleh menikmati hujan,” kata salah seorang penghuni akhir Jun.

“Batuk awak sungguh tenat...jangan bekerja terlalu kuat, awak mesti banyak berehat,” kata doktor dengan nada yang tegas.

Asang tidak berselera makan apa-apa pun selama tiga hari selain susu dan madu. Akhirnya, dia ke Taginambur untuk dijaga oleh Konih. Segera, Konih memasak yang berkhasiat bagi suaminya agar sembuh cepat. Waktu ini juga digunakan Asang untuk mendoakan kelancaran pembinaan sekolah ini.

Setelah Asang sembuh, segera dia berangkat untuk membina Sekolah Namaus semula. Di luar dugaan Asang, kerja pembangunan hampir siap! Dua tempat tinggal guru bagi guru-guru bujang dan rumah guru besar sudah dibangunkan, dan tempat tinggal bagi yang berkeluarga sudah siap. Tuhan telah menjawab doa Asang sehingga penolong-penolongnya berhempas pulas menyiapkan pembangunan Sekolah Alkitab Namaus.

Asang mencurahkan kegembiraannya kepada Tom Hamblin mengenai penyelesaian bangunan Sekolah Alkitab Namaus dalam sepucuk surat. “Pada 8hb Oktober pada 3.30pm, sentuhan halus terakhir dikerjakan bagi bilik-bilik kelas, dan paku terakhir atau skru terakhirkah dimasukkan...mungkin juga kaca cermin diletakkan!”

Asang Mengunjungi Eddie

Setelah bangunan Sekolah Alkitab Namaus siap, Asang kembali ke Taginambur untuk mengerjakan tugas yang tertimbun selama dua tahun. Kemudian Asang pergi ke Queensland di Australia untuk bersama Delia dan Rosmie. Di sini dia mendapat kabar bahawa abangnya Eddie sedang terbaring sakit. Hatinya merasa sayu.

Asang mengenangi Eddie yang pernah berkata lebih baik ibu mereka tinggal di Britain daripada di Borneo. Dia pernah berkata kalau ibu mereka tidak ke Borneo tentu dia akan mendapat rawatan yang lebih rapi. Segala rayuannya tidak dapat menahan ibunya yang rindu tinggal di Borneo. Asang menunduk dalam doa bagi abang yang terbaring sakit di Draycott.

Sejurus selepas itu, Asang memberitahu keadaan Eddie kepada Delia dan Rosmie yang mendengar dengan penuh simpati.

“Abah harus pulang bersama Pakcik Eddie saat ini...Kami akan membelikan tiket,” kata Delia dan Rosmie.

Sememangnya Asang ingin pulang bersama abangnya. Sudah hampir empat puluh tahun Asang tidak menginjak kaki ke kampung halamannya. Dari Brisbane, Asang berterbang ke Gatwick. Pertemuan dengan Eddie saat yang sungguh berharga bagi Asang. Apabila Eddie mencelikkan matanya, dilihatnya rupa Asang yang sudah beruban. Asang bersyukur sebab lima bulan kemudian Eddie berangkat ke syurga. Eddie adalah satu-satu abangnya dan mereka berdua sudah mengamit duka kehilangan ayah sejak kecil.

Selain mengunjungi abangnya, Asang mengunjungi Harry dan Lenora Cooper yang menjadi penyokong setianya. Harry berkesempatan mendengar apa yang terjadi di ladang penginjian Borneo. Tiga sahabat yang agak beruban kini bergembira atas pertumbuhan gereja di Borneo.

Cuti Singkat Di Somerset

Kesempatan ini digunakan Asang untuk mengunjungi kawasan Somerset seperti Ashcott, Pedwell, Bath, Cheddar dan Draycott. Cheddar di selatan pergunungan Mendip terkenal dengan kejunya, villa Rom, reruntuhan istana, tulang manusia tertua di Britain serta cerita sejarah. Bath yang terletak di lembah Avon berbanjuran batu kapur memang terkenal untuk keindahan semulajadi. Mata airnya yang membuak berasal dari hujan yang mengalir dari pergunungan Mendip. Air ini meresap ke tanah lalu membuak bagai air panas antara celah-celah batu kapur.

Selepas menghayati keindahan semulajadi, Asang pulang ke kampung halamannya yang terkenal kemanisan strawberinya. Sedang dia asyik makan strawberi, segala kenangan di kampung halaman. Kalau dikenang semula semua yang terjadi sewaktu kecil memang kelakar buat Asang.



Harry dan Lenora Cooper di Bristol 1995.

BAB 21

KEBANGUNAN ROHANI GELOMBANG KEDUA



“**L**alu aku bernubuat seperti diperintahkan kepadaku, dan segera sesudah aku bernubuat, kedengaranlah suara, sungguh, suatu suara berderak-derak, dan tulang-tulang itu bertemu satu sama lain” (Yehezkiel 37:7).

Keadaan Gereja Taginambur setelah edaran beberapa musim selepas kebangunan rohani gelombang pertama seperti tulang-tulang kering dalam penglihatan nabi Yehezkiel. Ketika Tuhan membawa Yehezkiel ke lembah dalam penglihatannya, dia melihat banyak tulang kering yang berselerakan di sana, tiada bunyi berderak-derak (Yehezkiel 37:2). Demikian juga, kegersangan kerohanian jemaah

dirasai anggota Gereja Taginambur. Pastor dan pemimpin-pemimpinnya memikul beban kegersangan ini dalam hati.

Bilakah Tuhan akan mengunjungi mereka dan biar air hidup mengalir lebih deras lagi?

Apabila kerinduan ini menjadi kenyataan, ada pula yang meragu-ragu sama ada semua keajaiban ini daripada Tuhan. Nell Young yang lama mendoakan pembaharuan gereja meragunya. Keraguannya jelas kedegaran dalam nada suratnya.

Perkataan seperti “mungkin” atau “tetapi” yang digunakan Nell menyebabkan Asang menjelaskan gelombang ini secara perincian. Kebangunan rohani gelombang kedua ini menurut Asang memang lawatan Tuhan Tuhan. Dengan penanya, Asang menjelaskan keadaan yang mencetuskan kebangunan rohani ini. Tiada yang meragukan kerana gejala-gejalanya sama juga wujud dalam kebangunan rohani negara-negara yang lain.

“Jadi awak sudah mendengar tentang kebangunan rohani di sini daripada tiga orang di Batu Sepuluh? Waktu kegersangan sudah berlalu, saya memang berharap akan hal ini. Saya bersetuju dengan para penulis walaupun awak masih bingung akan hal ini. Menurut kamus Webster maksud “Kebangunan Rohani” memang seperti apa yang kita lihat pada tahun 1974-76. Jadi apa masalahnya? Awak menulis, ”Mungkin Dia sungguh-sungguh sedang berkarya tetapi...” Gugurlah saja perkataan “mungkin” dan “tetapi” kerana Tuhan sungguh-sungguh sedang bekarya. Nama Tuhan Yesus diakui sebagai Anak Tuhan dalam kalangan mereka dan menurut Injil Yohanes inilah salah satu ujian kebenaran bagi semua kebangunan rohani. Saya cukup diberkati kerana pernah mendengar bahasa lidah ditafsirkan di Holland, England dan kini di Sabah. Saya tidak akan menyangkalnya di Batu Sepuluh.”

Kedadaan Yang Mencetuskan Kebangunan rohani

Kehidupan rohani gereja di Taginambur suam-suam sahaja, mereka memerlukan semarak api Roh Kudus di tengah-tengah mereka. Pastor Balan dan Kingas terbeban berdoa bagi pembaharuan gereja mereka. Perpecahan terjadi akibat wujudnya ideologi berbeza. Kedadaan suam-suam dan tiada kesatuan dalam tubuh Kristus selalu timbul. Setiap kali pastor-pastor dan tua-tua mengadakan mesyuarat dan menjana pendapat pasti ada yang bercanggah, semuanya serba tidak kena.

Beberapa pastor, pemimpin-pemimpin, dan isteri mereka membawa perkara yang merunsingkan ini dalam doa sejak 1983.

Awal 1985, kerinduan untuk bersekutu akrab dengan Tuhan mengalir dalam. Kingas dan Balan berdoa bersungguh-sungguh di rumah mereka. Minim memikul beban yang terpendam berat dalam hati mengenai keadaan rohani gereja sewaktu dia berjumpa dengan pastorinya. Mereka berdoa untuk campur tangan Tuhan dalam keadaan gereja. Suatu keajaiban terjadi, hari esoknya, Justin dan Gungkgangou juga terbeban berdoa bagi kekeringan gereja.

Apabila Ladsin dan Leminih berdoa dengan para pastor, mereka mendoakan keadaan kegersangan gereja. Anggota lain seperti Setia dan Simbih mengunjungi para pastor, setelah bersembang-sembang dan berdoa dengan penuh perasaan. Titisan air kebangunan rohani mulai mengalir dan mengalir semakin deras.

Tanpa sebarang aturan, anggota jemaah datang serentak sehingga hampir sembilan orang berkumpul bersama. Mereka berdoa bersama dan kehadiran Tuhan dinyatakan di tengah-tengah mereka. Gelak tawa, perasaan bersemangat dan semangat bersatu mewarni saat ini. Pertemuan mereka memang aturan ilahi untuk mendatangkan kebangunan rohani.

Kumpulan ini menerima petunjuk daripada Tuhan bahawa mereka harus berkumpul bersama-sama dalam persekutuan dan doa. Mereka berkumpul bersama dalam doa setiap hari Jumaat.

Kumpulan lain berkumpul bersama di gunung doa dalam gubuk yang dipanggil sulap (tempat teduhan yang tiada dinding). Gunung doa di Taginambur dipanggil Gunung Doa Pomotodon. Kumpulan doa di rumah pastor sungguh hangat sehingga mereka bertemu untuk berdoa dua kali seminggu. Tidaklah hairan kalau doa berlarutan hingga pukul dua pagi.

“Berdoa untuk kebangunan rohani? Saya mahu ikut!” kata Muyuk yang terbeban untuk berdoa bagi pembaharuan rohani gereja.

Mereka mencurahkan perasaan kepada Tuhan. Kingas menerima nubuat dari Alkitab. “Bangkitlah, menjadilah teranglah, sebab terangmu datang, dan kemuliaan TUHAN terbit atasmu” (Yesaya 60:1).

Sewaktu mereka berkumpul, Tuhan memberi mereka pengertian akan peranan yang telah dimainkan oleh Asang dalam penginjilan penduduk Dusun. Tuhan telah membawa insan ini dari sudut dunia lain. Mereka diinjili dan dilayani sehingga mereka kaya dalam kerohanian dan kemakmuran. Kumpulan ini merasa penduduk kampung patut mengetahui pelayanan hamba yang rajin dan takut akan Tuhan ini. Keyakinan ini datang daripada Tuhan sendiri bukan demi memukul gong tentang kehebatan manusia tetapi demi kemuliaan-Nya.

Perubahan suasana politik menggalakkan gereja berdoa bersungguh-sungguh agar Tuhan bercampurtangan di Sabah. Pada tahun 1985, kerajaan BN ditewaskan oleh Parti Bersatu di bawah seorang Kadazan Dusun yang bernama Datuk Joseph Pairin Kitingan. Gereja berdoa dan berpuasa secara khusus untuk keadaan politik pada 16 November 1985. Di tengah-tengah doa mereka, firman Tuhan datang kepada mereka untuk meyakinkan mereka akan tangan Tuhan. “Bukan dengan keperkasaan dan bukan dengan kekuatan, melainkan dengan Roh-Ku, firman TUHAN semesta alam” (Zakharia 4:6).

Dosa mengumpat, membantah, dan saling bertikaman mulut diakui di hadirat Tuhan. Dengan penuh penyesalan seperti raja Daud dalam Alkitab, mereka berdoa, “Bersihkanlah aku daripada dosaku dengan hisop, maka aku menjadi tahir, basuhlah aku, maka aku menjadi

lebih putih daripada salji” (Mazmur 51:9). Selepas pertaubatan, mereka dipenuhi oleh Roh Kudus sehingga mereka rindu hidup kudus.

Pastor Asang merasa gembira melihat begitu banyak pemuda-pemudi dipenuhi oleh Roh Kudus. Pastor Balan menyuruh mereka mengerumuni meja kalau ingin dipenuhi oleh Roh Tuhan. Sewaktu didoakan orang dewasa, pemuda-pemudi rebah kerana kuasa Roh Kudus menaungi mereka. Kebaktian ini berlarutan selama dua belas jam.

Esoknya, Tuhan membangkitkan lebih banyak tulang kering sehingga mereka menjadi bala tentera yang besar. Kebaktian itu penuh sesak dan Roh Kudus datang memenuhi jemaah yang rindu akan Dia. Asang yang terhimpit di suatu sudut bilik mengangkat tangannya tinggi-tinggi dan merasa aliran Roh Kudus ke tangannya! Belum pernahlah Asang mengalami aliran yang begitu kuat.

Gunggangau mulai berbahasa lidah. Kurim memberi tafsiran tetapi oleh kerana sistem PANYA kurang baik, tafsirannya tidak dapat didengar Asang. Dari sudut bilik ini, Asang melihat tangan-tangan teracung dan wajah-wajah berseri dengan ketenangan syurgawi. Dia terharu dan mengucapkan syukur atas buah-buah yang dijanjikan kepadanya lima puluh tahun yang lalu. Kelopak mata Asang bergelincangan airmata.

“Aku sudah lapar,” bisik Asang kepada sendiri apabila kebaktian bersurai.

Asang kembali ke rumah untuk mengisi perut tetapi bergegas ke gereja lagi. Walaupun sudah tidak muda, saat ini Asang masih bersemangat. Dia berfikir pasti banyak pelayanan sudah dinubuatkan baginya. Pasti Tuhan ada sesuatu baginya dalam gelombang kebangunan rohani kedua ini.

“Pasti Kingas ada mendengar sesuatu daripada Tuhan bagi saya, agaknya pelayanan apakah yang Dia mahu selanjutnya?” fikir Asang yang merasa kehangatan Roh Kudus dalam sanubarinya.

“Kingas, tadi saya tidak dapat mendengar nubuat yang

disampaikan dengan jelas. Apakah yang dinubuatkan untuk saya?” kata Asang kepada Kingas.

Kingas melihat Asang dengan penuh perasaan hormat lalu menjawab.

“Pastor Asang, nubuat itu tidak menyatakan apa-apa tentang apa yang harus dilakukan pastor,” kata Kingas.

“Apa? Nubuat itu tidak ada sesuatu bagi saya? Benarkah Kingas?” kata Asang dengan suara hampa.

Asang merasa terkejut dengan apa yang dikatakan oleh Kingas kerana dia pasti Tuhan ada sesuatu bagi dirinya. Benarkah begitu banyak orang sudah menerima nubuat tentang hidup dan pelayanan mereka kecuali Asang? Mengapakah Tuhan tiada pesan bagi dirinya yang rela saja berkaki ayam ke kampung mana-mana pun dan bila-bila pun?

“Pastor Asang, dalam nubuat itu, Tuhan berkata Dia menghargai yang dilakukan pastor di sini. Nubuat itu berkata pastor cukup taat kepada panggilan-Nya dan telah memberkati penduduk Taginambur dengan kasih Tuhan,” kata Kingas dengan rasa hormat.

“Begitukah Kingas...Roh Kudus ada berkata begitu?” tanya Asang dengan mata yang seakan-akan merenungi apa yang baru didengarnya.

Secara terperinci nubuat yang disampaikan kepada Kingas berbunyi begini:

“Tuhan mengingatkan kita bahawa segala kemakmuran yang datang melalui kuasa-Nya dan Asang ialah alat-Nya. Tuhan telah memberkati penduduk di Taginambur kerana kasih Asang akan Tuhan dan ketaatannya terhadap panggilan-Nya. Tuhan ingin penduduk Taginambur menghormati semua pemimpin dan pastor mereka juga. Seandainya mereka tidak menghormati pemimpin mereka maka kebangunan rohani tidak akan datang. Gereja Taginambur tidak boleh angkuh kerana semua kemuliaan harus diberikan kepada Tuhan atas apa yang dilakukan-Nya.”

Setelah nubuat itu, sikap jemaah berubah sikap terhadap

Asang. Mereka berdoa untuk Asang banyak kali. Pekerjaan dan penginjilan Asang di tengah-tengah mereka semakin dihargai semua. Asang pun dapat merasa perbezaan dalam sikap dan kasih jemaah Taginambur terhadapnya. Dia percaya ini memang suara daripada Tuhan bagi dirinya dan pelayanannya di Borneo. Mengimbas perjalanan pelayanan Asang yang begitu panjang dan sulit, ini memang suara penghargaan-Nya yang mengharukan.

Gelombang kebangunan rohani kedua ini melandai jemaah baik di kalangan tua mahupun muda. Kuasa Roh Kudus turun ke atas jemaah sehingga mereka beribadat sampai pukul empat pagi tanpa lelah. Banyak mukjizat luarbiasa terjadi pada waktu ini. Seorang tetamu, Pastor Peter Barfoot iaitu pastor gereja Delia dari Queensland turut mengalami keindahan kebangunan rohani.

“Pastor, tolong doakan anak saya, sebelah matanya tidak boleh melihat sama sekali,” kata seorang ibu yang mengendong anak perempuan untuk didoakan.

Mukjizat luarbiasa terjadi, anak ini disembuh sempurna sehingga dia boleh melihat dengan sempurna dan tidak buta lagi. Seluruh jemaah tertakjub oleh kuasa Tuhan penyembuhan-Nya.

“Ha! Ha! Grrrh... grrh... ee.. ee.. wee... wee...” seorang wanita mengeluarkan suara yang aneh dan menaikkan bulu roma jemaah.

Semua orang tahu wanita ini kerasukan iblis daripada suara dan tatapan matanya yang tajam. Ada yang membeku dalam ketakutan. Dia perlu dilepaskan daripada ikatan jahat. Pelepasan ini memakan lebih waktu oleh sebab itu mereka membawa dia kembali selama dua jam untuk didoakan.

“Mengapa awak tidak mahu dengar? Tahukah siapa diriku? Ya, saya pelindung mendiang suami awak...dia milikku,” kata wanita yang kerasukan iblis.

Kumpulan kecil yang ikut mereka bersatu dalam doa dan meminta iblis berambus dalam nama Tuhan Yesus. Wanita ini mengeluh panjang lalu iblis melepaskannya. Ikatannya diputuskan

dan jiwanya bagai terlepas daripada kuku iblis.

“Apa yang terjadi kepada diriku? Mengapa aku di sini?” kata wanita itu tercengang sambil melihat semua.

Dia tidak tahu apa yang terjadi kepada dirinya kerana iblis telah menawan seluruh dirinya. Semua orang yang takut merasa damai kerana kuasa Tuhan jelas menaungi tempat ini. Kuasa Tuhan jelas tampak di tengah-tengah jemaah yang lama merindui kedatangan-Nya.

Gelombang kebangunan rohani membada di Taginambur lagi pada tahun 1988. Adakah gelombang ini lanjutan kebangunan rohani yang terjadi pada tahun 1985, atau badai yang baru? Tidak sesiapa pun yang dapat memberi jawapan pasti. Serombongan pemuda pemudi datang dari Sweden untuk bermisi di Taginambur. Selama ini Balan berusaha dengan tidak banyak hasil untuk meyakinkan jemaah bahawa mereka perlu berdoa dan berpuasa.

Kebangunan rohani menjadi begitu bersemarak sehingga rombongan dari Sweden tinggal tiga bulan yang pada mula-mulanya merancang tinggal dua minggu sahaja. Banyak jemaah menerima karunia Roh Kudus pada waktu kebaktian. Banyak orang bertaubat daripada kesalahan mereka, dan mereka yang sudah berundur dalam kehidupan rohani merangkul Tuhan Yesus kembali dan sungguh-sungguh membaca Firman Tuhan.

Jemaah begitu berkorbar-korbar sehingga mereka berdoa dan berpuasa bagi mereka yang sudah berundur dalam iman dan merayu dalam doa bagi pembaharuan mereka. Rosmie turut berpuasa dan berdoa dengan wanita lain dalam persekutuan doa.

Rosmie berkata, “Kami mempunyai satu senarai orang yang kami doakan dan abang suami saya menjadi yang utama dalam hatiku. Dia datang ke ibadat satu malam dan tidak ada apa-apa yang terjadi. Malam kedua dia menerima panggilan pastor Balan dan mencurahkan hatinya kepada Tuhan...Saya bercakap dengan sepupu suami saya dan mereka mengatakan setiap orang yang didoakan tampil sewaktu panggilan mazbah, dan menyerahkan kehidupan

mereka kepada Tuhan.”

Asang begitu gembira melihat gelombang kebangunan rohani yang membadai di Taginambur lagi. Dia ingin berkongsi kegembiraannya dengan temannya di luar negeri. Dalam sepucuk surat, dia mencurahkan keriangannya kepada Tom Hamblin:

“Anda seharusnya di sini untuk menikmati semuanya ini. Jelas, kami mengalami satu lawatan Roh Kudus lagi. Kali ini kami lebih siap daripada sepuluh tahun yang lalu. Pastor-pastor mengunjungi mereka, berdoa bagi mereka dan menggalakkan mereka! Tetapi yang menarik ialah tarian mereka yang menyala-nyala bagai obor. Tom, alang indahnyanya kalau saya masih muda. Saya tidak pernah mengalami semuanya ini.”

Kehadiran jemaah mencecah 500 hingga 600 ratus orang. Asang sering membawa kerusi sendiri ke ibadat kerana tidak cukup tempat duduk. Kebangunan rohani kali ini tidak kelam kabut dan tidak ada roh pemecahan atau keangkuhan di kalangan mereka. Jemaah mencurahkan hati mereka kepada Tuhan dan berpaling dari segala dosa mereka. Keluarga yang berpecah kini saling mengampuni dan bersatu kembali. Jemaah yang tidak hangat dipulihkan seperti tulang-tulang kering di lembah yang dilihat oleh Yehezkiel, mereka berderak-derak dan akhirnya menjadi satu bala tentera di tanah bawah angin.

Asang memberitahu Tom bahawa hampir 90 peratus orang dalam senarai doa menyerahkan hidup mereka kepada Tuhan. Selain itu, seratus empat puluh orang dibaptiskan sekalipun mereka hanya meminta untuk seratus anggota baru.

Kebangunan rohani ini tidak dapat disangkal memang berasal daripada Tuhan. Anggota-anggota yang dipenuhi oleh Roh Kudus begitu bersemangat membawa Injil kepada kampung lain. Jelas apabila Roh Kudus berkarya, jumlah orang yang percaya juga bertambah seperti di gereja awal. “Orang yang menerima perkataannya itu memberi diri dibaptis dan pada hari itu jumlah mereka bertambah kira-kira tiga ribu jiwa” (Kisah Para Rasul 2:41).

Selepas kedatangan Roh Kudus, gereja awal menyebarkan Injil dan menurut apa yang diperintahkan Tuhan Yesus, “Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus, dan ajarlah mereka melakukan segala sesuatu yang telah Kuperintahkan kepadamu. Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu sentiasa sampai ke akhir zaman (Matius 28:20). Semangat hangat untuk penginjilan memang tanda kebangunan rohani yang sejati.

Nubuat penting kebangunan rohani Taginambur ialah jemaah di Sabah akan memainkan peranan besar untuk membawa Injil Penyelamatan Kristus ke Asia Tenggara khususnya Semenanjung Malaysia. Kebangunan rohani di kampung kecil ini dirasai oleh kampung sekitarnya dan Injil semakin tersebar ke tempat lain di Sabah.

Asang yang melayani Tuhan selama 50 tahun merasa sungguh berbahagia dengan sentuhan Tuhan dan curahan Roh Kudus atas umat-Nya. “Janganlah kita berjemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai, jika tidak jadi lemah” (Galatia 6:9). Roh Kudus datang dengan semahu-Nya dan bergerak seperti merpati yang berterbangan cepat dari satu kampung ke satu kampung yang lain. Pengakuan, tangisan, perubahan tergambar jelas oleh buah-buah kehidupan rohani jemaahnya.

Senja Hidup Asang

Mata Asang semakin kabur sehingga ketika menutup mata kanannya, tompok-tompok putih muncul. Apabila dia menutup mata kirinya, tompok-tompok hitam berterbangan. Hamba Tuhan yang gigih ini seperti insan lain semakin uzur secara jasmani menjelang senja hidupnya. Asang masih boleh melihat dan berusaha mendapat rawatan dari Singapura tetapi usia tidak dapat menahan kekaburan penglihatannya.

Asang dipanggil Tuhan tiga bulan sebelum umurnya meningkat 96 tahun. Dia menderita strok selama dua hari sebelum dipanggil Tuhan awal pagi 5.53 hari Isnin, tanggal 29 bulan Mei, 2006. Semua anak, sanak saudara, cucu-cicit dan kawan-kawannya menghadiri upacara pengebumian Asang. Kebaktiannya berlangsung hampir selama empat jam dan dihadiri oleh seribu orang. Penduduk Dusun menangihi kepergian Asang Ating yang sudah menjadi sekeluarga dengan mereka.

Delia Wilson begitu damai kerana sudah menerima Firman-Nya mengenai panggilan ibu bapanya ke rumah Allah Bapa. Airmata syukuran mengalir di pipi Delia kerana tanda kasih Tuhan dinyatakan saat ini. Allah Maha Penghibur mengirim hujan rinyai di kubur Asang sedangkan sekitarnya tidak dihujani. Semua orang tahu bagi Asang tentu, “Kerana bagiku hidup adalah Kristus dan mati adalah keuntungan” (Filipi 2:21).

Sesungguhnya, ayah Delia mengakhiri pelayanan ini bagai olahragawan dan petani setia yang gigih. Sebagaimana pernah ditutur oleh rasul Paulus, demikian juga Asang, “Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman” (2 Timotius 4:7).

Ini tentu hujan ilahi bagi Asang yang pernah dipanggil Trevor White dari Draycott, kampung halaman yang berjuntaian gugusan strawberi. Sifat dan riwayat pelayanannya memberi kita nilai luhur seorang misionari. Kehidupan Asang memberi teladan kepada bukan hanya orang Dusun tetapi juga banyak Kristian di Malaysia.

Ilham Teladan Asang

Demi kasih akan suku Dusun dan memenuhi panggilan Tuhan, Asang telah mendaki bukit-bukau, mengharungi sungai, tidur di tempat yang kurang selesa, makan makanan sederhana seperti cendawan

hutan, daging ular dan melintasi budaya. Dia rela menyanyi di Tamu (pasar malam) demi menarik orang Dusun kepada Tuhan Yesus. Kentuni, Kerangkas dan seorang kawan lagi telah tertarik dengan irama dan lagunya di pasar malam, akhirnya menjadi rombongan penginjil orang Dusun!

Pengikut-pengikutnya mengikut teladannya dan akan berbuat apa saja demi menyebarkan Injil. Pastor Nuria dan Pastor Maria akan bersama-sama orang Dusun menuai padi sambil menyampaikan Injil. Pendekatan mereka telah mengharukan orang Dusun sehingga mereka menerima kasih Yesus.

Tom Hamblin yang berkesempatan berjumpa dengan Asang dari 1976-1986 terharu dengan hidup Asang. Dia berkata, “Kami menikmati persekutuan yang begitu kaya, dan telah merancang pembangunan semula Sekolah Alkitab Nemaus, bekerjasama dengan penduduk sini dari pagi hingga ke petang. Pembinaan ini mengambil dua tahun. Sewaktu perasmian sekolah ini, saya menyamakan Asang dengan nabi Hagai yang melaluinya Roh Tuhan telah mengerakkan umat Tuhan untuk membangun semula Rumah Tuhan, dan perjanjian kelak akan datang... “Adapun Rumah ini, kemegahannya yang kemudian akan melebihi kemegahannya yang semula, firman Tuhan semesta alam, dan di tempat ini Aku akan memberi damai sejahtera, demikianlah firman TUHAN semesta alam” (Hagai 2:10).

Kalau waktu kecil, Asang berenang dalam sungai di Draycott, waktu dewasa dia bermandi di sungai jernih dan mengenderai kerbau yang bersalutan tanah. Kalau waktu remaja, Asang mengayuh basikal untuk memberi sejambak bunga kepada seorang gadis, waktu dewasa dia berjalan berhari-hari dari satu kampung ke kampung yang lain demi Injil. “Mata-Mu melihat selagi aku bakal anak, dan dalam kitab-Mu semuanya tertulis hari-hari yang akan dibentuk sebelum ada satu pun daripadanya” (Mazmur 139:16)

Kecemerlangan ketrampilan praktis dan perincian dalam tugas memampukan Asang membangun sekolah Alkitab, sekolah, gereja bahkan menempatkan penduduk di kampung yang jarang-

jarang ada penghuni iaitu Taginambur. Dengan penempatan umat Tuhan di Taginambur banyak ketakutan tentang roh-roh jahat lenyap. Sebaliknya, mereka menjadi terang Kristus.

Sikapnya yang tidak sambil lewa dan tidak “chin-chai, chin-chai” menjadi teladan yang baik bagi jemaah di sini. Dia akan menekuni segala pekerjaannya sama ada itu pembinaan bangunan, menyemai padi, ataupun mengajar. “Jangan hendaknya kerajinanmu kendur, biarlah rohmu menyala-nyala dan layanilah Tuhan” (Roma 11:12). Dia tidak berpangku tangan dan melihat jemaahnya bekerja.

Asang tidak pernah kecewa sekalipun terpaksa memakai seluar yang hampir seperti cawat di kem tahanan Jepun. “Bukankah gaya ini lebih dingin dan sihat?” guraunya. Kem tahanan dijadikan kesempatan belajar Bahasa Dusun daripada seorang sarjana. Betapa semangatnya tidak pudar selepas perang, dia kembali lagi ke Borneo dengan kegigihan yang lebih lagi. Penderitaan dahsyat di kem tahanan tidak membuat dia akur dan menggugur panggilan-Nya. “Tiada seorang pun yang mula membajak dan asyik menoleh ke belakang layak bagi kerajaan Tuhan” (Lukas 9:62).

Walau Asang terpaksa keluar daripada BEM kerana berkahwin dengan wanita Malaysia dia reda dengan ketentuan yang memeritkan ini. Dia tetap melayani dengan matanya berpaut kepada Pengarang permulaan dan keakhiran hidupnya. Yang penting Kristus mesti diberitakan. “Tetapi tidak mengapa, sebab bagaimanapun juga, Kristus diberitakan, baik dengan maksud palsu mahupun jujur. Tentang hal itu aku bersukacita. Dan aku akan tetap bersukacita” (Filipi 1:18)

Semangat memperbaiki kesejahteraan hidup kampung-kampung Dusun ini dilaksanakan sejajar pengajaran Firman Tuhan. Apabila Asang mewarisi wang daripada pakciknya, segera dia membeli enjin bagi kilang papan agar orang Kristian dapat mencari sumber pendapatan dan kemahiran bagi hidup mereka. Pengetahuan dalam bidang perubatan dan pertukangan sering digunakan untuk penduduk Dusun.

Strategi. Asang dalam penginjilan berdasarkan Alkitab, memuridkan pemimpin-pemimpin tanpa memandang wajah dalam pemilihan para pemimpin. Dibentuknya mereka menjadi pengkhotbah yang membawa firman Tuhan secara sederhana tetapi berkuasa. Jelas, Tuhan Yesus dipermuliakan dalam insan-insan sederhana; Kentuni yang takut akan roh-roh jahat berubah menjadi pastor yang berani mengherdik badai atau roh jahat.

Asang hidup seperti orang Dusun bahkan dia mendirikan rumahtangga dengan wanita sini, Konih. Usaha isterinya membela babi dan berjualan demi menolong keluarga dihargainya. “Tukar dengan seguni emas pun saya tidak mahu,” kata Asang mengenai isterinya. Misionari ini tidak pernah mengabaikan keluarganya, dia mengambil berat akan pelajaran mereka.

Pingat emas atau panglima daripada Rajah mahupun mana-mana badan misi tidak diharapkan oleh Asang. Segala dilakukannya disebabkan kasih kepada Tuhan Yesus dan hutang Injil. “Sebab segala sesuatu adalah daripada Dia, dan oleh Dia, dan kepada Dia: Dialah kemuliaan sampai selama-lamanya!” (Roma 12:36)

Boleh kita simpulkan, Asang menanam sebiji sesawi di Borneo yang kemudian bertumbuh menjadi hutan. “Kerajaan syurga seperti sebutir biji sesawi yang dibawa oleh seseorang untuk ditanam di ladangnya. Biji sesawi itu paling kecil di antara semua benih, tetapi apabila tumbuh, menjadi tumbuhan yang lebih besar daripada semua tumbuhan lain sehingga menjadi sebatang pokok tempat burung membuat sarang.” (Matius 13:31)



Asang menjadi orang Dusun dan beranak-pinak, bercucu-cicit sehingga keturunannya kini berada di Malaysia.

SURAT DARIPADA REV. EBIN GILINGAN

Saudari Hwee Yong,

Salam sejahtera dalam nama Tuhan Yesus yang bangkit.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana mengundang saya menulis 'Mengenangi Saat Bersama Asang.' Asang memang tetap hidup dalam kenangan banyak penduduk di sini kerana seperti namanya, dia memang pembawa terang Kristus kepada kami, dan telah mengilhami kami untuk hidup bagi Tuhan Yesus.

Asang Itu Salih Namun Ramah.

Saya sangat beruntung kerana mengenal dan menerima Kristus menjadi Tuhan dan Penyelamat peribadi saya kerana Injil yang telah dibawa oleh Trevor White (Asang). Asang, orang berkulit putih yang ulung sekali saya kenal pada usia muda sekitar 7-8 tahun. Zaman itu saya belum memahami Injil tetapi saya sungguh tertarik dengan sikap Asang yang serius, tenang dan salih namun ramah.

Jelas, dia kelihatan seperti selalu dalam sikap beribadat. Ketika tidak ada sesiapa yang bersembang dengannya, beliau terus memejam matanya seakan-akan dia sedang berdoa. Setiap kali Asang atau orang yang dilantiknya untuk bercerita atau berkhotbah, saya amat tertarik mendengarnya dengan segenap perhatian. Satu ketika pencerita yang dilantik Asang mengakhiri cerita dengan bertanya: "Apakah kamu percaya Yesus Anak Tuhan yang telah mati di salib dan hidup kembali pada hari yang ketiga? Dengan segera saya respon dan berkata dalam hati, "Ya, saya percaya."

Asang Bervisi Mantap Untuk Gereja.

Asang tidak hanya mengambil berat tentang hidup rohani tetapi juga

ekonomi dan pendidikan gereja. Pada tahun 1957, atas pimpinan Asang, beberapa orang dari sebuah kampung di pergunungan, Parad pergi ke lembah yang jauhnya dari Kota Belud, tepat 10 batu sehingga ia dipanggil Batu 10 (sekarang lebih popular dengan nama Taginambur sebab nama itu meliputi kawasan Batu 8 ½ hingga Batu 11). Visi Asang yang mantap itu demi membangun masa depan gereja, maka Taginambur menjadi seperti dunia yang kita kenal sekarang.

Asang Berpandangan Jauh

Beliau melihat saya sebagai pemuda berkeperibadian dan berpotensi. Di bawah pimpinannya, saya sering diberi bahagian menyampaikan khutbah dan memimpin ibadat umum. Pada tahun-tahun di mana saya sedang bergomol dengan panggilan Tuhan ke pelayanan sepenuh masa, pada tahun 1957-1961, saya sering diberikan Asang kesempatan melayani. Saya akhirnya menyerahkan diri dalam tahun 1962 lalu memasuki Lawas Bible School.

Pada 1958, saya bersama empat pemuda lain (Pendiling, Galidau, dan dua yang lain) dibawa oleh Asang melawat Tagaroh, yang berdekatan Kota Marudu yang pada masa itu namanya dikenali Bandau. Miss Young (Semina) guru saya dan Delia, anak perempuan Asang yang pada ketika itu berumur sekitar 6 tahun pergi bersama-sama.

Kami menaiki Jip (milik Rantian) dari Taginambur sampai di Langkon saja. Kemudian kami teruskan perjalanan dengan berjalan kaki di jalan yang sempit menelusuri hutan belukar dan rumput lalang di sepanjang jalan sampai sebuah sulap (pondok) di tepi sungai Kukut. Sulap itu memang didirikan di sana untuk penginapan para pelancong dan kakitangan kerajaan yang berulang alik dari Kota Kinabalu – Kota Belud – dan Bandau. Selepas pondok itu, tidak ada lagi tempat bermalam. Pdt. Asang menasihati kami supaya tidur awal agar esoknya cukup segar untuk berjalan sepanjang hari. Keesokan

hari, kami teruskan perjalanan selepas sahaja kami bersarapan. Pdt. Asang membawa beg di belakangnya manakala Delia yang baru 6 tahun dijunjung di atas tengkuknya memandangkan jalan yang dilalui kurang sesuai untuk anak yang berusia 6 tahun. Hampir sepanjang perjalanan, kami pemuda dan remaja berjalan lebih ke hadapan, lalu berhenti menunggu Asang, Semina dan Delia.

Memberita Injil Bersama Asang

Sebelum kami tiba di Bandau, Asang membawa kami bersinggah di rumah pegawai kanan kerajaan di daerah itu untuk memaklumkan kedatangan kami ke kawasan itu. Kami tidak masuk rumah, kami hanya menunggu di luar kemudian kami berjalan terus menuju ke Bandau di mana ketua kampung Tagaroh sedang menunggu kami. Di Kampung Tagaroh sudah ramai orang percaya. Ada juga beberapa orang dari Taginambur telah berpindah menetap di sana kerana mencari tanah yang lebih luas. Setibanya kami di Bandau, seorang wanita cina 50-an (pekedai) menghampiri saya seraya bertanya, “Api-Api punya orangkah?” Para pekedai melihat kami seperti orang Bandar Api-Api (Jesselton) sekarang Kota Kinabalu (KK). Mungkin cara penampilan kami menunjukkan perubahan dan kemajuan hidup luaran dan dalaman dibandingkan dengan para penduduk di sekitar Bandau.

KK Timbuong yang telah menyambut kami di Bandau terus membawa kami ke Kg. Tagaroh dengan berjalan kaki. Asang, Delia dan Semina menginap di rumah KK Timbuong. Pemuda-pemuda lain menginap di rumah orang kampung yang kosong; oleh sebab begitu penat, kami semua tidur nyenyak sekali malam itu. Paginya saya mendapati diri saya sakit kepala dan demam panas akibat kesuntukan air dalam badan sepanjang perjalanan kelmarinya. Kami tidak membawa bekalan air yang mencukupi kerana mengharap banyak anak sungai di sepanjang jalan, Air sungai di hutan pada masa itu selamat diminum begitu sahaja. Ternyata tidak seperti

yang kami harapkan. Asang dan Semina mendoakan agar saya cepat sembuh supaya saya dapat menjalankan tugas pelayanan saya pada hari berikutnya.

Hari berikutnya ialah hari Ahad. Asang memaklumkan saya bahawa saya harus berkhotbah untuk satu sesi ibadat. Saya tidak menyangka saya akan diberi tugas berkhotbah. Ada daripada kalangan kami yang lebih dewasa tetapi saya pula yang disuruh. Dengan perasaan bangga kerana diberi kepercayaan oleh Asang sendiri, saya berfikir-fikir sambil berdoa untuk pimpinan Tuhan. Tiba-tiba muncul dalam hati saya ayat Alkitab, iaitu Yakobus 1:12. Walaupun secara spontan saja saya membuat persiapan, Roh Kudus telah memberi saya hikmat untuk menghuraikannya. Selesai berkhotbah, saya memandang Asang dan beliau juga memandang saya. Pandangannya itu membawa mesej bahawa beliau sangat puas dengan cara penyampaian Firman Tuhan saya. Saya sangat terdorong dan bersyukur kepada Tuhan kerana jemaat diberkati dengan Firman Tuhan, dan galakan Asang memberi semangat kepada saya untuk terus berkhotbah.

Sewaktu saya berdoa untuk penutup khutbah saya, Asang terus berdiri seraya mengaminkan Firman Tuhan yang saya sampaikan. Lalu dia berkata lagi, “Adalah sangat berkenan di hati Tuhan bila kita petik ayat Firman Tuhan dalam doa kita.” Asang mengatakan demikian kerana saya berdoa dengan menggunakan ayat Firman Tuhan sebagai kesimpulan khutbah saya. Semina turut memberi dorongan dengan senyuman gembiranya seraya memandang saya dengan bangga.

Asang Suka Melihat Orang Muda Giat.

Saya sangat diberkati dengan sikap Asang yang suka memberi dorongan kepada orang muda seperti saya untuk giat melayani. Beberapa kali saya membawa rombongan yang terdiri daripada remaja lelaki dan

perempuan melawat kampung-kampung yang berhampiran seperti Kg. Ratau, Kg. Tamu Darat dan Kg. Gaur dengan berjalan kaki sejauh antara 2-4 batu. Kami berulang alik pada hari Ahad dan tidak kisah berjalan kaki seperti Asang. Dalam perjalanan, para remaja lelaki berjalan lebih ke hadapan manakala para remaja perempuan kira-kira 50 meter di belakang. Kami tidak mahu berjalan bersama-sama di dalam kumpulan. Itulah sifat dan budaya pada masa itu, untuk menjaga kepekaan penduduk yang baru percaya di kampung-kampung berkenaan.

Asang Itu Tegas Namun Lembut Dan Prihatin.

Saya masih ingat Lydia, anak Asang semasa belajar dalam tahun pertamanya di Sekolah Alkitab Lawas tahun 1964. Seorang jejaka pelajar tahun akhir menyukainya, namun Lydia tidak memberi respon yang positif kepada jejaka itu. Tetapi jejaka itu terus mengharap dan cuba merayu kepada Lydia sehingga dia berasa terganggu. Bagaimanapun masalah tersebut sampai ke pengetahuan Asang di Taginambur. Asang segera ke Lawas untuk berurusan dengan jejaka itu. Keduanya, Asang dan jejaka itu bertemu di ruangan kelas utama di bangunan sekolah. Lalu Asang dengan tegas namun lembut menjelaskan kepada jejaka itu bahawa Lydia pernah disakiti oleh seorang jejaka dua tahun yang lepas dan belum pulih sepenuhnya. Atas sebab itulah dia belum bersedia untuk menerima kehadiran sesiapa jejaka dalam hidupnya. Jejaka tersebut terpaksa menerima hakikat itu dengan perasaan hampa dan kecewa, namun kerana Asang menjelaskannya dengan lemah lembut, dia tidak menyimpan rasa sakit hati.

Asang Itu Sangat Peduli Dan Bertanggungjawab.

Surat-surat dari Pejabat Pos Kota Belud selalunya diberikan kepada Asang kerana kebanyakan suratnya adalah untuk Asang, Grace (Bedu), Nell (Semina), Don (Miol) dan ketua kampung. Setelah Asang mengasing-asingkan surat-surat itu, beliau akan menghantar sendiri surat-surat tersebut kepada mereka.

Tentang pengurusan masa, Asang adalah peribadi yang tepat dijadikan teladan nombor satu. Masa ibadat umum di Taginambur bermula jam 9.30 pagi. Seharusnya jemaat sudah tiba di gereja sebelum jam 9.30 pagi. Tetapi biasanya jemaat baru sahaja sampai di gereja pada jam 9.30 pagi, dan ada yang datang lewat 15-30 minit. Untuk memberi kesedaran dan pelajaran kepada jemaat, Asang sangat tegas dengan masa sehingga sekiranya ibadat itu belum dapat dimulakan setelah lewat 5-10 minit, beliau akan berdiri dan keluar meninggalkan ruangan ibadat dan balik rumah. Ketegasan Asang telah menyebabkan jemaah datang tepat pada waktu ibadat.

Asang Merestui Panggilan Tuhan Atas Saya

Dalam 1962, saya telah bertekad mengikuti pembelajaran teologi di Sekolah Alkitab Lawas, walaupun sebenarnya saya sudah mempunyai girlfriend dan akan mengawininya bila sampai masa yang sesuai. Tetapi Pastor Lagadan Ganggai enggan merestui kepergian saya sekiranya saya tidak putuskan hubungan dengan girlfriend saya, atau lebih baik kahwin dahulu supaya kami dapat pergi bersama-sama. Tetapi kami masih sangat muda untuk menjadi suami isteri pada ketika itu. Kata Pastor Lagadan bahawa dasar Sekolah Alkitab Lawas tidak akan menerima calon pelajar yang sudah mempunyai teman.

Asang memberi dorongan kepada saya, “Pergi sahaja dalam keadaan bujang, banyak juga anggota polis masih bujang. Mereka mampu menjaga makan minum mereka masing-masing.” Saya berasa sedih dan sakit hati meninggalkan cinta yang sudah terjalin sekian lama, tetapi kerana yakin dengan kehendak dan panggilan Tuhan ke Sekolah Alkitab, maka saya pilih untuk meninggalkan girlfriend dan taat kepada kehendak Tuhan dengan restu dan dorongan Lagadan, Saya sangat bangga menjadi pemuda pertama Taginambur menyahut panggilan Tuhan untuk mempersiapkan diri ke pelayanan sepenuh masa. Semua ini merupakan hasil daripada pimpinan dan galakan Asang yang selalu yakin akan kebolehan saya.

Asang Bangga Melihat Hasil Pimpinannya

“Ebin, bolehkah saya menumpang di rumah kamu selama satu atau dua malam. Saya ada urusan di KK dan saya perlu tempat menginap.” Ini berlaku pada tahun 1978, saya dengan senang hati menjawab, “Ya, rumah ini terbuka kepada sesiapa saja yang memerlukannya, terutama hamba Tuhan seperti Asang.” Asang memberi senyuman lebar dan sangat manis. Saya tahu Asang tidak kurang kenalan di KK, tetapi beliau telah memilih menginap di rumah tempat tinggal kami di Kepyayan, iaitu rumah besar peninggalan para Missionari B.E.M. Para Missionari meninggalkan Sabah dalam tahun 1970. Pada siang hari, kami (Asang dan saya) sibuk dengan urusan masing-masing. Hanya pada waktu makan malam dan sarapan kami dapat bersembang-sembang.

Saya agak Asang memang sengaja memilih untuk menjadi tetamu saya supaya dengan kesempatan itu dia menyatakan dari hatinya betapa dia bangga melihat anak dari Taginambur, gereja hasil pelayanan dan pimpinannya sendiri menjabat pemimpin utama SIB Sabah sebagai Presiden Pertama SIB Sabah. Kebetulan SIB Sabah baru berpisah dengan SIB Sarawak dan berpusat di KK. Konferensi perpisahannya berlaku pada 6-10 Disember 1976. Saya memandang Asang dengan perasaan penuh kesyukuran kepada Tuhan yang telah mencurahkan anugerah-Nya dan membimbing saya melalui Asang.

Yang Ikhlas
Rev. Ebin Gilingan



Rev. Ebin Gilingan, Presiden Pertama SIB, Sabah dan isterinya

MISI DAN SAYA

Doa Bagi Misi

O Tuhanku, Engkau telah menjadikan semua umat dunia satu darah dan telah mengutus Anak-Mu (Yesus) untuk berkhotbah damai kepada mereka baik yang dekat mahupun yang jauh. Aku memohon agar manusia di seluruh bumi akan mencari Engkau dan menemukan Engkau. Bawalah semua negara ke dalam hadirat-Mu. Curahkan Roh-Mu atas semua insan, dan mempercepatkan kedatangan kerajaan-Mu melalui Yesus Kristus, Tuhan kami, yang hidup dan memerintah bersama-Mu, Roh Kudus, satu Allah, kini dan selama-lama-Nya. (Buku Common Prayer, Anglikan).

Bahagian 1

Bab 1-3

Permulaan Hidup Asang

Seringkali kita hanya mendedahkan orang dewasa kepada Misi tetapi Tuhan juga memakai anak-anak kecil. Bukan hanya orang dewasa akan diurapi untuk membawa Injil tetapi juga anak-anak kecil, anak remaja dan pemuda-pemudi. “Akan terjadi pada hari terakhir demikianlah firman Tuhan-bahawa Aku akan mencurahkan Roh-Ku ke atas semua manusia, maka anak-anakmu laki-laki dan perempuan akan bernubuat, dan terunamu akan mendapat penglihatan-penglihatan dan orang tuamu akan mendapat mimpi” (Yoel 2:28).

1. Apakah yang dilakukan oleh ibu Hana apabila Tuhan mengarunia dia dengan seorang anak yang bernama Samuel? (1 Samuel 1:28)
2. Apakah yang dilakukan oleh ibu bapa Asang ketika dia masih berumur 11 bulan?
3. Latarbelakang apakah dalam kehidupan Daud yang memberi dia keberanian melayani Tuhan dan menghadap Goliat yang bagai raksasa? (1 Samuel 17:37)
4. Bagaimana Asang melayani Tuhan sejak kecil lagi bersama ibunya?
5. Apakah yang menyebabkan semangat Asang meluap-luap sehingga Dia mahu melayani Tuhan? (Matius 28: 19)
6. Kenapakah Tuhan mahu Asang meninggalkan kerjayanya sebagai pereka corak papan? (Lukas 5:11)
7. Menurut anda mengapakah Tuhan membiarkan Asang menunggu sekian lama sebelum ke Borneo?

Bahagian 2

Bab 4-7

Penginjilan dan Kem Tahanan Jepun

Pada zaman itu kebanyakan orang Dusun menganut agama animisme. Perkataan animisme berasal daripada perkataan Latin yang bererti “roh.” Mereka percaya roh-roh di mana-mana sahaja, di batu besar, mata air, air terjun, pokok besar bahkan binatang-binatang seperti burung, ular atau lipan. Jadi suku Dusun pada zaman itu tinggal dalam ketakutan akan terserempak dengan roh-roh ini. Bagi suku Dusun, komunikasi daripada dunia roh boleh datang melalui mimpi ataupun penjelmaan binatang-binatang. Asang yang datang dari Draycott memerlukan hikmat Tuhan untuk membawa mereka kepada Kristus.

1. Unsur apakah dalam cerita rakyat orang Dusun yang menunjukkan mereka sudah disiapkan untuk menerima Alkitab?
2. Apakah perbezaan Kinorohingan (Tuhan) yang dipercayai oleh orang Dusun waktu itu dengan Kinorohingan yang akan diceritakan oleh Asang?
3. Menurut anda, mengapa orang Malaysia Timur suka memberi mubaligh nama suku mereka? Bagaimanakah Trevor White menyambut cadangan agar namanya ditukar ke Asang Ating?
4. Kalau kita melihat dalam Alkitab sewaktu rasul Paulus menyampaikan Injil, apakah yang terjadi? (Kisah Para Rasul 13:48).
5. Jelas keadaan pendengar-pendengar Dusun ketika Asang dan Stafford berkhotbah? Bagaimana hasilnya? (Matius 13:23).
6. Bagaimanakah Asang mempersiapkan diri untuk misi selanjutnya sewaktu di kem tahanan Jepun?
7. Mengapakah kematian di kem tahanan Jepun pun tidak akan menghancurkan semangat untuk terus bermisi di Borneo? (Yohanes 14:1-4)

Bahagian 3

Bab 8-12

Pendekatan Misi Asang

Perumus teori Misi seperti Henry Venn (1796-1873) dan Rufus Anderson (1796-1880) telah mengemukakan teori-teori misi yang dikenali sebagai “Three-Self” (Tiga Sendiri)--Penginjilan Sendiri, Pengurusan Sendiri, dan Pendukungan Sendiri. Pendekatan Asang yang melibatkan suku Dusun yang sudah mengenali Tuhan telah meneguhkan gereja SIB dalam kalangan orang Dusun serta mengikut corak “Three Self.”

1. Bagaimanakah Tuhan Yesus menjalankan penginjilan-Nya sewaktu Dia berada di dunia ini? (Matius 10:1)
2. Cara penginjilan Asang di kalangan suku Asang menyerupai corak Tuhan Yesus. Bincangkan.
3. Tuhan secara ajaib meyakinkan segelintir wanita melalui mimpi mereka yang ditakwilkan Asang. Bagaimanakah mimpi mereka tentang sungai yang mengalir terus mengalir boleh dikaitkan dengan kebenaran Alkitab? (Wahyu 22:17)
4. Dalam Matius 10:8 murid-murid Tuhan Yesus menyembuh yang sakit, mengusir iblis, membangkitkan yang mati dan mentahirkan pesakit kusta. Keajaiban-keajaiban apakah dilakukan di tengah-tengah penduduk Dusun ketika Asang dan penginjil-penginjil Dusun menyebarkan Injil?
5. Mengapakah karya penyelamatan Tuhan dikatakan bagai hujan yang menghujani di kampung-kampung seperti kampung Parad pada tahun 1950-1960?
6. Nasihat apakah yang diberikan oleh Rasul Paulus kepada Timotius untuk mengembangkan kerajaan Tuhan? (2 Timotius 3:16-17)
7. Bagaimana Asang dan Sam Golland menggembalakan begitu banyak orang Dusun yang baru percaya dan begitu banyak kampung?

Bahagian 4

Bab 13-16

Melangkah Dengan Iman

Selain memberitakan Injil, mengajar firman Tuhan dan menggembalakan jemaah, Asang juga terlibat dalam pelbagai aktiviti yang membawa kesejahteraan kepada penduduk Dusun. Dia telah menghulurkan

pertolongan perubatan, membina Sekolah Alkitab, gereja-gereja, kilang papan dan juga sekolah. Kita juga dapat belajar sesuatu daripada rakan sekerja Asang, Cik Semina yang turut mengusahakan pembinaan sekolah dan panggilannya ke misi.

Iman penginjil-penginjil Dusun juga membawa perubahan dalam kampung.

1. Dalam misi hanya satu langkah sahaja boleh melahirkan satu bangsa beriman. Langkah apakah yang diambil oleh Abraham sehingga melahirkan bangsa besar? (Kejadian 12:1-4)
2. Apakah yang dilakukan oleh Semina untuk menggapai impian ke ladang misi? (Bab 14)
3. Sombuoi dan Gimpton telah melangkah iman ke kampung Sayap dan Terintiden yang cukup mencabar. Apakah yang dilakukan oleh mereka sebelum ke sana? (Bab 15)
4. Apakah yang menjadi pendapat rasul Paulus apabila dia menerima satu visi daripad seorang Makedonia? (Kisah Para Rasul 16:10)
5. Pekerjaan di Kota Tagaroh bermula dengan panggilan dan Sulidan telah memberi respon segera. Kenapa? (Bab 16)

Bahagian 5

Kebangunan Rohani

Bab 19-21

Roh Kudus telah meniup semahu-Nya pada tahun 1971 dan telah mendatangkan kebangunan rohani di pelbagai kawasan di Sabah dan Sarawak. Walaupun kebangunan rohani ini tidak ada kaitan antara

satu dengan yang lain, tetapi kebangunan rohani ini mempunyai beberapa ciri-ciri yang sama. Ciri-ciri ini juga sama dengan kebangunan rohani dunia yang lain. “Tuhan seperti telah bertindak berlainan daripada cara biasa-Nya, dan dengan cepatnya bergerak Roh-Nya serta menyentuh banyak hati. Begitu indah manusia boleh begitu tiba-tiba diubah.” (CC. Goen, *The Great Awakening*)

1. Apakah yang menjadi sikap umat Tuhan sebelum kebangunan rohani terjadi dalam jiwa mereka? (Yesaya 57:15)
2. Apakah yang mewarnai peristiwa Sekolah Alkitab Lawas sebelum kedatangan kebangunan rohani?
3. Bagaimanakah kita tahu bahawa sesuatu kebangunan rohani itu sejati dan datang daripada Tuhan? (2 Korintus 3:17)
4. Kebangunan rohani juga sering dialami setelah umat Tuhan melalui suatu jangka waktu yang bagaimana khususnya dari sudut kerohanian? (Mazmur 86:7)
5. Jelaskan keadaan jemaah di Taginambur sebelum mereka mengalami kebangunan rohani gelombang yang kedua?
6. Kebangunan rohani yang membangun harus disertai oleh apa? (2 Raja-Raja 22:11; Kisah Para Rasul 2:42).
7. Berkongsi dengan kawan-kawan anda tentang sifat-sifat Asang yang mengilham anda untuk melayani Tuhan Yesus.

BIBLIOGRAFI

1. Eliot, Peter. Asang. Australia: Delia Wilson. 1997, hal. 4.
2. Ibid 12
3. Wilkinson, Philip. Religions. London: Cobaltid. 2008, hal 48.
4. Lees, Shirley. Jungle Fire. Canada: Oliphants Ltd. 1964, hal.36-37.
5. Baker, Jim. Crossroads. Singapura: Times Book International. 1999, hal. 221-222.
6. Southwell, Hudson. Uncharted Water. Canada: Astana Publishing. 1999, hal. 142.
7. Ibid 146
8. Asang, hal. 27-28
9. Lees, Shirley Mabuk Sebelum Fajar Menyingsing, hal.81
10. Lees, Shirley. Jungle Fire, hal. 29.
11. Solomon Bulan dan Lilian Bulan Dorai. The Bario Revival. Kuala Lumpur: Home Matters Network. 2004, hal:8.
12. Ibid 96
13. Elliot, Peter. Asang, hal.91-93.
14. Hardman, J. Keith. The Spiritual Awakeners.. Chicago: Moody Press. 1983, hal 19.
15. Kenneth S. Latourette. The Unquenchable Light. London: Eyre & Spottiswoods. 1945, hal. 17.
16. Hardman, J. Keith. The Spiritual Awakeners, hal. 21.
17. Jin Huat, Tan. Planting an Indigenous Church. Great Britian: Regnum Books International. 2011, hal.223.
18. Elliot, Peter. Asang, hal.96